KEMENTERIAN KEWANGAN

Belanjawan 2024
MALAYSIA MADANI

TINJAUAN FISKAL

DAN ANGGARAN HASIL KERAJAAN PERSEKUTUAN

FISCAL OUTLOOK AND FEDERAL GOVERNMENT REVENUE ESTIMATES

2024

EKONOMI MADANI: MEMPERKASA RAKYAT

TINJAUAN FISKAL DAN ANGGARAN HASIL KERAJAAN PERSEKUTUAN 2024

KEMENTERIAN KEWANGAN
MALAYSIA

PRAKATA

**MENTERI KEWANGAN
MALAYSIA**

Ekonomi Malaysia telah menunjukkan keteguhan dan daya tahan yang membanggakan dengan mencatatkan pertumbuhan sebanyak 8.7% pada 2022. Momentum pertumbuhan ini berterusan pada 2023 walaupun pada kadar yang lebih perlahan dengan mencatat pertumbuhan sederhana sebanyak 4.2% pada separuh pertama 2023 disebabkan oleh kelembapan pertumbuhan ekonomi dan perdagangan global. Perbelanjaan domestik terus memacu momentum pertumbuhan dengan sokongan asas ekonomi yang kukuh.

Kerajaan akan mendukung dasar fiskal yang kukuh bagi menyokong momentum pertumbuhan ekonomi secara mampan serta meningkatkan kesejahteraan rakyat selaras dengan kerangka Ekonomi MADANI. Kerangka ini antara lain, memberikan tumpuan kepada pencapaian daya tahan dan kemampanan fiskal dengan sasaran defisit fiskal sebanyak 3% dalam tahun mendatang. Aspirasi ini juga bertujuan untuk mentransformasikan ekonomi negara bagi merealisasikan hasrat Malaysia untuk menjadi 30 ekonomi terbesar dalam tempoh 10 tahun. Penyepaduan dasar-dasar menerusi Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara, Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 dan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua Belas akan menggerakkan usaha seluruh jentera kerajaan secara kolektif untuk meletakkan Malaysia sebagai sebuah ekonomi yang disegani dan terkemuka di Asia.

Pada 2024, tinjauan fiskal akan mengutamakan langkah kitaran balas dalam mendepani cabaran luaran dan menyokong inisiatif bagi menentukan hala tuju baharu ekonomi. Dalam mengharungi cabaran dan peluang ini, Kerajaan terus komited untuk mencapai defisit fiskal yang lebih rendah iaitu 4.3% melalui konsolidasi fiskal. Kita juga berazam untuk mendukung prinsip amalan kewangan awam yang bertanggungjawab dan pragmatik dalam memperkukuh semula penampan fiskal serta mengurangkan pendedahan kepada hutang dan liabiliti, dan pada masa yang sama berusaha mencapai pertumbuhan dan pembangunan sosioekonomi. Kerajaan akan melaksanakan

langkah pembaharuan fiskal yang tegas untuk mengukuhkan pengurusan dan mempelbagaikan sumber hasil, di samping mengurangkan pembaziran dan ketirisan serta mengoptimumkan perbelanjaan. Dalam hal ini, Akta Kewangan Awam dan Tanggungjawab Fiskal yang akan berkuat kuasa dapat menggiatkan usaha untuk memperkukuh tata kelola, akauntabiliti serta ketelusan dalam pengurusan kewangan awam.

Dalam keadaan ekonomi global yang tidak menentu, keperluan mewujudkan strategi kewangan yang teguh dan pengurusan fiskal yang berhemat tidak boleh dipandang remeh. Laporan ini menggariskan komitmen Kerajaan untuk mengekalkan standard ketelusan dan tata kelola fiskal yang tinggi. Dengan penuh rasa tanggungjawab dan akauntabiliti, saya membentangkan perspektif menyeluruh mengenai pengurusan kewangan awam negara sebagaimana yang digariskan dalam laporan Tinjauan Fiskal dan Anggaran Hasil Kerajaan Persekutuan 2024 ini. Dalam menyingkap kembali pencapaian dan cabaran fiskal yang ditempuhi, kita sama-sama berinspirasi mengenai harapan dan peluang yang terbuka di hadapan.

Laporan ini merupakan hasil dedikasi dan sumbangan daripada pelbagai pihak berkepentingan khususnya warga Kementerian dan rakyat amnya. Justeru, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua yang terlibat dalam penyediaan Laporan ini. Peri penting untuk saya menegaskan semula komitmen kami terhadap pengukuhan kemampanan fiskal. Marilah kita bersama-sama berusaha mendepani cabaran, merebut peluang yang mendatang dan meraikan era pertumbuhan mampan yang memberikan manfaat kepada seluruh rakyat Malaysia seiring dengan visi Malaysia MADANI.

ANWAR IBRAHIM
13 Oktober 2023

BELANJAWAN KERAJAAN PERSEKUTUAN 2024

DARI MANA DATANGNYA

Pinjaman dan Penggunaan Aset Kerajaan
21.9%

Cukai Pendapatan
44.4%

**RM393,800[1]
JUTA**

Hasil Bukan Cukai
16.2%

Cukai Tidak Langsung
14.9%

Cukai Langsung Lain
2.6%

KE MANA DIBELANJAKAN

**PERBELANJAAN
PEMBANGUNAN**

Keselamatan
3.2%

Pentadbiran Am 1.0%

Sosial
7.2%

Emolumen
24.3%

Ekonomi
11.5%

**RM393,800[2]
JUTA**

Bayaran Khidmat Hutang
12.6%

Lain-lain
6.7%

**PERBELANJAAN
MENGURUS**

Subsidi dan Bantuan Sosial
13.4%

Perkhidmatan dan Bekalan
9.7%

Pemberian dan Serahan kepada Kerajaan Negeri
2.2%

Bayaran Persaraan
8.2%

[1] Terdiri daripada hasil dan pinjaman
[2] Tidak termasuk simpanan luar jangka
Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

MALAYSIA: PERANGKAAN PENTING DAN UNJURAN
MALAYSIA: KEY DATA AND FORECAST

LUAS KAWASAN 2020 (Kilometer persegi) *AREA 2020 (Square kilometres)*				
Malaysia	Semenanjung Malaysia *Peninsular Malaysia*	Sarawak	Sabah	Wilayah Persekutuan[1] *Federal Territory[1]*
330,241	132,786	124,450	73,621	384

	2022		2023[7]		2024[8]	
PENDUDUK[2] (juta) ***POPULATION[2]*** *(million)*	32.7		33.4		33.7	
PENGELUARAN DALAM NEGERI ***DOMESTIC PRODUCTION***	RM juta *RM million*	% perubahan *% change*	RM juta *RM million*	% perubahan *% change*	RM juta *RM million*	% perubahan *% change*
Keluaran Dalam Negeri Kasar (harga malar 2015) ***Gross Domestic Product*** *(constant 2015 prices)*	1,510,939	8.7	1,569,247	~ 4.0[11]	1,645,078	4.0 – 5.0
Pertanian *Agriculture*	99,073	0.1	99,620	0.6	100,770	1.2
Perlombongan dan pengkuarian *Mining and quarrying*	96,199	2.6	95,448	-0.8	98,030	2.7
Pembuatan *Manufacturing*	364,131	8.1	369,359	1.4	384,727	4.2
Pembinaan *Construction*	53,441	5.0	56,824	6.3	60,688	6.8
Perkhidmatan *Services*	881,310	10.9	930,125	5.5	981,990	5.6
Duti import *Import duties*	16,785	7.3	17,868	6.5	18,873	5.6
Keluaran Dalam Negeri Kasar (harga semasa) ***Gross Domestic Product*** *(current prices)*	1,791,358	15.7	1,850,102	~ 3.5[11]	1,974,027	6.0 – 7.0
Perbelanjaan penggunaan akhir: Awam *Final consumption expenditure : Public*	208,887	6.1	213,063	2.0	221,165	3.8
Swasta *Private*	1,031,759	14.9	1,111,748	7.8	1,204,270	8.3
Pembentukan modal tetap kasar: Awam[3] *Gross fixed capital formation : Public[3]*	72,330	7.7	79,856	10.4	88,271	10.5
Swasta *Private*	253,939	9.8	269,856	6.3	290,016	7.5
Perubahan inventori dan barangan berharga *Changes in inventories and valuables*	94,811	–	46,912	–	31,317	–
Eksport barangan dan perkhidmatan *Exports of goods and services*	1,378,452	26.0	1,272,424	-7.7	1,345,773	5.8
Import barangan dan perkhidmatan *Imports of goods and services*	1,248,820	27.2	1,143,757	-8.4	1,206,785	5.5
PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN NEGARA ***NATIONAL INCOME AND EXPENDITURE***						
Pendapatan Negara Kasar (harga malar 2015) ***Gross National Income*** *(constant 2015 prices)*	1,479,619	7.9	1,544,269	4.4	1,614,614	4.6
Pendapatan Negara Kasar (harga semasa) ***Gross National Income*** *(current prices)*	1,731,944	14.9	1,802,983	4.1	1,915,537	6.2
Tabungan Negara Kasar (harga semasa) ***Gross National Savings*** *(current prices)*	476,178	18.3	458,596	-3.7	471,844	2.9
Pendapatan Per Kapita (harga semasa, RM) ***Per Capita Income*** *(current prices, RM)*	52,968	14.5	54,015	2.0	56,920	5.4

KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN *FEDERAL GOVERNMENT FINANCE*	2022		2023[9]		2024[10]	
	RM juta *RM million*	% perubahan *% change*	RM juta *RM million*	% perubahan *% change*	RM juta *RM million*	% perubahan *% change*
Hasil *Revenue*	294,357	*25.9*	303,200	*3.0*	307,600	*1.5*
Perbelanjaan mengurus *Operating expenditure*	292,693	*26.4*	300,140	*2.5*	303,800	*1.2*
Baki semasa *Current balance*	1,664		3,060		3,800	
Perbelanjaan pembangunan (bersih) *Development expenditure (net)*	70,167	*10.9*	96,300	*37.2*	89,200	*-7.4*
Kumpulan Wang COVID-19[4] *COVID-19 Fund[4]*	30,979	-17.9	–		–	
Baki keseluruhan ***Overall balance***	**-99,482**		**-93,240**		**-85,400**	
% KDNK *% GDP*	*-5.6*		*-5.0*		*-4.3*	
Pinjaman dalam negeri (bersih) *Domestic borrowings (net)*	99,687		93,580		–	
Pinjaman luar pesisir (bersih) *Offshore borrowings (net)*	-266		-300		–	
Perubahan aset[5] *Change in assets[5]*	61		-40		–	
		% KDNK **% GDP**		**% KDNK** **% GDP**		
Hutang Kerajaan Persekutuan[6] ***Federal Government Debt[6]***	**1,079,591**	**60.3**	**1,147,132**	**62.0**	**–**	**–**
Hutang dalam negeri ***Domestic debt***	**1,050,078**	**58.6**	**1,117,158**	**60.4**	**–**	**–**
Bil perbendaharaan *Treasury bills*	31,500	*1.8*	34,500	*1.9*	–	–
Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia *Malaysian Government Investment Issues*	471,300	*26.3*	512,800	*27.7*	–	–
Sekuriti Kerajaan Malaysia *Malaysian Government Securities*	538,178	*30.0*	564,358	*30.5*	–	–
Sukuk Perumahan Kerajaan *Government Housing Sukuk*	9,100	*0.5*	5,500	*0.3*	–	–
Pinjaman luar pesisir ***Offshore borrowings***	**29,513**	**1.7**	**29,974**	**1.6**	**–**	**–**
Pinjaman pasaran *Market loans*	25,543	*1.5*	26,298	*1.4*	–	–
Pinjaman projek *Project loans*	3,970	*0.2*	3,676	*0.2*	–	–

¹ Termasuk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Wilayah Persekutuan Labuan

² Anggaran penduduk semasa berasaskan Banci Penduduk dan Perumahan 2020

³ Termasuk pelaburan oleh syarikat awam

⁴ Kumpulan wang amanah khusus yang ditubuhkan di bawah Akta Langkah-Langkah Sementara bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) 2020 untuk membiayai pakej rangsangan dan pelan pemulihan ekonomi

⁵ (+) menunjukkan penggunaan aset; (-) menunjukkan pertambahan aset

⁶ Pada 2023, data adalah sehingga akhir Ogos 2023

⁷ Anggaran

⁸ Unjuran

⁹ Anggaran disemak semula

¹⁰ Anggaran belanjawan tidak termasuk langkah Belanjawan 2024

¹¹ Sekitar

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan pembundaran

¹ *Includes the Federal Territory of Kuala Lumpur,Federal Territory of Putrajaya and Federal Territory of Labuan*

² *Current Population Estimates based on the 2020 Population and Housing Census*

³ *Includes investment of public corporations*

⁴ *A specific trust fund established under Temporary Measures for Government Financing (Coronavirus Disease 2019 (COVID-19)) Act 2020 to finance economic stimulus packages and recovery plans*

⁵ *(+) indicates drawdown of assets; (-) indicates accumulation of assets*

⁶ *For 2023, data is at end-August 2023*

⁷ *Estimate*

⁸ *Forecast*

⁹ *Revised estimate*

¹⁰ *Budget estimate excluding Budget 2024 measures*

¹¹ *Approximate*

Note: Total may not add up due to rounding

KANDUNGAN

AKRONIM DAN SINGKATAN

1MDB	1Malaysia Development Berhad		KPI	penunjuk prestasi utama
BNM	Bank Negara Malaysia		KWAP	Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan)
bps	mata asas		LPPSA	Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam
BTC	bidaan kepada terbitan		MGII	Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia
CITA	cukai pendapatan syarikat			
COVID-19	Penyakit Koronavirus 2019		MGS	Sekuriti Kerajaan Malaysia
CPS	sektor awam disatukan		MITB	Bil Perbendaharaan Islam Malaysia
CRA	agensi penarafan kredit			
DE	perbelanjaan pembangunan		MKD	Menteri Kewangan Diperbadankan
DSA	Analisis Kemampanan Hutang		Moody's	Moody's Investors Service
DSC	bayaran khidmat hutang		MTB	Bil Perbendaharaan Malaysia
FDI	pelaburan langsung asing		MTFF	Rangka Kerja Fiskal Jangka Sederhana
FELDA	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan		MTRS	Strategi Hasil Jangka Sederhana
FFR	Federal Funds Rate			
Fitch	Fitch Ratings		NETR	Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Nasional
FRA	Akta Kewangan Awam dan Tanggungjawab Fiskal		NIMP 2030	Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030
GFN	keperluan pembiayaan kasar		OE	perbelanjaan mengurus
GG	jaminan Kerajaan		OECD	Pertubuhan Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan
GMT	kadar cukai efektif minimum pada peringkat global		OPR	Kadar Dasar Semalaman
GPA	Akta Perolehan Kerajaan		PBLT	PBLT Sdn. Bhd.
GST	Cukai Barang dan Perkhidmatan		PETRONAS	Petroliam Nasional Berhad
ICT	teknologi maklumat dan komunikasi		PFI	inisiatif pembiayaan swasta
			PITA	cukai pendapatan petroleum
IMF	Tabung Kewangan Antarabangsa		PPP	kerjasama awam swasta
IPSAS	Piawaian Perakaunan Sektor Awam Antarabangsa		PTPTN	Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional
KDNK	Keluaran Dalam Negeri Kasar		RMKe-12	Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021–2025

S&P	S&P Global Ratings	SRDSF	Rangka Kerja Risiko Berdaulat dan Kemampanan Hutang
SABK	syarikat awam bukan kewangan	SST	Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan
SPK	Sukuk Perumahan Kerajaan	VAT	cukai nilai tambah

Perspektif Keseluruhan Dasar Fiskal

SEKSYEN **1**

Perspektif Keseluruhan Dasar Fiskal

Perspektif Keseluruhan

Dasar fiskal yang responsif dan menyokong adalah penting untuk merangsang pertumbuhan ekonomi dalam mencapai agenda pembangunan negara dan melindungi kesejahteraan rakyat. Bagi mencapai objektif tersebut, Kerajaan perlu memastikan kedudukan fiskal kekal kukuh dan mampan dalam jangka masa sederhana dan panjang. Dasar fiskal yang berkesan memerlukan pendekatan pengurusan fiskal yang proaktif dan holistik merangkumi langkah-langkah berhemat, struktur institusi dan tadbir urus yang berkredibiliti serta pelaporan yang telus. Oleh itu, dasar fiskal Kerajaan bertujuan mengukuhkan kewangan awam dan membina semula ruang fiskal untuk kemampanan fiskal jangka masa panjang.

Kerajaan telah membentangkan semula Belanjawan 2023 pada Februari 2023 memandangkan Belanjawan asal tidak dapat diluluskan pada 2022 berikutan pembubaran Parlimen. Belanjawan 2023 mencerminkan prinsip akauntabiliti dan sistem nilai yang luhur bagi menghadapi cabaran semasa termasuk ketidaktentuan ekonomi global. Seterusnya, Kerajaan telah melancarkan Ekonomi MADANI pada Julai 2023 yang merupakan kerangka ekonomi menyeluruh bertujuan meningkatkan pertumbuhan ekonomi dan taraf hidup rakyat. Kerangka ini dijangka mampu memberikan penambahbaikan ketara ke atas ekonomi dengan menangani cabaran utama ekonomi dan memanfaatkan peluang pertumbuhan. Kejayaan kerangka ini akan diukur melalui tujuh penunjuk prestasi utama (KPI) yang perlu dicapai dalam tempoh

sedekad akan datang. Antara KPI tersebut adalah mencapai ketahanan dan kemampanan fiskal dengan nisbah defisit fiskal kepada KDNK disasarkan sebanyak 3% atau kurang. Selain itu, Kerajaan juga telah melancarkan Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Nasional (NETR), Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030) dan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua Belas (KSP RMKe-12) untuk terus menarik pelaburan, memacu pembangunan perindustrian dan seterusnya meningkatkan daya saing negara.

Ekonomi domestik yang berdaya tahan dan harga komoditi yang stabil telah menyumbang kepada peningkatan kutipan hasil walaupun berhadapan cabaran ekonomi global. Walau bagaimanapun, perbelanjaan mengurus juga meningkat terutamanya bagi emolumen, bayaran khidmat hutang serta perkhidmatan dan bekalan. Di samping itu, Kerajaan terus menyediakan peruntukan subsidi yang besar untuk produk petroleum, elektrik dan barangan keperluan asas bagi mengurangkan kesan kenaikan kos sara hidup khususnya kepada kumpulan rentan. Pada masa yang sama, Kerajaan sedang memuktamadkan pelan mekanisme subsidi bersasar bagi mengurangkan ketirisan dan pembaziran. Sementara itu, program dan projek pascapandemik yang dipercepat telah menyebabkan peningkatan perbelanjaan pembangunan terutamanya dalam sektor ekonomi. Secara keseluruhan, defisit fiskal bertambah baik pada lapan bulan pertama 2023 dengan merekodkan sebanyak RM46.8 bilion berbanding RM51.9 bilion dalam tempoh yang sama pada 2022 disumbangkan oleh prestasi kutipan hasil yang lebih baik dan pengurusan perbelanjaan berhemat.

Meneruskan Semula Agenda Pembaharuan Fiskal

Kerajaan kekal komited untuk meneruskan agenda pembaharuan fiskal dan memastikan kemampanan fiskal jangka masa panjang dalam era pascapandemik. Usaha akan dipergiat untuk mempercepat konsolidasi fiskal ke arah mencapai sasaran defisit fiskal sebanyak 3% daripada KDNK dalam jangka masa sederhana seperti yang digariskan di bawah kerangka Ekonomi MADANI. Sehubungan itu, Kerajaan akan meneruskan inisiatif pembaharuan fiskal untuk mengukuhkan kedudukan kewangan dengan meluaskan asas hasil, mengoptimumkan pengurusan perbelanjaan, mengurangkan pendedahan risiko dan menambah baik tadbir urus fiskal.

Penggubalan Strategi Hasil Jangka Sederhana mengukuhkan komitmen Kerajaan untuk meningkatkan mobilisasi hasil dan meluaskan asas cukai bagi memenuhi keperluan perbelanjaan ke arah mencapai objektif sosioekonomi. Kajian semula sistem percukaian yang komprehensif akan dilaksanakan meliputi dasar dan pentadbiran cukai serta rangka kerja perundangan. Inisiatif ini akan memastikan janaan hasil yang mampan serta menyediakan ruang fiskal yang mencukupi untuk melaksanakan program dan projek yang memberikan manfaat kepada rakyat. Oleh itu, inisiatif ini akan memacu pembinaan semula penampan fiskal walaupun berhadapan ketidaktentuan prospek global. Kerajaan juga akan terus melaksanakan semakan semula perbelanjaan awam bagi meningkatkan kecekapan dan keberhasilan perbelanjaan terutamanya subsidi, emolumen, kesihatan, pendidikan serta perkhidmatan dan bekalan. Lima komponen tersebut mencakupi sebahagian besar daripada jumlah perbelanjaan mengurus. Justeru, penting bagi memastikan keseimbangan antara mengoptimumkan perbelanjaan dengan meningkatkan hasil dalam meneruskan agenda pembangunan negara di samping mencapai kemampanan fiskal jangka masa panjang.

Pada 2018, Kerajaan mengumumkan rancangan penggubalan Akta Tanggungjawab Fiskal (FRA) sebagai satu daripada pembaharuan perundangan fiskal untuk mengukuhkan rangka kerja kewangan awam. Walau bagaimanapun, situasi luar jangka berikutan krisis COVID-19 menyebabkan Kerajaan terpaksa mengalih tumpuan ke arah menangani pandemik dan membantu pemulihan ekonomi seterusnya menangguhkan pengenalan FRA. Kerajaan akan meneruskan semula agenda pembaharuan fiskal memandangkan ekonomi telah pulih dan kembali kepada paras prapandemik. Agenda ini termasuk pembentangan FRA pada 2023 seperti yang digariskan dalam Belanjawan 2023; pelaksanaan rasionalisasi subsidi; mengukuhkan rangka kerja percukaian; dan menggubal Akta Perolehan Kerajaan (GPA). Penggubalan FRA bertujuan meningkatkan tata kelola, kebertanggungjawaban dan ketelusan dalam pengurusan fiskal Kerajaan. Tambahan pula, FRA mewajibkan penerbitan beberapa laporan baharu seperti laporan prestasi perbelanjaan separuh tahun, penyata perbelanjaan cukai dan penyata risiko fiskal. Sementara itu, GPA yang dijangka dibentangkan pada 2024 akan mempertingkat tata kelola perolehan awam ke arah mencapai nilai faedah terbaik dan kecekapan perbelanjaan. Justeru, pembaharuan fiskal yang akan diteruskan semula akan meningkatkan lagi akauntabiliti Kerajaan dalam menguruskan wang awam dan memastikan kedudukan fiskal yang kukuh.

Kedudukan Fiskal 2023

Kedudukan fiskal Kerajaan dijangka kekal kukuh walaupun berhadapan pertumbuhan ekonomi sederhana disebabkan oleh ketidaktentuan luaran dan ketegangan geopolitik yang berpanjangan. Pendirian fiskal kekal responsif dalam menyediakan sokongan fiskal yang mencukupi bagi

memastikan kesejahteraan rakyat terpelihara dan pembaharuan ekonomi dapat diteruskan tanpa menjejaskan pelan konsolidasi fiskal. Pengukuhan prestasi fiskal pada lapan bulan pertama 2023 terutamanya disumbangkan oleh kutipan hasil berikutan momentum pertumbuhan ekonomi yang berterusan dan harga komoditi yang stabil. Trend positif ini dijangka berterusan bagi baki bulan pada tahun ini dengan anggaran kutipan cukai langsung yang lebih tinggi.

Hasil Kerajaan telah diunjur lebih tinggi sebanyak 4% atau RM11.7 bilion kepada RM303.2 bilion atau 16.4% daripada KDNK berbanding anggaran awal sebanyak RM291.5 bilion. Hasil cukai kekal sebagai penyumbang utama disokong oleh kutipan cukai pendapatan yang lebih tinggi, aktiviti audit berterusan dan pelaksanaan langkah percukaian Belanjawan 2023. Di samping itu, hasil bukan cukai juga dianggar meningkat disumbangkan oleh lesen dan permit terutamanya daripada royalti petroleum.

Jumlah perbelanjaan juga disemak semula dengan peningkatan sebanyak 2.8% kepada RM397.1 bilion iaitu lebih tinggi daripada anggaran awal sebanyak RM386.1 bilion. Perbelanjaan mengurus (OE) dianggar meningkat sebanyak 3.8% atau RM11 bilion untuk mencatat RM300.1 bilion terutamanya bagi membiayai keperluan subsidi tambahan; langkah di bawah kerangka Ekonomi MADANI; dan perbelanjaan untuk perkhidmatan dan bekalan. Perbelanjaan pembangunan (DE) pula diunjur kekal pada RM97 bilion atau 5.2% daripada KDNK dengan peruntukan disediakan untuk program dan projek di bawah RMKe-12 serta komitmen kewangan termasuk penebusan bon 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Jangkaan kutipan hasil yang lebih baik memberi ruang kepada Kerajaan untuk menyalurkan sumber bagi membiayai perbelanjaan tambahan. Oleh itu, defisit fiskal dianggar kekal pada 5% daripada KDNK seperti yang disasarkan dalam Belanjawan 2023.

JADUAL 1.1. *Kedudukan Kewangan Kerajaan Persekutuan, 2022 – 2024*

	RM JUTA			PERUBAHAN (%)			BAHAGIAN DARIPADA KDNK (%)		
	2022	2023[3]	2024[4]	2022	2023[3]	2024[4]	2022	2023[3]	2024[4]
Hasil	294,357	303,200	307,600	*25.9*	*3.0*	*1.5*	*16.4*	*16.4*	*15.6*
Perbelanjaan mengurus	292,693	300,140	303,800	*26.4*	*2.5*	*1.2*	*16.3*	*16.2*	*15.4*
Baki semasa	**1,664**	**3,060**	**3,800**	-	-	-	*0.1*	*0.2*	*0.2*
Perbelanjaan pembangunan kasar	71,574	97,000	90,000	*11.4*	*35.5*	*-7.2*	*4.0*	*5.2*	*4.5*
Tolak: Terimaan balik pinjaman	1,407	700	800	*41.8*	*-50.2*	*14.3*	-	-	-
Perbelanjaan pembangunan bersih	70,167	96,300	89,200	*10.9*	*37.2*	*-7.4*	*4.0*	*5.2*	*4.5*
Kumpulan Wang COVID-19[1]	30,979	-	-	*-17.9*	-	-	*1.7*	-	-
Baki keseluruhan	**-99,482**	**-93,240**	**-85,400**	-	-	-	*-5.6*	*-5.0*	*-4.3*
Baki primer[2]	**-58,213**	**-47,140**	**-35,600**	-	-	-	*-3.2*	*-2.5*	*-1.8*

[1] Kumpulan wang amanah khusus yang ditubuhkan di bawah Akta Langkah-Langkah Sementara Bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) 2020 untuk membiayai pakej rangsangan dan pemulihan ekonomi
[2] Tidak termasuk bayaran khidmat hutang
[3] Anggaran disemak
[4] Anggaran belanjawan tidak termasuk langkah Belanjawan 2024
Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

Baki primer tidak termasuk bayaran khidmat hutang dijangka mencatat defisit sebanyak 2.5% daripada KDNK.

Tinjauan 2024

Kutipan hasil Kerajaan Persekutuan pada 2024 dianggar terus meningkat kepada RM307.6 bilion atau 15.6% daripada KDNK didorong oleh kutipan cukai yang lebih tinggi. Hasil cukai terus menjadi penyumbang utama dan dijangka meningkat sebanyak 6.4% kepada RM243.6 bilion berikutan pengembangan aktiviti ekonomi, peningkatan keuntungan syarikat dan penambahbaikan guna tenaga. Sementara itu, hasil bukan cukai diunjur berkurang kepada RM64 bilion terutamanya disebabkan oleh dividen yang lebih rendah daripada PETRONAS seterusnya mencerminkan pengurangan kebergantungan kepada hasil berkaitan petroleum. Tambahan pula, beberapa langkah akan dilaksanakan termasuk pengenalan cukai keuntungan modal bagi pelupusan saham tidak tersenarai oleh syarikat dan pelaksanaan e-invois.

Jumlah perbelanjaan diunjur berkurang kepada RM393.8 bilion atau 19.9% daripada KDNK terutamanya disebabkan oleh komitmen kewangan yang lebih rendah berikutan ketiadaan penebusan bon 1MDB. Peruntukan OE dijangka mencatat sebanyak RM303.8 bilion atau 15.4% daripada KDNK manakala peruntukan DE sebanyak RM90 bilion atau 4.5%. Kerajaan juga akan melaksanakan program rasionalisasi subsidi yang mana sebahagian penjimatan tersebut akan disalurkan untuk menambah baik program jaringan keselamatan sosial. Selain itu, pelaksanaan program dan projek RMKe-12 seperti pembinaan lebuh raya dan landasan kereta api, program tebatan banjir, kemudahan kesihatan dan institusi pendidikan akan dipercepat bagi merancakkan aktiviti ekonomi.

Secara keseluruhan, paras defisit fiskal dijangka terus menurun kepada 4.3% daripada KDNK dan kekal pada landasan konsolidasi selari dengan jangkaan hasil yang lebih tinggi dan perbelanjaan yang lebih rendah. Usaha ini akan menyediakan ruang fiskal yang luas untuk mendepani prospek global yang tidak menentu dan mengurangkan beban hutang dalam jangka masa panjang. Justeru, baki primer dianggar merekodkan defisit lebih rendah sebanyak 1.8% daripada KDNK.

Rangka Kerja Fiskal Jangka Sederhana 2024 – 2026

Rangka Kerja Fiskal Jangka Sederhana (MTFF) dirangka berdasarkan unjuran terkini hasil dan perbelanjaan serta andaian makroekonomi bagi tempoh 2024 hingga 2026. Rangka kerja ini telah disemak semula dengan asas andaian purata pertumbuhan KDNK benar sebanyak 4.8%, harga minyak mentah pada paras USD80 setong serta pengeluaran minyak mentah domestik yang stabil sebanyak 530,000 tong sehari. Di samping itu, MTFF ini telah mengambil kira beberapa langkah dasar dan inisiatif pembaharuan termasuk langkah mobilisasi hasil dan rasionalisasi perbelanjaan.

Dalam jangka masa sederhana, jumlah hasil dianggar sebanyak RM986.9 bilion atau 15.6% daripada KDNK terutamanya disumbangkan oleh hasil bukan petroleum sebanyak RM816.3 bilion atau 12.9% daripada KDNK. Hasil berkaitan petroleum pula dianggar berjumlah RM170.6 bilion atau 2.7% daripada KDNK. Sementara itu, jumlah siling perbelanjaan dianggar berjumlah RM1,206.2 bilion atau 19.1% daripada KDNK dengan peruntukan OE diunjur sebanyak RM927.1 bilion atau 14.7% daripada KDNK manakala peruntukan DE sebanyak

JADUAL 1.2. *Rangka Kerja Fiskal Jangka Sederhana (MTFF), 2024 – 2026*

	2024 - 2026	
	RM BILION	**% KDNK**
Hasil	986.9	15.6
Bukan petroleum	816.2	12.9
Berkaitan petroleum	170.7	2.7
Perbelanjaan mengurus	927.2	14.7
Baki semasa	**59.7**	**0.9**
Perbelanjaan pembangunan kasar	279.0	4.4
Tolak: terimaan balik pinjaman	1.8	0.0
Perbelanjaan pembangunan bersih	*277.2*	*4.4*
Baki keseluruhan	**-217.5**	**-3.5**
Baki primer	**-58.0**	**-0.9**
Asas andaian:		
Purata pertumbuhan KDNK benar (%)	4.8	
Purata pertumbuhan KDNK nominal (%)	6.7	
Purata harga minyak mentah (USD setong)	80	
Purata pengeluaran minyak mentah (tong sehari)	530,000	

Nota: Anggaran MTFF tidak termasuk langkah belanjawan 2024
Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

RM279 bilion atau 4.4% daripada KDNK. Secara keseluruhan, defisit fiskal dijangka terus berkurang dengan purata baki keseluruhan sebanyak 3.5% daripada KDNK.

Kesimpulan

Kerajaan akan meneruskan dasar fiskal kitaran balas dan bersifat menyokong bagi memacu agenda sosioekonomi ke arah negara progresif dan berjaya. Pada masa yang sama, daya tahan kewangan awam akan diperkukuh dengan memajukan rangka kerja dasar fiskal melalui penambahbaikan mobilisasi hasil, peningkatan kecekapan perbelanjaan dan tata kelola yang baik. Konsolidasi fiskal juga akan dipercepat secara berperingkat bagi mencapai sasaran defisit sebanyak 3% daripada KDNK dalam jangka masa sederhana. Melangkah ke hadapan, Kerajaan kekal komited untuk meneruskan dasar fiskal berhemat dan kewangan awam yang kukuh ke arah menjadi sebuah negara yang progresif dan terkemuka selaras dengan aspirasi Ekonomi MADANI.

RAJAH 1.1. *Baki Keseluruhan dan Primer Kerajaan Persekutuan*

% KDNK

RAJAH 1.2. *Hasil, Perbelanjaan Mengurus dan Baki Semasa Kerajaan Persekutuan*

RM bilion

RAJAH 1.3. *Baki Keseluruhan MTFF Kerajaan Persekutuan*

% KDNK

¹ Anggaran disemak
² Anggaran belanjawan tidak termasuk langkah Belanjawan 2024
³ Unjuran
Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

Hasil Kerajaan Persekutuan

Hasil Kerajaan Persekutuan

Perspektif Keseluruhan

Kerajaan akan terus meningkatkan pengurusan hasil dan cukai melalui inisiatif pembaharuan yang komprehensif. Sistem cukai yang dirancang dengan baik adalah penting bagi menjana hasil yang mampan untuk agenda sosioekonomi serta pembangunan dan daya saing negara. Prinsip keberkesanan, kecekapan, keadilan dan kemajuan serta kesederhanaan penting dalam penggubalan dasar cukai yang kukuh. Inisiatif tersebut akan menekankan pengoptimuman pentadbiran cukai; mengurangkan kehilangan dan pembaziran cukai; serta memudahkan pelaburan baharu untuk mengekalkan pertumbuhan ekonomi. Dalam hal ini, keutamaan pembaharuan tertumpu kepada membina asas hasil yang lebih luas bagi memupuk keterangkuman; merasionalisasikan insentif cukai sedia ada untuk mengelak penyelewengan dalam peruntukan sumber; dan memperkukuh pematuhan cukai untuk menambah baik kecekapan kutipan cukai dengan objektif keseluruhan bagi meningkatkan nisbah hasil cukai kepada KDNK.

Beberapa langkah baharu telah diperkenalkan dalam Belanjawan 2023 untuk meningkatkan kutipan hasil dan meluaskan asas cukai khususnya melalui program pengakuan secara sukarela di bawah Lembaga Hasil Dalam Negeri dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia. Langkah tersebut termasuk pengenaan cukai keuntungan modal, duti eksais ke atas produk cecair atau gel mengandungi nikotin yang digunakan untuk rokok elektronik dan vape serta memperluas skop cukai minuman bergula. Usaha tersebut akan mewujudkan ruang fiskal tambahan sekaligus meningkatkan kecekapan pengagihan semula pendapatan dan merealisasikan agenda sosioekonomi negara.

Hasil 2023

Hasil Kerajaan Persekutuan dianggar meningkat sebanyak 3% kepada RM303.2 bilion atau 16.4% daripada KDNK berbanding 2022. Anggaran hasil 2023 telah disemak semula sebanyak 4% atau RM11.7 bilion berbanding unjuran asal sebanyak RM291.5 bilion berikutan kutipan hasil cukai yang lebih tinggi. Hasil cukai dianggar meningkat sebanyak 9.7% kepada RM229 bilion atau 12.4% daripada KDNK didorong oleh kutipan cukai pendapatan yang lebih baik; langkah yang diumumkan dalam Belanjawan 2023; dan usaha pentadbiran yang berterusan untuk memperluaskan asas hasil. Sementara itu, hasil bukan cukai diunjur sebanyak RM74.2 bilion atau 4% daripada KDNK disebabkan oleh hasil yang lebih rendah daripada pendapatan pelaburan.

Cukai langsung dijangka meningkat sebanyak 12.7% kepada RM173 bilion terutamanya didorong oleh keuntungan syarikat dan pertumbuhan gaji yang berterusan serta keadaan guna tenaga yang stabil. Cukai pendapatan syarikat (CITA) kekal sebagai penyumbang terbesar kepada cukai langsung, dijangka meningkat sebanyak RM16.3 bilion kepada RM98.4 bilion iaitu 56.8% daripada jumlah keseluruhan. Peningkatan CITA yang lebih tinggi sebahagian besarnya disumbangkan oleh Cukai Makmur sekitar RM6 bilion bagi tahun taksiran 2022 serta aktiviti perniagaan yang kukuh terutamanya dalam sektor berkaitan petroleum dan perbankan.

JADUAL 2.1. *Hasil Kerajaan Persekutuan*
2022 – 2024

KOMPONEN	RM JUTA			PERUBAHAN (%)			BAHAGIAN (%)		
	2022	2023[1]	2024[2]	2022	2023[1]	2024[2]	2022	2023[1]	2024[2]
Hasil cukai	**208,765**	**229,020**	**243,620**	*20.2*	*9.7*	*6.4*	*70.9*	*75.5*	*79.2*
Cukai langsung	153,476	173,020	185,000	18.0	12.7	6.9	52.1	57.0	60.1
antaranya:									
CITA	82,133	98,435	106,420	2.9	19.8	8.1	27.9	32.5	34.6
Individu	33,776	39,725	42,460	24.9	17.6	6.9	11.5	13.1	13.8
PITA	23,421	20,520	21,750	102.4	-12.4	6.0	8.0	6.8	7.1
Cukai tidak langsung	55,289	56,000	58,620	26.8	1.3	4.7	18.8	18.5	19.1
antaranya:									
SST	31,368	34,200	35,800	22.5	9.0	4.7	10.7	11.3	11.6
Duti eksais	12,556	13,100	13,600	22.6	4.3	3.8	4.2	4.3	4.4
Duti import	3,192	3,038	3,200	20.7	-4.8	5.3	1.1	1.0	1.0
Duti eksport	2,622	1,800	1,900	27.5	-31.4	5.6	0.9	0.6	0.6
Hasil bukan cukai	**85,592**	**74,180**	**63,980**	*42.5*	*-13.3*	*-13.8*	*29.1*	*24.5*	*20.8*
antaranya:									
Lesen dan permit	15,626	15,465	14,611	47.7	-1.0	-5.5	5.3	5.1	4.8
Pendapatan pelaburan	58,223	47,775	39,710	66.3	-17.9	-16.9	19.8	15.8	12.9
Jumlah hasil	**294,357**	**303,200**	**307,600**	*25.9*	*3.0*	*1.5*	*100.0*	*100.0*	*100.0*
Bahagian daripada KDNK (%)	*16.4*	*16.4*	*15.6*						

[1] Anggaran disemak
[2] Anggaran belanjawan tidak termasuk langkah Belanjawan 2024
Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

Sementara itu, cukai pendapatan individu dianggar meningkat sebanyak 17.6% kepada RM39.7 bilion seiring dengan semakan semula kadar cukai pendapatan individu bagi golongan pendapatan yang lebih tinggi antara 0.5% hingga 2% melibatkan banjaran pendapatan antara RM100,000 hingga RM1 juta seperti yang diumumkan dalam Belanjawan 2023. Walau bagaimanapun, cukai pendapatan petroleum (PITA) dijangka berkurang sebanyak 12.4% kepada RM20.5 bilion selaras dengan jangkaan harga minyak mentah global yang menyederhana kepada USD80 setong (2022: USD100 setong). Duti setem dijangka berkembang sebanyak 4.5% kepada RM8.4 bilion mencerminkan transaksi yang lebih tinggi dalam pasaran harta tanah. Selain itu, Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan dijangka

meningkat dengan ketara sebanyak 69.6% kepada RM1.4 bilion berikutan pendapatan yang lebih baik daripada aktiviti berkaitan petroleum.

Cukai tidak langsung dianggar meningkat sebanyak 1.3% kepada RM56 bilion atau 18.5% daripada jumlah hasil berikutan aktiviti perniagaan dan penggunaan yang kukuh. Cukai jualan dan cukai perkhidmatan (SST) yang mewakili bahagian terbesar daripada cukai tidak langsung iaitu 61.1% dijangka berkembang sebanyak 9% kepada RM34.2 bilion atau 1.9% daripada KDNK. Peningkatan ini mencerminkan pertumbuhan berterusan dalam aktiviti ekonomi domestik. Cukai jualan dijangka meningkat sebanyak 8.3% kepada RM17.6 bilion terutamanya disumbangkan oleh prospek yang

menggalakkan dalam industri automotif, mesin dan alat ganti serta resin dan bahan plastik. Cukai perkhidmatan juga dianggar berkembang sebanyak 9.8% kepada RM16.6 bilion disumbangkan oleh sektor makanan dan minuman diikuti oleh telekomunikasi dan insurans. Duti eksais juga dijangka meningkat sebanyak 4.3% kepada RM13.1 bilion terutamanya didorong oleh jangkaan permintaan yang kukuh bagi kenderaan bermotor berikutan pelancaran model baharu dan rantaian bekalan industri yang lebih baik. Peningkatan ini juga selaras dengan semakan semula jumlah keseluruhan industri bagi kenderaan penumpang oleh Persatuan Automotif Malaysia yang diunjurkan sebanyak 1.7% kepada kira-kira 652,500 unit untuk tahun ini.

Hasil bukan cukai yang merangkumi 24.5% daripada jumlah hasil dijangka berkurang sebanyak 13.3% kepada RM74.2 bilion disebabkan oleh terimaan daripada pendapatan pelaburan yang lebih rendah. Hasil daripada pendapatan pelaburan dianggar mencatat RM47.8 bilion berikutan terimaan dividen yang lebih rendah daripada PETRONAS sebanyak RM40 bilion (2022: RM50 bilion) dan Bank Negara Malaysia (BNM) sebanyak RM2.75 bilion (2022: RM5 bilion). Selain itu, terimaan daripada lesen dan permit dijangka berjumlah RM15.5 bilion (2022: RM15.6 bilion) disebabkan oleh hasil yang lebih rendah

daripada lesen kenderaan bermotor berjumlah RM3 bilion dan levi pekerja asing sebanyak RM3.2 bilion. Walau bagaimanapun, kutipan pendapatan pelaburan yang lebih rendah ditampung oleh terimaan yang lebih tinggi daripada royalti petroleum berjumlah RM6.8 bilion (2022: RM6 bilion). Tambahan pula, Kerajaan juga dijangka menerima bayaran khas sebanyak RM3 bilion daripada Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP) untuk membiayai sebahagian bayaran persaraan bagi tahun ini.

Pada 2023, bahagian **hasil berkaitan petroleum** diunjur lebih rendah sebanyak 23% daripada jumlah hasil (2022: 28%) seiring dengan penurunan harga minyak mentah global dan terimaan dividen. Sementara itu, bahagian **hasil bukan petroleum** dianggarkan meningkat kepada 77% (2022: 72%) dan berkembang sebanyak 10.1% kepada RM233.4 bilion (2022: 11.2%; RM211.9 bilion). Kutipan yang lebih tinggi daripada hasil bukan petroleum menunjukkan usaha berterusan Kerajaan untuk mengurangkan kebergantungan kepada hasil berkaitan petroleum berikutan sumber yang semakin berkurangan. Pada masa yang sama, sumber hasil lain akan terus dipelbagaikan. Justeru, Kerajaan akan meningkatkan asas hasil bukan petroleum terutamanya melalui pelaksanaan cadangan daripada inisiatif pembaharuan cukai.

RENCANA

Merungkai Dilema Cukai Penggunaan: Perbandingan SST dan GST/VAT

Pengenalan

Percukaian berfungsi sebagai sumber utama pembiayaan untuk operasi kerajaan dalam pembangunan negara yang akan menyumbang kepada kestabilan ekonomi dan kesejahteraan sosial. Sistem cukai yang dirancang dengan baik penting bagi menjana hasil yang mencukupi untuk pembangunan infrastruktur, penjagaan kesihatan, pendidikan, kebajikan dan perkhidmatan yang lebih baik. Tambahan pula, struktur cukai yang cekap akan meningkatkan daya saing negara terutamanya dengan menyediakan persekitaran perniagaan kondusif serta memastikan kemudahan untuk meningkatkan kesediaan pembayar cukai untuk membayar cukai.

Sistem cukai yang baik adalah berdasarkan prinsip berkecuali, kecekapan, kepastian dan kesederhanaan, keberkesanan dan keadilan serta fleksibiliti selaras dengan amalan terbaik antarabangsa. Berdasarkan prinsip tersebut, Malaysia telah melaksanakan pelbagai pembaharuan cukai sebagai respons terhadap peralihan ekonomi, kecekapan pentadbiran dan trend global. Fokus utama pembaharuan ini adalah untuk meningkatkan kutipan hasil, meminimumkan pelarian dan pengelakan cukai serta mempermudah struktur cukai. Pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) pada 2015 merupakan salah satu transformasi utama sistem cukai penggunaan Malaysia diikuti dengan pelaksanaan semula Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan (SST) pada 2018.

Konsep Cukai Penggunaan

Cukai penggunaan dikategorikan sebagai cukai tidak langsung dikenakan ke atas jumlah yang dibelanjakan untuk barangan dan perkhidmatan oleh individu dan perniagaan. Cukai ini dikenakan ke atas barangan dan perkhidmatan serta dikenakan kepada pengguna melalui harga belian. Berdasarkan *Government Finance Statistics Manual 2014* yang diterbitkan oleh IMF, cukai ke atas barangan dan perkhidmatan perlu dibayar pada peringkat pengeluaran, penjualan, pemindahan, sewaan atau penghantaran barangan, dan penyampaian perkhidmatan. Oleh itu, istilah cukai penggunaan bergantung kepada sesebuah negara termasuk seperti berikut:

1. **Cukai Jualan:**
   Cukai satu peringkat yang dikenakan ke atas barangan bercukai yang dikilangkan secara tempatan oleh pengilang berdaftar dan ke atas barangan bercukai yang diimport oleh individu atau perniagaan. Kadar cukai mungkin berbeza berdasarkan perundangan dan jenis barangan yang dijual.

2. **Cukai Perkhidmatan:**
   Cukai yang dikenakan ke atas perkhidmatan tertentu yang disediakan oleh individu yang dikenakan cukai atau penyedia perkhidmatan.

3. **Cukai Nilai Tambah (VAT)/Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST):**
   Cukai pelbagai peringkat yang dikenakan ke atas barangan dan perkhidmatan pada setiap peringkat rantaian bekalan. Perniagaan berdaftar mengutip cukai ke atas jualan dan membuat tolakan cukai yang dibayar ke atas pembelian di peringkat sebelumnya serta membayar perbezaannya kepada kerajaan.

4. **Cukai Penggunaan Kadar Rata:**
   Cukai penggunaan yang mudah dikenakan ke atas semua penggunaan kebiasaannya pada kadar tetap. Cukai ini tidak membezakan jenis barangan atau perkhidmatan dan tidak melibatkan pengesanan nilai tambah yang kompleks.

5. **Cukai Eksais:**
   Cukai ke atas barangan tertentu seperti alkohol, tembakau dan bahan api yang dianggap berbahaya atau tertakluk kepada pertimbangan kawal selia khusus.

Hasil daripada cukai penggunaan sebagai bahagian daripada KDNK umumnya lebih stabil berbanding cukai ke atas pendapatan. Cukai pendapatan dikenakan ke atas pendapatan, manakala cukai penggunaan pula ke atas perbelanjaan dan aktiviti ekonomi. Dalam hal ini, pengenaan cukai penggunaan boleh menggalakkan individu untuk membuat lebih banyak simpanan seterusnya menggalakkan pengumpulan modal lebih tinggi dalam ekonomi. Walau bagaimanapun, cukai penggunaan secara amnya adalah regresif kerana boleh membebankan isi rumah berpendapatan rendah yang membelanjakan sebahagian besar pendapatan untuk penggunaan berbanding isi rumah berpendapatan tinggi.

Bagi menangani kesan regresif cukai penggunaan, pelarasan terhadap struktur cukai penting untuk memastikan beban cukai diagihkan secara sama rata kepada pelbagai kumpulan pendapatan. Oleh itu, barangan keperluan akan dikenakan kadar cukai yang lebih rendah atau diberikan pengecualian manakala barangan mewah dan perkhidmatan bukan keperluan akan dikenakan kadar cukai lebih tinggi. Pendekatan ini bagi memastikan sistem cukai lebih progresif dan saksama.

Tambahan pula, prinsip mudah dalam cukai penggunaan memfokuskan kepada penyelarasan kod cukai yang boleh mengurangkan atau menghapuskan proses kompleks bagi potongan dan pengecualian cukai yang dikaitkan dengan cukai pendapatan. Prinsip mudah ini memberikan manfaat kepada pembayar cukai dengan menjadikan pematuhan dan pentadbiran cukai tidak rumit di samping meningkatkan kecekapan kutipan cukai dan mengurangkan beban pentadbiran agensi kerajaan.

Cukai Penggunaan Di Malaysia

Pencapaian

Malaysia telah melaksanakan perubahan ketara dalam sistem cukai penggunaan melalui cukai satu peringkat serta cukai pelbagai peringkat seperti berikut:

1. **Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan (SST):** Sistem cukai satu peringkat telah dilaksanakan di Malaysia sejak 1972. Sistem cukai ini terdiri daripada dua cukai berbeza yang ditadbir oleh perundangan berasingan iaitu Akta Cukai Jualan 1972 [*Akta 64*] dan Akta Cukai Perkhidmatan 1975 [*Akta 151*]. Cukai jualan amnya adalah cukai ad valorem berkadar 10%. Walau bagaimanapun, sebahagian barangan dicukai pada kadar 5% manakala sebahagian lain pada kadar tertentu atau pengecualian khusus. Barangan yang dikecualikan dan dikenakan cukai pada kadar 5% ditentukan mengikut *Harmonised Commodity Description & Coding System*. Selain itu, cukai perkhidmatan ad valorem dikenakan pada kadar 6% untuk semua perkhidmatan bercukai termasuk perkhidmatan digital kecuali penyediaan perkhidmatan kad caj atau kad kredit yang dicukai pada kadar spesifik.

2. **Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST):** Malaysia memperkenalkan GST pada April 2015 iaitu cukai penggunaan pelbagai peringkat bagi menggantikan SST sedia ada. Cukai ini ditadbir melalui Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 [*Akta 762*] bertujuan memperkemas struktur cukai supaya lebih cekap, berkesan, telus dan mesra perniagaan. Pengenalan GST telah meningkatkan kutipan hasil, mengurangkan pelarian cukai dan selaras dengan amalan terbaik

antarabangsa. Cukai ini dibentuk dengan menggabungkan beberapa ciri untuk menjadikannya kurang regresif dengan pengenaan kadar standard yang rendah iaitu 6% termasuk sebahagian barangan keperluan tertentu berkadar sifar serta pengecualian ke atas bekalan tertentu seperti pendidikan, penjagaan kesihatan, perkhidmatan kewangan dan pengangkutan awam. Walau bagaimanapun, GST telah dimansuhkan pada Mei 2018.

3. **Pengenalan semula SST:** Kerajaan telah melaksanakan semula SST di bawah akta baharu iaitu Akta Cukai Jualan 2018 [*Akta 806*] dan Akta Cukai Perkhidmatan 2018 [*Akta 807*] berkuat kuasa 1 September 2018 bagi menggantikan GST. Sistem ini mengambil kira penambahbaikan bagi meminimumkan kelemahan SST terdahulu dan meningkatkan kecekapan cukai di samping mengekalkan ciri-ciri utama SST sebelumnya.

Perbandingan antara SST dengan GST

Ciri-ciri	SST	GST
Teori asas	• Cukai satu peringkat yang dikenakan pada mana-mana satu peringkat dalam rantaian nilai. Cukai jualan dikenakan pada peringkat pembuatan dan import. Cukai perkhidmatan dikenakan apabila perkhidmatan bercukai disediakan oleh orang yang dikenakan cukai. • Dikenakan ke atas barangan dan perkhidmatan tertentu dengan kadar cukai berbeza bagi kategori berbeza. • Asas cukai lebih kecil.	• Cukai penggunaan pelbagai peringkat yang dikenakan pada setiap peringkat rantaian. • Asas cukai penggunaan yang lebih luas dikenakan ke atas nilai tambah barangan atau perkhidmatan pada setiap peringkat rantaian pengeluaran dan pengedaran. • Cukai ini tidak menjadi sebahagian daripada kos perniagaan kerana cukai ke atas input boleh dituntut.
Kadar cukai	• Cukai Jualan: 10%. • Kadar lain: 0%, 5%. • Cukai Perkhidmatan: 6%.	• Kadar standard: 6%. • Kadar lain: 0%.
Kesan berganda	Kesan berganda terjadi apabila elemen cukai merupakan sebahagian daripada kos pada setiap peringkat dalam rantaian bekalan. Pada masa yang sama, dua sistem cukai berasingan yang bertindih mengakibatkan kesan berganda kerana barangan boleh dikenakan cukai dua kali.	Tiada kesan berganda kerana cukai ke atas input boleh dituntut dan bukan sebahagian daripada kos.

Ciri-ciri	SST	GST
Pelepasan untuk eksport	Eksport tidak dikenakan cukai tetapi kesan cukai berganda boleh meningkatkan kos eksport.	Semua eksport berkadar sifar, membolehkan cukai penggunaan yang tersembunyi dikenal pasti dan layak mendapat rebat.
Ketelusan	Kurang telus kepada pengguna kerana cukai boleh dimasukkan ke dalam harga barangan dan perkhidmatan.	Lebih telus kepada pengguna kerana cukai ditunjukkan dengan jelas dalam harga barangan dan perkhidmatan akhir.
Impak kepada Pengguna	Cukai jualan hanya dikenakan pada peringkat pengeluar yang secara tidak langsung terkumpul sepanjang rantaian pengedaran serta ditambah elemen cukai dan kos produk yang dijual.	Kos barangan dan perkhidmatan boleh dikurangkan kerana perniagaan dapat menuntut input kredit cukai daripada Kerajaan. Oleh itu, harga akhir mungkin lebih rendah kerana tidak terkesan dengan cukai berganda.
Penjanaan Hasil	Mungkin menjana hasil yang rendah kerana asas cukai lebih kecil.	Berpotensi menjana hasil lebih banyak dengan asas cukai yang lebih luas.
Pelarian dan Pematuhan Cukai	Hanya dikenakan ke atas barangan dan perkhidmatan tertentu. Oleh itu, klasifikasi status sesuatu barangan atau perkhidmatan dicukai boleh menyumbang kepada isu pematuhan seterusnya menggalakkan pelarian cukai.	Mekanisme GST yang telus boleh menggalakkan pematuhan dan mengurangkan pelarian cukai.
Impak Ekonomi	Tidak dapat memberikan kesan yang signifikan kepada pengguna kerana skop cukai yang terhad.	Kesan GST ke atas pengguna mungkin ketara kerana skop cukai lebih meluas. Walau bagaimanapun, tambahan kutipan hasil ini dapat membiayai aktiviti ekonomi dan meningkatkan bantuan sosioekonomi. Di samping itu, GST boleh mengurangkan saiz ekonomi bayangan seterusnya memberikan manfaat kepada ekonomi.
Birokrasi untuk bahan bebas cukai	Pengilang berdaftar dikehendaki memohon sijil pengecualian untuk memperoleh barangan bebas cukai.	Sistem taksiran sendiri dan orang yang dicukai boleh membuat tolakan input kredit cukai yang ditanggung terhadap liabiliti cukai output.

RAJAH 1. *Ciri-ciri dan Mekanisme Pengiraan*

Cukai Jualan

Pengilang	**Pemborong**	**Peruncit**	**Pengguna**
Harga kos + Margin 10%: RM100.00 Cukai 5%: RM5.00 Harga jual: RM105.00	Harga kos: RM105.00 Margin 10%: RM10.50 Cukai 5%: Tiada Harga jual: RM115.50	Harga kos: RM115.50 Margin 10%: RM11.55 Cukai 5%: Tiada Harga jual: RM127.05	Harga belian: RM127.05

Cukai dibayar pengguna (termasuk margin keuntungan) — RM6.05

Cukai bersih dikutip kerajaan — RM5.00

Jumlah cukai dikutip — RM5.00

Cukai dikutip dan diremit kepada kerajaan

Margin ke atas komponen cukai RM5 x 10% = RM0.50

Margin ke atas komponen cukai RM5.50 x 10% = RM0.55

Cukai Barang dan Perkhidmatan

Pengilang TUNTUTAN	**Pemborong** TUNTUTAN	**Peruncit** TUNTUTAN	**Pengguna**
Harga kos + Margin 10%: RM100.00 Cukai 5%: RM5.00 Harga jual: RM105.00	Harga kos: RM100.00 Margin 10%: RM10.00 Cukai 5%: RM5.50 Harga jual: RM115.50	Harga kos: RM110.00 Margin 10%: RM11.00 Cukai 5%: RM6.05 Harga jual: RM127.05	Harga belian: RM127.05 Cukai 5%: RM6.05 (inklusif)
Tuntut: Tiada Remit: RM5.00	Tuntut: RM5.00 Remit: RM0.50	Tuntut: RM5.50 Remit: RM0.55	

Cukai dibayar pengguna — RM6.05

Cukai bersih dikutip kerajaan — RM6.05

Jumlah cukai dikutip — RM6.05

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

Cabaran dan Amalan Terbaik Cukai Penggunaan

Sistem cukai penggunaan memberikan pelbagai kelebihan termasuk menggalakkan penjimatan dan memperkemas pentadbiran cukai. Walau bagaimanapun, cukai penggunaan juga mempunyai cabaran tersendiri sama seperti model percukaian lain. Oleh itu, penting untuk memahami dan menangani cabaran tersebut bagi mendapatkan manfaat di samping mengurangkan kesulitan yang mungkin berlaku. Berikut merupakan cabaran utama dan amalan terbaik yang berkaitan dengan pelaksanaan cukai penggunaan:

Cabaran:

1. **Pelarian dan pengelakan cukai**: Cukai penggunaan terdedah kepada pelarian dan pengelakan terutamanya dalam situasi peraturan yang kompleks, kelemahan perundangan atau mekanisme penguatkuasaan yang longgar.

2. **Regresif**: Cukai penggunaan dianggap regresif dengan kadar yang sama dikenakan ke atas pembelian barangan tanpa mengambil kira pendapatan pembeli.

3. **Kompleks**: Pembentukan dan pelaksanaan sistem cukai penggunaan boleh merumitkan perniagaan, pembayar cukai dan pihak berkuasa cukai terutamanya jika sistem cukai mengandungi pelbagai kadar atau pengecualian.

4. **Beban pentadbiran**: Pelaksanaan cukai penggunaan memerlukan pentadbiran cukai yang berkesan termasuk memudahkan pendaftaran, pelaporan dan pengauditan. Walau bagaimanapun, peningkatan kos pentadbiran akan membebankan pembayar dan pihak berkuasa percukaian.

5. **Insentif dan pengecualian cukai**: Insentif, pengurangan kadar dan pengecualian cukai dalam cukai penggunaan boleh digunakan untuk mengurangkan harga barangan dan perkhidmatan asas. Walau bagaimanapun, tindakan tersebut boleh mengganggu pasaran seterusnya memberikan kesan kepada keseluruhan ekonomi.

6. **Transaksi rentas sempadan**: Cukai penggunaan yang melibatkan perdagangan rentas sempadan boleh menjadi kompleks disebabkan oleh perbezaan sistem cukai, potensi pelarian cukai dan keperluan kerjasama antarabangsa.

7. **Tempoh peralihan**: Pengenalan atau penggantian sistem cukai penggunaan boleh memberikan cabaran dalam jangka masa peralihan termasuk keperluan pematuhan, sistem dan amalan baharu.

Amalan Terbaik:

1. **Asas yang luas dan kadar rendah**: Asas cukai yang luas dengan kadar cukai rendah dan seragam dapat meminimumkan gangguan pasaran dan pelarian cukai.

2. **Struktur mudah**: Struktur cukai yang mudah dengan kadar dan pengecualian yang minimum dapat meningkatkan pematuhan dan meringankan beban pentadbiran.

3. **Infrastruktur yang berkesan**: Pelaksanaan infrastruktur yang menyeluruh dan berkesan dapat meningkatkan interaksi antara pembayar cukai dengan pihak berkuasa bagi memastikan pentadbiran dan pelaporan cukai lebih efisien dan efektif.

4. **Penguatkuasaan yang berkesan:** Pengukuhan mekanisme penguatkuasaan termasuk keupayaan audit dan penalti disebabkan oleh ketidakpatuhan boleh menghalang pelarian cukai.

5. **Komunikasi yang jelas:** Mendidik pembayar cukai dan perniagaan berkenaan sistem, kewajipan dan perubahan terkini cukai penting bagi memastikan pelaksanaan dan pematuhan yang lancar.

6. **Pengurangan regresif:** Kesan regresif boleh ditangani melalui mekanisme spesifik seperti subsidi bersasar atau pindahan tunai untuk mengurangkan kesan ke atas individu berpendapatan rendah.

7. **Semakan semula dan pengemaskinian secara berkala:** Keberkesanan dasar cukai perlu dikaji dari semasa ke semasa bagi disesuaikan dengan perubahan ekonomi dan menangani cabaran mendatang.

8. **Ketelusan**: Pelaporan yang telus dan komunikasi yang efektif mengenai dasar cukai, kadar dan penggunaan hasil dapat meningkatkan kepercayaan dan pematuhan rakyat.

9. **Penglibatan pihak berkepentingan**: Penglibatan pelbagai pihak berkepentingan termasuk perniagaan, persatuan perdagangan dan pakar cukai dapat memberikan pandangan yang bernas kepada pembangunan dan penambahbaikan sistem cukai.

Kesimpulan

Cukai penggunaan memainkan peranan penting dalam melengkapi cukai pendapatan. Dasar cukai penggunaan yang berkesan berpotensi meningkatkan sistem cukai secara keseluruhan melalui kecekapan ekonomi dan kesaksamaan sosial. Penilaian cukai penggunaan di Malaysia khususnya SST dan GST boleh memberikan kefahaman mendalam tentang landskap cukai yang luas dengan menawarkan pelbagai pilihan pelaksanaan dan pentadbiran cukai untuk memenuhi objektif dasar yang disasarkan.

Pelaksanaan SST bercirikan skop yang lebih kecil merupakan strategi berhemat dalam cukai penggunaan kerana hanya dikenakan kepada barangan dan perkhidmatan tertentu. Model GST pula meluaskan asas cukai; meningkatkan pematuhan dan ketelusan; meningkatkan kecekapan dan mesra perniagaan; serta memobilisasi kutipan hasil yang cekap. Walaupun berbeza dari segi struktur, namun SST dan GST merupakan strategi fiskal yang penting kepada negara bagi membiayai keperluan operasi dan kesejahteraan rakyat. Pemilihan antara SST dengan GST bergantung kepada objektif ekonomi negara, keupayaan pentadbiran dan keperluan untuk mencapai keseimbangan optimum antara menjana pendapatan dengan menggalakkan keadilan dan kesaksamaan kepada rakyat.

Rujukan:

Charlet, A., & Buydens, S. (2012). *The OECD International VAT/GST Guidelines: past and future developments*. World Journal of VAT/GST Law, 1(2), 175–184. Dicapai daripada https://doi.org/10.5235/wjovl.1.2.175

Cnossen, S. (2017). *VAT and Agriculture: Lessons from Europe*. SSRN Electronic Journal. Dicapai daripada https://doi.org/10.2139/ssrn.2938975

Economic Issues No. 27 -- *Tax Policy for Developing Countries*. (2001). Dicapai daripada https://www.imf.org/external/pubs/ft/issues/issues27/

Gendron, P. (2017). *Real VATs vs the Good VAT: Reflections from a Decade of Technical Assistance.* Social Science Research Network. Dicapai daripada https://papers.ssrn.com/sol3/papers.cfm?abstract_id=3008999

Taxes in Practice. (2018). Dicapai daripada https://www.imf.org/external/pubs/ft/fandd/basics/68-tax-in-practice.htm

Tinjauan 2024

Hasil Kerajaan Persekutuan pada 2024 dijangka mencatatkan pertumbuhan marginal sebanyak 1.5% kepada RM307.6 bilion sejajar dengan prospek ekonomi yang lebih baik. Hasil cukai kekal sebagai penyumbang utama iaitu 79.2% daripada jumlah hasil atau 12.3% daripada KDNK manakala hasil bukan cukai mewakili 20.8% (3.2% daripada KDNK). Kutipan hasil akan disokong oleh pertumbuhan ekonomi yang kukuh berserta langkah yang diambil untuk meningkatkan lagi mobilisasi hasil melalui peluasan asas cukai serta menambah baik pematuhan dan ketelusan cukai. Selain itu, beberapa langkah akan dilaksanakan, antaranya pengenalan Cukai Keuntungan Modal bagi pelupusan saham tidak tersenarai oleh syarikat dan e-invois.

Kutipan daripada **cukai langsung** dianggar meningkat sebanyak 6.9% kepada RM185 bilion atau 75.9% daripada jumlah hasil cukai. Sebahagian besar peningkatan ini terutamanya disumbangkan oleh kutipan CITA sebanyak RM106.4 bilion dan cukai pendapatan individu berjumlah RM42.5 bilion. Kenaikan CITA terutamanya disumbangkan oleh prospek pendapatan syarikat yang lebih baik dan usaha berterusan dalam meningkatkan pengauditan dan pematuhan cukai. Sementara itu, cukai pendapatan individu dijangka meningkat sebanyak 6.9% seiring dengan prospek kadar pengangguran dan pertumbuhan upah tahunan yang lebih baik. Kutipan PITA dijangka berjumlah RM21.7 bilion berikutan purata harga minyak mentah yang stabil iaitu pada paras USD85 setong. Sebaliknya, hasil daripada cukai langsung lain yang terdiri daripada duti setem dijangka mencatat RM8.6 bilion dan cukai keuntungan harta tanah pula sebanyak RM0.8 bilion selaras dengan jangkaan pasaran harta tanah yang lebih baik.

Kutipan **cukai tidak langsung** dijangka meningkat sebanyak 4.7% kepada RM58.6 bilion terutamanya disumbangkan oleh kutipan yang lebih tinggi daripada SST. Pada 2024, SST dijangka berjumlah RM35.8 bilion atau 1.8% daripada KDNK sejajar dengan penggunaan yang lebih tinggi serta keyakinan terhadap sentimen pengguna dan perniagaan. Kutipan cukai jualan dijangka meningkat sebanyak 4% kepada RM18.3 bilion terutamanya disumbangkan oleh mesin dan alat ganti. Di samping itu, cukai perkhidmatan dianggar sebanyak RM17.5 bilion disokong oleh permintaan yang lebih tinggi bagi makanan dan minuman diikuti oleh sektor telekomunikasi dan insurans. Kutipan duti eksais diunjur meningkat sebanyak 3.8% kepada RM13.6 bilion berikutan peningkatan rokok yang diimport, langkah yang diperkenalkan seperti mengenakan duti ke atas produk cecair atau gel mengandungi nikotin yang digunakan untuk rokok elektronik dan vape, meluaskan skop cukai minuman bergula serta prospek stabil dalam industri automotif.

Hasil bukan cukai dijangka berkurang sebanyak 13.8% kepada RM64 bilion atau 3.2% daripada KDNK disebabkan oleh hasil yang lebih rendah daripada pendapatan pelaburan. Dividen tahunan daripada PETRONAS dijangka lebih rendah berjumlah RM32 bilion manakala BNM dijangka menyumbang jumlah yang lebih tinggi sebanyak RM3 bilion. Sementara itu, sejumlah RM1 bilion dijangka diterima daripada KWAP sebagai sumbangan untuk membiayai sebahagian bayaran persaraan. Selain itu, lesen dan permit dijangka mencatat RM14.6 bilion terutamanya disumbangkan oleh royalti petroleum sebanyak RM5.6 bilion diikuti oleh levi pekerja asing (RM3.3 bilion) dan lesen kenderaan bermotor (RM3.1 bilion).

Hasil berkaitan petroleum dijangka lebih rendah berjumlah RM61.8 bilion atau 3.1% daripada KDNK berbanding RM69.8 bilion atau 3.8% pada 2023 terutamanya disebabkan oleh dividen PETRONAS yang lebih rendah walaupun purata harga minyak mentah diunjur lebih tinggi. Sementara itu, **hasil bukan petroleum** yang merangkumi 80% daripada jumlah hasil diunjur meningkat sebanyak 5.3% kepada RM245.8 bilion mencerminkan kepelbagaian hasil yang lebih baik disokong oleh prospek ekonomi yang menggalakkan. Justeru, Kerajaan akan terus memastikan penjanaan hasil bukan petroleum yang mampan bagi membiayai komitmen perbelanjaan terutamanya dalam menyediakan infrastruktur dan kebajikan sosial yang lebih baik kepada rakyat.

Kesimpulan

Kerajaan kekal komited dalam mengukuhkan asas hasil, merapatkan jurang cukai dan meningkatkan kecekapan cukai dengan matlamat utama untuk mengutip hasil yang mampan. Matlamat ini akan dicapai melalui pelbagai inisiatif termasuk tetapi tidak terhad kepada pengoptimuman insentif cukai, pengurangan kehilangan cukai dan peningkatan pematuhan cukai melalui proses audit yang berkesan. Selain itu, usaha akan dipertingkatkan untuk menambah baik mobilisasi hasil dan ketelusan cukai melalui pelaksanaan Strategi Hasil Jangka Sederhana dan pelaporan perbelanjaan cukai.

RAJAH 2.1. *Hasil Berkaitan Petroleum dan Bukan Petroleum (% daripada jumlah hasil)*

	2009	2010	2022	2023[1]	2024[2]
Petroleum (HASIL PETROLEUM)	41.3	35.4	28.0	23.0	20.1
LAIN-LAIN	19.0	19.2	17.1	15.4	15.2
SST	7.5	7.6	10.7	11.3	11.6
CUKAI LANGSUNG (KECUALI PITA)	32.2	37.8	44.2	50.3	53.1

Legend:
- SST
- CUKAI LANGSUNG (KECUALI PITA)
- HASIL PETROLEUM
- LAIN-LAIN

RAJAH 2.2. *Hasil sebagai Peratusan daripada KDNK (% daripada KDNK)*

	2009	2010	2022	2023[1]	2024[2]
Total	22.3	19.4	16.4	16.4	15.6
HASIL PETROLEUM	9.2	6.9	4.6	3.8	3.1
LAIN-LAIN	1.0	1.0	1.0	0.9	0.8
PENDAPATAN PELABURAN (KECUALI DIVIDEN PETRONAS)	1.0	0.5	0.5	0.4	0.4
SST	1.7	1.5	1.7	1.9	1.8
CUKAI TIDAK LANGSUNG (KECUALI SST)	2.2	2.2	1.3	1.2	1.2
CUKAI LANGSUNG (KECUALI PITA)	7.2	7.3	7.3	8.2	8.3

Legend:
- SST
- CUKAI TIDAK LANGSUNG (KECUALI SST)
- CUKAI LANGSUNG (KECUALI PITA)
- HASIL PETROLEUM
- LAIN-LAIN
- PENDAPATAN PELABURAN (KECUALI DIVIDEN PETRONAS)

[1] Anggaran disemak
[2] Anggaran belanjawan tidak termasuk langkah Belanjawan 2024

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

Perbelanjaan Kerajaan Persekutuan

Perbelanjaan Kerajaan Persekutuan

Perspektif Keseluruhan

Langkah kitaran balas yang dilaksanakan oleh Kerajaan melalui pelbagai pakej rangsangan fiskal dan pelan pemulihan ekonomi ketika pandemik COVID-19 telah memberikan impak positif kepada ekonomi yang ditunjukkan melalui pertumbuhan kukuh sebanyak 8.7% pada 2022. Pengurusan perbelanjaan awam adalah penting dalam penyusunan strategi peruntukan sumber untuk menyokong pertumbuhan ekonomi dan pembangunan negara di samping memastikan kewangan awam yang kukuh. Kerajaan akan meneruskan trajektori konsolidasi fiskal dan kembali melaksanakan agenda pembaharuan pada 2023 seiring dengan pemulihan ekonomi pasca pandemik. Walau bagaimanapun, pengekalan kewangan awam yang kukuh dijangka menjadi lebih mencabar kerana tekanan luaran di samping memenuhi keperluan perbelanjaan. Oleh itu, Kerajaan kekal komited untuk mencapai keseimbangan antara penyediaan sokongan fiskal dalam melaksanakan perubahan struktur jangka panjang dan memastikan perbelanjaan awam yang berhemat.

Dasar perbelanjaan awam akan terus memberikan keutamaan kepada perbelanjaan yang cekap dan berkesan bagi memperkukuh disiplin fiskal. Pengurusan perbelanjaan akan ditingkatkan melalui proses belanjawan dan pemantauan yang ketat bagi mengoptimumkan perbelanjaan dalam memastikan nilai faedah terbaik di samping meminimumkan ketirisan dan pembaziran. Sehubungan itu, Kerajaan akan melaksanakan inisiatif rasionalisasi subsidi secara berperingkat dengan beralih daripada subsidi pukal kepada mekanisme yang lebih bersasar. Hasil penjimatan daripada langkah rasionalisasi subsidi akan disalurkan semula untuk memperkukuh agenda perlindungan sosial dan memenuhi keperluan pembangunan terutamanya bagi program dan projek yang bernilai dan berimpak tinggi. Kerajaan akan memastikan produktiviti dan kualiti penyampaian perkhidmatan awam tetap terjamin dengan meneruskan disiplin fiskal dan mengekang perbelanjaan tidak kritikal. Selaras dengan kerangka Ekonomi MADANI, Kerajaan akan menerapkan disiplin fiskal serta meningkatkan akauntabiliti dan ketelusan dalam pengurusan perbelanjaan awam.

Perbelanjaan 2023

Pada 2023, jumlah perbelanjaan Kerajaan Persekutuan telah disemak semula meningkat kepada RM397.1 bilion atau 21.5% daripada KDNK berbanding peruntukan asal belanjawan iaitu RM386.1 bilion atau 20.4% daripada KDNK. Semakan semula ini melibatkan pertambahan perbelanjaan mengurus (OE) sebanyak RM11 bilion terutamanya untuk menampung keperluan perbelanjaan tambahan kritikal bagi program dan projek sedia ada seperti subsidi, perkhidmatan dan bekalan serta inisiatif di bawah kerangka Ekonomi MADANI. Daripada jumlah peruntukan, OE merangkumi 75.6% atau RM300.1 bilion manakala perbelanjaan pembangunan (DE) menyumbang 24.4% atau RM97 bilion.

Berdasarkan peruntukan mengikut sektor, sektor sosial menerima peruntukan tertinggi berjumlah RM133.7 bilion atau 33.7% daripada jumlah perbelanjaan diikuti oleh ekonomi (RM76.5 bilion; 19.3%), keselamatan (RM37.7 bilion; 9.5%) dan pentadbiran am (RM16.8 bilion; 4.2%). Di samping itu,

JADUAL 3.1. *Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Persekutuan mengikut Komponen, 2022 – 2024*

KOMPONEN	RM JUTA			PERUBAHAN (%)			BAHAGIAN (%)		
	2022	2023[1]	2024[2]	2022	2023[1]	2024[2]	2022	2023[1]	2024[2]
Emolumen	87,789	91,273	95,641	2.3	4.0	4.8	30.0	30.4	31.5
Bayaran persaraan	31,397	32,079	32,446	7.9	2.2	1.1	10.7	10.7	10.7
Bayaran khidmat hutang	41,269	46,100	49,800	8.4	11.7	8.0	14.1	15.4	16.4
Pemberian dan serahan kepada kerajaan negeri	8,122	8,077	8,747	7.6	-0.6	8.3	2.8	2.7	2.9
Perkhidmatan dan bekalan	34,692	33,984	38,002	39.2	-2.0	11.8	11.9	11.3	12.5
Subsidi dan bantuan sosial	67,358	64,228	52,757	192.3	-4.6	-17.9	23.0	21.4	17.4
Pembelian aset	767	911	1,704	28.8	18.8	87.0	0.3	0.3	0.6
Bayaran balik dan hapus kira	549	459	534	13.9	-16.4	16.3	0.2	0.2	0.2
Pemberian kepada badan berkanun	14,014	15,269	15,645	4.7	9.0	2.5	4.8	5.1	5.1
Lain-lain	6,736	7,760	8,524	-20.9	15.2	9.8	2.2	2.5	2.7
Jumlah	**292,693**	**300,140**	**303,800**	**26.4**	**2.5**	**1.2**	**100.0**	**100.0**	**100.0**
% daripada KDNK	**16.3**	**16.2**	**15.4**						

[1] Anggaran disemak
[2] Anggaran belanjawan tidak termasuk langkah Belanjawan 2024
Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

perbelanjaan tanggungan dan pembayaran pindahan termasuk bayaran khidmat hutang (DSC), bayaran persaraan serta serahan kepada negeri menyumbang 33.3% daripada jumlah perbelanjaan.

Pada 2023, OE yang disemak semula dianggar meningkat sebanyak 2.5% kepada RM300.1 bilion atau 16.2% daripada KDNK. Peningkatan ini terutamanya disebabkan oleh perbelanjaan subsidi lebih tinggi untuk elektrik dan minyak masak, perkhidmatan pembersihan dan keselamatan sekolah serta inisiatif di bawah kerangka Ekonomi MADANI. Sebahagian besar OE diperuntukkan bagi emolumen, bayaran persaraan, DSC serta subsidi dan bantuan sosial yang merangkumi 77.9% daripada OE.

Komponen terbesar dalam OE adalah emolumen yang menyumbang 30.4% atau RM91.3 bilion. Perbelanjaan emolumen dijangka meningkat sebanyak 4% berikutan kenaikan tahunan khas dan bantuan tunai untuk penjawat awam yang disalurkan pada bulan Januari, April dan Ogos 2023. Bayaran persaraan pula dianggar meningkat sebanyak 2.2% kepada RM32.1 bilion yang melibatkan sekitar 936,000 pesara.

Perbelanjaan subsidi dan bantuan sosial dijangka menyusut sebanyak 4.6% kepada RM64.2 bilion susulan perbelanjaan subsidi bahan api yang lebih rendah berikutan harga minyak mentah dunia yang menyederhana. Daripada jumlah tersebut, RM41.4 bilion disalurkan untuk subsidi manakala bakinya adalah untuk bantuan sosial dan insentif. Kerajaan juga terus menyediakan subsidi untuk elektrik, minyak masak, padi, ayam dan telur serta pampasan tol yang bertujuan meringankan beban kos sara hidup yang semakin meningkat.

Sejak beberapa tahun yang lalu, peningkatan pinjaman bagi membiayai dana COVID-19 dan DE telah meningkatkan DSC. Sehubungan itu, DSC kini merupakan komponen ketiga terbesar yang menyumbang 15.4% daripada OE dan dianggar meningkat dengan ketara sebanyak

11.7% kepada RM46.1 bilion. Selaras dengan penekanan yang diberikan terhadap kewangan berhemat dan pengoptimuman perbelanjaan tidak kritikal, peruntukan untuk perkhidmatan dan bekalan dijangka kekal stabil sebanyak RM34 bilion. Pembayaran untuk perkhidmatan seperti pembersihan dan keselamatan sekolah, pembaikan dan penyelenggaraan, bekalan bahan serta telekomunikasi dan utiliti menyumbang sebahagian besar perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan sebanyak 71.5%.

Sejumlah RM15.3 bilion atau 5.1% daripada OE telah diperuntukkan untuk pemberian kepada Badan Berkanun Persekutuan terutamanya untuk membiayai emolumen serta perkhidmatan dan bekalan. Komposisi terbesar pemberian merangkumi 59.6% diperuntukkan kepada institusi pengajian tinggi awam dan hospital pengajar. Sementara itu, pemberian dan serahan kepada kerajaan negeri dianggar berjumlah RM8.1 bilion dengan RM6.1 bilion merupakan pindahan seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.

Pada 2023, DE disemak semula dan kekal sebanyak RM97 bilion bagi menampung kemajuan program dan projek di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021 – 2025 (RMKe-12). Dari segi sektor, ekonomi kekal sebagai penerima manfaat terbesar iaitu 56.7% diikuti oleh sosial (27.4%), keselamatan (11.9%) dan pentadbiran am (4%). Sektor ekonomi dijangka mencatat peningkatan ketara sebanyak 40.7% kepada RM55 bilion (2022: RM39.1 bilion) terutamanya bagi penebusan bon 1Malaysia Development Berhad (1MDB) sebanyak USD3 bilion. Subsektor kewangan, pengangkutan dan pertanian merupakan tiga penyumbang utama dalam sektor ekonomi yang merangkumi 44.1% daripada DE.

Subsektor pengangkutan dijangka mencatat bahagian terbesar daripada jumlah DE sebanyak 18.1% atau RM17.6 bilion disumbangkan oleh kemajuan projek pembinaan jalan raya dan lebuh raya baharu serta menaik taraf jalan raya, lapangan

terbang dan pelabuhan. Subsektor pertanian pula mencatat sejumlah RM3.3 bilion atau 3.4% daripada DE terutamanya untuk aktiviti penanaman semula kelapa sawit dan getah serta bagi menyokong pengeluaran berasaskan pertanian dan meningkatkan keterjaminan makanan. Subsektor tenaga dan kemudahan awam merangkumi 3.3% atau RM3.2 bilion bagi penyelenggaraan dan menaik taraf kemudahan awam luar bandar di samping menyediakan bekalan air bersih, sanitasi serta tenaga mampu milik dan bersih. Subsektor alam sekitar diperuntukkan sebanyak RM2.7 bilion atau 2.8% terutamanya bagi projek tebatan banjir. Walau bagaimanapun, perbelanjaan bagi subsektor kewangan dijangka berjumlah RM21.9 bilion atau 22.6% terutamanya disebabkan oleh penebusan bon 1MDB bernilai USD3 bilion.

Sektor sosial yang merupakan sektor kedua terbesar berkembang sebanyak 25.6% kepada RM26.5 bilion (2022: RM21.1 bilion) dengan peruntukan terbesar kepada subsektor pendidikan dan latihan sebanyak RM13.6 bilion atau 14% daripada DE. Peruntukan bagi subsektor ini adalah untuk membina dan menaik taraf sekolah, institusi latihan dan universiti serta skim biasiswa bagi pelaburan modal insan dan program pembangunan kemahiran. Seterusnya, subsektor kesihatan menerima peruntukan berjumlah RM4.9 bilion atau 5.1% daripada DE terutamanya bagi membina, mengubah suai dan menyenggara kemudahan penjagaan kesihatan di seluruh negara. Sementara itu, subsektor perumahan merupakan penerima ketiga terbesar dengan peruntukan berjumlah RM2.1 bilion atau 2.2% daripada DE terutamanya bagi membina rumah mampu milik dan pembaikan kuarters Kerajaan.

Sektor keselamatan yang terdiri daripada subsektor pertahanan dan subsektor keselamatan dalam negeri menerima peruntukan sebanyak RM11.5 bilion atau 11.9% daripada DE. Peruntukan ini bertujuan mengukuhkan lagi keselamatan negara dengan subsektor pertahanan menerima sebanyak

JADUAL 3.2. *Perbelanjaan Pembangunan Kerajaan Persekutuan mengikut Sektor, 2022 – 2024*

SEKTOR	RM JUTA			PERUBAHAN (%)			BAHAGIAN (%)		
	2022	2023[1]	2024[2]	2022	2023[1]	2024[2]	2022	2023[1]	2024[2]
Ekonomi	**39,115**	**55,035**	**45,231**	**25.0**	**40.7**	**-17.8**	**54.6**	**56.7**	**50.3**
antaranya:									
Pengangkutan	16,560	17,565	19,128	27.5	6.1	8.9	23.1	18.1	21.3
Perdagangan dan perindustrian	2,308	2,749	3,611	31.4	19.1	31.4	3.2	2.8	4.0
Tenaga dan kemudahan awam	2,359	3,240	3,070	11.6	37.4	-5.2	3.3	3.3	3.4
Pertanian	2,548	3,261	3,116	3.4	28.0	-4.4	3.6	3.4	3.5
Alam sekitar	1,736	2,673	3,330	32.5	54.0	24.6	2.4	2.8	3.7
Sosial	**21,132**	**26,546**	**28,320**	**-6.5**	**25.6**	**6.7**	**29.5**	**27.4**	**31.5**
antaranya:									
Pendidikan dan latihan	10,029	13,557	14,268	21.9	35.2	5.2	14.0	14.0	15.9
Kesihatan	4,412	4,916	6,143	-49.4	11.4	25.0	6.2	5.1	6.8
Perumahan	1,653	2,114	1,998	21.5	27.9	-5.5	2.3	2.2	2.2
Keselamatan	**8,210**	**11,518**	**12,554**	**9.5**	**40.3**	**9.0**	**11.5**	**11.9**	**13.9**
Pentadbiran am	**3,117**	**3,901**	**3,895**	**8.5**	**25.1**	**-0.2**	**4.4**	**4.0**	**4.3**
Jumlah	**71,574**	**97,000**	**90,000**	**11.4**	**35.5**	**-7.2**	**100.0**	**100.0**	**100.0**
% daripada KDNK	**4.0**	**5.2**	**4.6**						

[1] Anggaran disemak
[2] Anggaran belanjawan tidak termasuk langkah Belanjawan 2024
Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

RM6.4 bilion manakala baki RM5.1 bilion adalah untuk subsektor keselamatan dalam negeri. Sementara itu, baki DE yang berjumlah RM3.9 bilion atau 4% daripada DE diperuntukkan kepada sektor pentadbiran am. Sebahagian besar perbelanjaan sektor ini adalah bagi menaik taraf sistem rangkaian ICT serta penyenggaraan pejabat dan peralatan.

Tinjauan 2024

Kerajaan akan meneruskan prinsip fiskal serampang dua mata pada 2024 iaitu dengan mempelbagaikan sumber hasil dan mengoptimumkan peruntukan belanjawan. Strategi ini akan memperkukuh kedudukan fiskal Kerajaan dan menyediakan ruang fiskal untuk menangani sebarang cabaran dan kejutan luaran pada masa hadapan. Kerajaan kekal komited terhadap konsolidasi fiskal dalam jangka masa sederhana ke arah kemampanan fiskal dan kestabilan makroekonomi meskipun terdapat peningkatan komitmen perbelanjaan.

Kerajaan Persekutuan bertekad untuk memperuntukkan sumber bagi memperkukuh pembentukan modal ke arah memastikan kemampanan pertumbuhan ekonomi dalam jangka masa panjang. Sehubungan itu, sejumlah RM393.8 bilion atau 19.9% daripada KDNK diperuntukkan bagi Belanjawan 2024. Daripada jumlah ini, sebanyak RM303.8 bilion atau 77.1% disalurkan kepada OE manakala baki RM90 bilion diperuntukkan kepada DE. Kementerian Kewangan, Kementerian Pendidikan dan Kementerian Kesihatan merupakan tiga penerima utama Belanjawan 2024 merangkumi 42.3% daripada jumlah perbelanjaan.

Berdasarkan peruntukan mengikut sektor, sektor sosial diperuntukkan sebanyak

RM149.7 bilion atau 7.6% daripada KDNK diikuti oleh ekonomi (RM66.7 bilion; 3.4%), keselamatan (RM40.1 bilion; 2%) dan pentadbiran am (RM16.9 bilion; 0.9%). Baki sebanyak RM120.4 bilion diperuntukkan bagi perbelanjaan tanggungan dan bayaran pindahan.

Peruntukan OE dianggar sebanyak RM303.8 bilion atau 15.4% daripada KDNK bagi terus menyokong penggunaan sektor awam. Walaupun terdapat peningkatan peruntukan untuk emolumen, DSC, bayaran persaraan serta perkhidmatan dan bekalan, namun kenaikan tersebut diimbangi dengan peruntukan subsidi lebih rendah yang menyebabkan OE meningkat sedikit pada kadar 1.2% berbanding 2023.

Emolumen untuk penjawat awam kekal sebagai komponen terbesar yang merangkumi 31.5% daripada OE dan dijangka meningkat sebanyak 4.8% kepada RM95.6 bilion. Pertumbuhan ini terutamanya disumbangkan oleh kenaikan gaji tahunan dan pengambilan baharu untuk mengisi jawatan kritikal khususnya dalam perkhidmatan kesihatan dan pendidikan.

Subsidi dan bantuan sosial yang merangkumi 17.4% daripada OE diunjur menyusut sebanyak 17.9% kepada RM52.8 bilion disebabkan oleh pelaksanaan program rasionalisasi subsidi secara berperingkat terutamanya bahan api dan elektrik. Daripada jumlah tersebut, sekitar 60% digunakan untuk pembayaran subsidi manakala selebihnya adalah untuk bantuan

RENCANA

Subsidi: Manfaat atau Mudarat

Pengenalan

Subsidi merupakan instrumen dasar yang penting bagi kebanyakan negara dari perspektif ekonomi, sosial dan politik. Istilah subsidi berasal daripada perkataan Latin *subsidium* yang bermaksud sokongan, bantuan, pertolongan dan perlindungan (Steenblik, 2007). Subsidi adalah pemindahan sumber daripada kerajaan kepada entiti domestik tanpa pulangan setara dalam pelbagai bentuk termasuk pemberian langsung, insentif cukai atau terma pembiayaan yang menguntungkan (Van Heuvelen, 2023). Menurut World Trade Organisation, subsidi ditakrifkan sebagai sumbangan kewangan oleh kerajaan yang memberi manfaat kepada penerima. Subsidi yang diberikan kepada pengeluar atau pengguna merupakan satu bentuk pindahan bayaran. Berbeza dengan perbelanjaan, subsidi tidak menjana nilai tambah secara langsung (Hamid et al., 2012).

Takrifan subsidi yang luas perlu bagi menggambarkan pelbagai bentuk intervensi kerajaan secara tersurat dan tersirat. Secara amnya, IMF mengklasifikasikan subsidi berdasarkan tujuh kategori berikut:

(i)   subsidi tunai - bayaran terus kerajaan kepada pengeluar atau pengguna;

(ii)   subsidi kredit - subsidi ke atas faedah atau pinjaman mudah;

(iii)   subsidi cukai - pengurangan tanggungan cukai tertentu;

(iv)   subsidi ekuiti - penyertaan ekuiti kerajaan;

(v)   subsidi berbentuk barangan - peruntukan kerajaan bagi barangan dan perkhidmatan pada harga di bawah pasaran;

(vi)   subsidi perolehan - pembelian barangan dan perkhidmatan oleh kerajaan pada harga melebihi pasaran; dan

(vii)   subsidi kawal selia - pembayaran tersirat melalui kawal selia kerajaan yang mengubah harga pasaran atau lebihan.

Secara umumnya, subsidi merupakan antara mekanisme untuk menjana pembangunan ekonomi dan membantu golongan mudah terjejas dalam usaha meningkatkan lagi pelaburan perniagaan dan menambah baik kualiti hidup. Subsidi mampu mengimbangi kegagalan pasaran dan faktor luaran untuk mencapai kecekapan ekonomi jika dilaksanakan dengan sewajarnya. Semasa kemelesetan ekonomi atau peningkatan harga komoditi global, subsidi boleh membantu menstabilkan harga barangan keperluan bagi melindungi isi rumah daripada kejutan harga yang mendadak dan seterusnya memberi tekanan inflasi.

Namun begitu, subsidi juga boleh memudaratkan ekonomi dengan menyebabkan herotan harga seterusnya menyumbang kepada ketidaksempurnaan pasaran sehingga berlaku pembaziran dan ketidakcekapan pengagihan sumber. Di samping itu, pelaksanaan subsidi yang kurang cekap dan tidak bersasar boleh memburukkan lagi jurang ketidaksamaan berikutan manfaat tidak seimbang yang diberikan kepada isi rumah dan industri tertentu. Subsidi boleh memberikan beban signifikan kepada kerajaan kerana memerlukan peruntukan yang besar. Sesetengah subsidi seperti subsidi bahan api fosil boleh menjejaskan agenda alam sekitar kerana menggalakkan pelepasan karbon dan memburukkan lagi pencemaran udara.

Kelebihan dan Kekurangan Subsidi

Subsidi mempunyai kelebihan dan kekurangan. Walaupun subsidi memberikan manfaat kepada individu atau industri tertentu, namun boleh mengakibatkan kesan negatif. Apabila harga komoditi global meningkat, subsidi boleh menyerap impak kenaikan harga barangan dan perkhidmatan, namun boleh membebankan kewangan kerajaan dan mengurangkan ruang fiskal.

Kelebihan

Subsidi menyediakan bantuan dan sokongan kepada masyarakat umum terutamanya golongan berpendapatan rendah dan mudah terjejas dengan menjadikan barang dan perkhidmatan asas lebih mudah diperoleh dan mampu milik. Di samping itu, subsidi boleh mengurangkan kemiskinan dan meningkatkan kesejahteraan hidup golongan miskin dengan meringankan tekanan kos sara hidup yang semakin meningkat berkaitan keperluan asas seperti makanan, pendidikan, pengangkutan dan penjagaan kesihatan.

Pelaksanaan subsidi boleh menyumbang kepada kestabilan harga barang keperluan terutamanya apabila berlaku situasi tidak diingini seperti ketegangan geopolitik dan ketidaktentuan ekonomi. Melalui pendekatan ini, pengguna boleh dilindungi daripada kejutan harga di samping mengawal inflasi bagi memastikan pertumbuhan ekonomi yang mampan. Tambahan pula, subsidi boleh berfungsi sebagai mekanisme untuk mengurangkan jurang pendapatan dan memupuk kesaksamaan sosial. Selain itu, subsidi yang disediakan semasa fasa permulaan sesebuah syarikat boleh memberikan sokongan awal untuk memulakan operasi dan berkembang lebih jauh.

Penstabilan harga produk dan perkhidmatan domestik susulan daripada pelaksanaan subsidi yang cekap dapat menggalakkan daya saing seterusnya melonjakkan permintaan domestik dan mengurangkan kebergantungan kepada barang import. Kecekapan pelaksanaan subsidi akan meningkatkan lagi keseluruhan bekalan dalam pasaran tempatan seterusnya menggalakkan pelaburan serta merangsang dan menyokong pertumbuhan sektor yang disasarkan ke arah kemampanan ekonomi jangka masa panjang.

Kekurangan

Walaupun subsidi boleh menjadi instrumen penting dalam mencapai objektif dasar tertentu, namun pelaksanaannya harus seimbang antara manfaat dengan mudarat. Dari perspektif pengguna, pelaksanaan subsidi boleh mempengaruhi keputusan kepenggunaan yang mendorong penggunaan berlebihan dan pembaziran berikutan asimetri maklumat tentang kos sebenar pengeluaran. Pelaksanaan subsidi juga boleh merencatkan pembangunan ekonomi ekoran pengeluaran berlebihan dan ketidakseimbangan dalam pasaran yang menyebabkan ketidakcekapan agihan sumber.

Kajian terkini oleh IMF mendedahkan bahawa barang dan perkhidmatan bersubsidi mendorong penggunaan berlebihan, malah harga input bersubsidi tidak menggalakkan industri untuk berkembang dan meningkatkan produktiviti. Subsidi yang berterusan juga mewujudkan kebergantungan terhadap input lebih murah dan mungkin menyukarkan industri untuk terus beroperasi tanpa subsidi. Selain itu, penggunaan berlebihan dalam sektor tenaga berikutan harga bersubsidi akan meningkatkan permintaan import atau mengurangkan eksport yang menjejaskan imbangan pembayaran serta menimbulkan isu keselamatan tenaga (Yingzhu Li et al., 2017).

Kebanyakan subsidi yang dilaksanakan secara pukal akan menjadi lebih regresif apabila ekonomi berkembang. Dalam ekonomi berpendapatan sederhana atau tinggi, subsidi pukal akan lebih memanfaatkan golongan kaya yang lebih banyak menggunakan barang dan perkhidmatan bersubsidi. Menurut IMF, mekanisme sasaran kebanyakan subsidi adalah tidak memadai dan memberikan manfaat kepada kumpulan berpendapatan lebih tinggi. Sebagai contoh, subsidi bahan api dinikmati oleh golongan berpendapatan tinggi yang mungkin memiliki lebih banyak kenderaan dengan kapasiti enjin lebih besar.

Selaras dengan peningkatan pendapatan, semakin banyak isi rumah berpendapatan rendah beralih kepada kumpulan berpendapatan sederhana atau tinggi. Berikutan peralihan ini, subsidi secara pukal boleh menyebabkan ketirisan kerana memanfaatkan penerima selain daripada golongan sasar. Di samping itu, jurang perbezaan antara harga bersubsidi dengan harga pasaran sebenar mendorong kepada aktiviti penyeludupan dan menyebabkan ketirisan sumber kerajaan.

Sekiranya subsidi tidak disalurkan dengan cekap kepada golongan sasar, negara akan kehilangan peluang untuk memanfaatkan peruntukan subsidi yang besar bagi perbelanjaan lebih efektif. Kos melepas ini boleh digunakan untuk membina rumah mampu milik, menyediakan kemudahan pendidikan dan penjagaan kesihatan yang berkualiti, menambah baik program sosial serta membangunkan infrastruktur yang akan memberikan manfaat yang lebih luas dan mampan. Pemberian subsidi yang kurang cekap dan tidak bersasar secara berpanjangan akan menambah beban fiskal serta memberikan tekanan kewangan kepada kerajaan kerana dibiayai melalui pengenaan cukai yang lebih tinggi atau ditimbal balik dengan jenis perbelanjaan lain.

Perbelanjaan Subsidi dan Implikasi Fiskal di Malaysia

Dari segi kemampuan kewangan Kerajaan, subsidi secara pukal dan tidak bersasar memberikan kesan buruk kepada kedudukan fiskal dan menjadikan belanjawan tidak mampan. Pelaksanaan subsidi sejak beberapa dekad yang lalu bertujuan untuk meningkatkan kesejahteraan dan meringankan kos sara hidup rakyat dalam usaha Malaysia memacu pertumbuhan sosioekonomi ke arah negara yang lebih maju dan makmur. Sepanjang tempoh 2012 hingga 2022, Kerajaan telah membelanjakan RM223.5 bilion atau 8.9% daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan mengurus untuk subsidi. Sebahagian besar subsidi tertumpu kepada bahan api sebanyak 71.6% manakala baki adalah untuk kadar faedah, input pertanian, minyak masak, elektrik, pampasan tol, pengangkutan, ayam dan telur serta lain-lain seperti dalam Rajah 1.

Pada 2022, jumlah subsidi mencatat paras tertinggi iaitu RM70.3 bilion (OE: RM58 bilion; Kumpulan Wang COVID-19: RM12.3 bilion), berbanding purata tahunan RM15.2 bilion bagi tempoh 10 tahun terdahulu dan hampir menyamai perbelanjaan pembangunan sebanyak RM71.6 bilion. Peningkatan ini dicetuskan oleh pelbagai faktor termasuk pandemik COVID-19, ketegangan geopolitik dan perubahan iklim yang menjejaskan harga komoditi global. Tambahan pula, Kerajaan juga menyediakan RM24.3 bilion bagi melaksanakan program subsidi upah secara *one-off* dalam tempoh pandemik sebagai usaha mengekalkan pekerjaan dan mengurangkan pemberhentian pekerja. Secara keseluruhan, program ini telah memberi manfaat kepada hampir 360,000 majikan untuk mengekalkan kira-kira 2.95 juta pekerja tempatan.

Pada 2014, subsidi bahan api mencatat RM18.5 bilion dengan purata harga minyak mentah pada USD99 setong. Pada akhir tahun berkenaan, Kerajaan telah melaksanakan mekanisme pengapungan harga bahan api bagi petrol dan diesel yang menyumbang kepada pengurangan signifikan subsidi bahan api kepada hanya RM3.2 bilion pada 2015. Walau bagaimanapun, Kerajaan telah membatalkan mekanisme ini pada Julai 2018 dan memperkenalkan semula subsidi untuk

RON95 dan diesel yang menyebabkan peningkatan subsidi kepada RM7.5 bilion menjelang akhir tahun. Dengan purata harga minyak mentah pada USD100 setong pada 2022, subsidi bahan api melonjak kepada RM52 bilion atau 74% daripada jumlah keseluruhan subsidi. Purata harga pasaran seliter bagi RON95 ialah RM3.39 dan RM3.44 bagi diesel berbanding harga runcit di pam sebanyak RM2.05 untuk RON95 dan RM2.15 untuk diesel. Perbezaan harga ini menunjukkan purata subsidi seliter bagi RON95 ialah RM1.34 dan diesel sebanyak RM1.29.

Harga komoditi lebih tinggi, khususnya arang batu telah meningkatkan kos pengeluaran elektrik yang memerlukan tambahan peruntukan subsidi berikutan tiada kenaikan tarif. Sehubungan itu, Kerajaan memperuntukkan sekitar RM10 bilion hingga RM12 bilion setahun sejak 2022 di bawah mekanisme Pelepasan Kos Tidak Seimbang (ICPT) bagi memastikan tiada caj tambahan ditanggung oleh pengguna. Tambahan pula, isi rumah yang menggunakan tenaga elektrik tidak melebihi 1,500kWj sebulan akan terus menikmati rebat ICPT sebanyak RM0.02/kWj berkuat kuasa Julai 2023.

Peningkatan harga minyak sawit mentah turut menjejaskan harga minyak masak yang memerlukan peruntukan tambahan subsidi di bawah Skim Penstabilan Minyak Masak (COSS). Kuota subsidi yang disediakan di bawah COSS ialah 60,000 tan metrik sebulan. Pada 2022, perbelanjaan subsidi untuk COSS melonjak dengan ketara sebanyak RM1.9 bilion kepada RM2.4 bilion berbanding RM500 juta pada 2018. Bagi menangani kebimbangan keterjaminan makanan dan peningkatan harga makanan global, Kerajaan memperuntukkan subsidi melebihi RM1 bilion setahun untuk padi termasuk harga padi, baja dan benih padi. Tambahan pula, Kerajaan juga pada 2022 telah memperkenalkan subsidi ayam dan telur menghampiri RM2 bilion pada kadar RM0.80 sekilogram ayam[1] dengan purata penggunaan bulanan sebanyak 70 juta ekor. Sementara itu, purata penggunaan bulanan telur adalah sekitar 1.1 bilion dengan subsidi RM0.10 sebiji.

RAJAH 1. *Trend Perbelanjaan Subsidi, 2000 – 2022*

Nota : Jumlah subsidi tidak termasuk program subsidi upah di bawah Kumpulan Wang COVID-19
Sumber : Kementerian Kewangan Malaysia

---

[1] Purata berat ayam bulat standard ialah 1.8 kilogram.

Penemuan Penyelidikan berhubung Rasionalisasi Subsidi Bahan Api di Malaysia

Menurut Bank Dunia, Malaysia perlu memansuhkan subsidi pukal secara berperingkat dan beralih ke arah subsidi bersasar melalui mekanisme pindahan tunai untuk menyokong golongan mudah terjejas dengan lebih baik. Mekanisme ini dicadang untuk dilaksanakan beransur-ansur dan disemak semula secara berkala bagi mengelakkan pemansuhan subsidi yang mendadak seterusnya menyebabkan inflasi meningkat dengan ketara. Rasionalisasi subsidi bertujuan untuk meningkatkan kecekapan dalam ekonomi dan membina semula ruang fiskal di samping meminimumkan risiko kejutan ekonomi.

Berdasarkan Article IV Consultation Report 2023, IMF menekankan bahawa subsidi tenaga di Malaysia adalah berkos tinggi, regresif, tidak efisien dan memudaratkan alam sekitar. Pihak IMF menyatakan bahawa rasionalisasi subsidi perlu diiringi dengan penerangan yang jelas serta ditakrifkan dengan baik dan telus kepada rakyat. Artikel ini juga mencadangkan supaya subsidi pukal digantikan dengan pindahan tunai bersasar seiring dengan pemerkasaan jaringan keselamatan sosial terutamanya kepada isi rumah miskin. Kerajaan disaran untuk melaksanakan rasionalisasi subsidi secara berperingkat dan menerangkan aturan peningkatan harga bahan api serta mekanisme penetapan harga yang tepat bagi mengelakkan kemarahan rakyat.

Menurut Yingzhu Li et al. (2017), pemansuhan subsidi petroleum dan gas di Malaysia dijangka akan meningkatkan kecekapan ekonomi dan menyumbang sehingga 0.65% kepada pertumbuhan KDNK. Rasionalisasi subsidi bahan api mewujudkan ruang tambahan kepada kedudukan fiskal Kerajaan. Walau bagaimanapun, penghapusan subsidi boleh meningkatkan paras harga yang memerlukan intervensi Kerajaan melalui pembayaran pampasan. Kajian ini juga mencadangkan agar Malaysia menyalurkan semula penjimatan daripada rasionalisasi subsidi bahan api untuk pelaburan terutamanya dalam sektor pendidikan dan kesihatan. Sementara itu, pelan mitigasi perlu dibangunkan bagi menangani sebarang bantahan rakyat.

Saeed Solaymani et al., (2014) menyatakan walaupun pembaharuan subsidi memberikan impak positif menyeluruh terhadap KDNK benar Malaysia dalam jangka masa pendek, namun terdapat implikasi negatif kepada pelaburan ke atas sektor yang menggunakan subsidi terutamanya dalam sektor pertanian dan tenaga. Hasil kajian juga mencadangkan bahawa pembaharuan dasar ini akan mendorong peningkatan tahap kemiskinan dengan impak terbesar kepada isi rumah luar bandar yang kebanyakannya bekerja dalam sektor pertanian. Oleh itu, Malaysia perlu berusaha ke arah pembaharuan subsidi yang menyasarkan isi rumah miskin secara khusus dan memerlukan mekanisme sasaran yang lebih baik.

Melangkah ke Hadapan

Mengambil iktibar daripada pengalaman menghadapi pandemik COVID-19, jaringan keselamatan sosial terbukti sebagai bentuk bantuan sosial yang penting dalam melindungi kehidupan dan mata pencarian rakyat terutamanya golongan mudah terjejas. Semasa pandemik, pakej rangsangan berjumlah RM530 bilion telah disediakan dengan RM92.5 bilion adalah suntikan fiskal untuk subsidi upah, peningkatan kemahiran dan latihan semula, keterjaminan makanan serta pelbagai program bantuan sosial lain. Jaringan keselamatan sosial yang ditambah baik dengan perancangan yang tepat akan mempersiapkan rakyat dan Kerajaan dari aspek kewangan dalam menghadapi kebarangkalian krisis pada masa hadapan. Oleh itu, Kerajaan akan menambah baik program jaringan keselamatan sosial untuk meminimumkan impak rasionalisasi subsidi dengan menggabungkan pelbagai bentuk sokongan terutamanya dari aspek guna tenaga, penjagaan kesihatan, perumahan, tenaga, pendidikan dan bantuan makanan.

Peralihan secara berperingkat daripada program subsidi pukal kepada yang lebih bersasar adalah penting. Langkah peralihan boleh dilaksanakan secara berkesan dengan mengambil kira pelbagai faktor seperti tahap pendapatan, kedudukan geografi, demografi dan status pekerjaan. Mekanisme bersasar boleh dilaksanakan dengan menambah baik program bantuan tunai sedia ada melalui konsolidasi program yang dilaksanakan oleh pelbagai agensi. Mekanisme ini juga

hendaklah memanfaatkan perkembangan teknologi terkini dan menerima pakai digitalisasi untuk meminimumkan kos operasi diikuti dengan pemantauan dan penilaian rapi bagi memastikan pencapaian hasil yang diharapkan.

Usaha membina semula dan meningkatkan ruang fiskal perlu dipacu oleh kutipan hasil yang lebih tinggi dan penggunaan sumber yang cekap. Kerajaan akan terus meneroka sumber pendapatan baharu dan menambah baik kutipan hasil semasa yang akan memperkukuh kedudukan fiskal seterusnya memastikan pertumbuhan ekonomi yang lebih mampan.

Kesimpulan

Saiz subsidi pukal yang besar terutamanya bahan api menimbulkan risiko yang signifikan kepada kemampanan fiskal jangka masa panjang. Dengan mengambil kira kesan pemberian subsidi tersebut, pendekatan khusus perlu dirangka bagi mengurangkan jurang pendapatan, meminimumkan ketidakcekapan dan pada masa yang sama mengekang ketirisan dan pembaziran. Bagi memastikan agihan pendapatan yang adil dan saksama di samping mencapai kedudukan fiskal yang mampan, rasionalisasi subsidi penting untuk mengemudi Malaysia ke arah trajektori pertumbuhan yang lebih tinggi selaras dengan aspirasi Ekonomi MADANI.

Walaupun subsidi boleh digunakan secara strategik untuk mencapai pelbagai matlamat ekonomi, sosial dan alam sekitar, namun Kerajaan perlu mengimbangi antara pengagihan sumber dengan memaksimumkan manfaat ekonomi. Pelaksanaan rasionalisasi subsidi yang lebih berkesan dan bersasar penting serta perlu dilaksanakan segera bagi mengurangkan tekanan ke atas belanjawan Kerajaan. Rasionalisasi subsidi boleh memperluas ruang fiskal untuk perbelanjaan bagi program dan projek dengan kesan pengganda yang tinggi. Justeru, intervensi dasar yang disokong oleh libat urus yang erat diperlukan untuk melancarkan peralihan ke arah mekanisme subsidi bersasar secara berperingkat.

Rujukan:

Clements, M. B. J., Schwartz, M. G., & Hugounenq, R. (1995). Government subsidies: concepts, international trends, and reform options. International Monetary Fund.

Hamid, K. A., Rashid, Z. A., Abdul, K., Zakariah, H., & Rashid, A. (2012). Cambodia's Electricity Sector in the Context of Regional Electricity Market Integration (Vol. 207). ERIA.

International Monetary Fund. (2023). Malaysia: 2023 Article IV Consultation-Press Release and Staff Report; IMF Country Report No. 23/185; April 19, 2023.

Saeed Solaymani, Fatimah Kari, & Roza Hazly Zakaria. (2014). Evaluating the Role of Subsidy Reform in Addressing Poverty Levels in Malaysia: A CGE Poverty Framework. The Journal of Development Studies, 50(4), 556–569.

Steenblik, R. (2007). A Subsidy Primer Global Subsidies Initiative of the International Institute for Sustainable Development Geneva, Switzerland.

Van Heuvelen, E. (2023). Subsidy Wars Cooperation and common understanding could dial back trade tensions.

World Bank. (2023). Malaysia Economic Monitor: Expanding Malaysia's Digital Frontier. February 6, 2023

Yingzhu Li, Xunpeng Shi, & Bin Su. (2017). Economic, social and environmental impacts of fuel subsidies: A revisit of Malaysia, Energy Policy. 110, 51–61.

sosial dan insentif. Di samping itu, program bantuan sosial akan terus diperkukuh melalui pembangunan pangkalan data berpusat yang baharu untuk mengatasi isu ralat pemasukan dan penyisihan.

Komponen DSC merupakan bayaran yang ditetapkan oleh Perlembagaan Persekutuan untuk dibayar sebelum perbelanjaan OE yang lain. Sejumlah RM49.8 bilion diperuntukkan bagi DSC yang merangkumi 16.4% daripada OE terutamanya disebabkan oleh hutang Kerajaan Persekutuan yang semakin meningkat. Daripada jumlah ini, sebanyak 98.5% atau RM49 bilion diperuntukkan bagi pinjaman domestik manakala bakinya untuk pinjaman luar pesisir.

Perkhidmatan dan bekalan yang menyumbang 12.5% daripada OE dijangka meningkat sebanyak 11.8% kepada RM38 bilion. Sebanyak 83.2% daripada jumlah ini diperuntukkan bagi bekalan bahan; perkhidmatan pembersihan dan keselamatan; pembaikan dan penyenggaraan; telekomunikasi dan utiliti serta perkhidmatan lain. Selain itu, bayaran persaraan yang merangkumi 10.7% daripada OE dijangka kekal stabil pada RM32.4 bilion. Daripada jumlah ini, sebanyak RM26 bilion atau 80.1% adalah bagi bayaran pencen kepada sekitar 971,000 pesara manakala selebihnya untuk bayaran gratuiti dan pemberian tunai sebagai ganti cuti rehat terkumpul. Berikutan komitmen pencen yang dijangka terus meningkat, Kerajaan sedang mempertimbangkan peralihan kepada skim bayaran persaraan bercarum (*defined contribution*) bagi meningkatkan kecekapan pengurusan obligasi pencen pada masa hadapan.

Peruntukan berjumlah RM15.6 bilion merupakan pemberian kepada Badan Berkanun Persekutuan terutamanya bagi membiayai perbelanjaan operasi seperti emolumen serta perkhidmatan dan bekalan. Sebanyak 60.3% daripada jumlah pemberian diperuntukkan kepada 20 universiti awam dan sembilan hospital pengajar. Sementara itu, pemberian dan serahan kepada kerajaan negeri

diperuntukkan sebanyak RM8.7 bilion dengan RM6.7 bilion merupakan pemberian yang ditetapkan dalam Perlembagaan Persekutuan.

Ketika negara menganjak ke fasa kedua RMKe-12, Kerajaan komited menyediakan peruntukan yang besar bagi menyokong program dan projek sedia ada dengan impak pengganda yang tinggi untuk terus merangsang ekonomi. Sejumlah RM90 bilion atau 4.5% daripada KDNK diperuntukkan kepada DE yang turut merangkumi sekitar 2,000 projek baharu dengan anggaran aliran tunai awal sebanyak RM8 bilion pada 2024. Berdasarkan peruntukan mengikut sektor, ekonomi kekal sebagai penerima tertinggi iaitu 50.3% daripada DE diikuti oleh sosial (31.5%), keselamatan (13.9%) dan pentadbiran am (4.3%).

Sejumlah RM45.2 bilion disediakan untuk sektor ekonomi bagi memacu dan menyokong pertumbuhan ekonomi. Walau bagaimanapun, peruntukan ini adalah lebih rendah berbanding RM55 bilion pada 2023 termasuk pembayaran bon 1MDB yang telah matang. Subsektor utama di bawah sektor ekonomi ialah pengangkutan, perdagangan dan perindustrian serta alam sekitar. Subsektor pengangkutan menerima peruntukan terbesar sebanyak RM19.1 bilion atau 21.3% daripada DE. Projek baharu utama di bawah subsektor ini termasuk pembinaan lorong tambahan lebuh raya PLUS dari Yong Peng Utara ke Sedenak Fasa 2 serta menaik taraf jalan di Bandar Baru Tunjong, Kota Bharu, Kelantan dan Sebayan ke Kudat, Sabah. Selain itu, peruntukan juga disediakan bagi memenuhi komitmen kewangan terutamanya untuk projek infrastruktur strategik seperti Transit Aliran Massa (MRT), Transit Aliran Ringan (LRT), Laluan Rel Pantai Timur (ECRL), Lebuhraya Pan Borneo dan Jambatan Kedua Pulau Pinang.

Bagi meningkatkan lagi keupayaan industri, subsektor perdagangan dan perindustrian diperuntukkan sebanyak RM3.6 bilion atau 4% daripada DE terutamanya untuk menyokong inisiatif di bawah Pelan Induk Perindustrian

Baharu 2030. Sementara itu, subsektor alam sekitar diperuntukkan sebanyak RM3.3 bilion dengan tumpuan diberikan kepada pelaksanaan projek tebatan banjir di seluruh negara yang bernilai sekitar RM11 bilion.

Sektor sosial akan menerima peruntukan sebanyak RM28.3 bilion atau 31.5% daripada DE. Peruntukan untuk subsektor pendidikan dan latihan dijangka meningkat sebanyak 5.2% kepada RM14.3 bilion terutamanya bagi membina sekolah baharu dan menambah baik kemudahan sedia ada. Sebanyak 18 buah sekolah baharu telah diluluskan untuk 2024 dengan anggaran nilai projek sekitar RM1.6 bilion yang turut melibatkan pembinaan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Jempol, Negeri Sembilan dan Kompleks Sekolah Seri Damai, Kuala Lumpur. Sementara itu, subsektor kesihatan akan menerima RM6.1 bilion untuk membina dan menaik taraf kemudahan kesihatan serta membekalkan peralatan penjagaan kesihatan. Projek baharu di bawah subsektor ini termasuk pembinaan blok patologi di Hospital Raja Perempuan Zainab II, Kelantan dan Pusat Subfertiliti Nasional, Selangor. Bagi subsektor perumahan pula, sebanyak RM2 bilion diperuntukkan bagi membina kuarters Kerajaan dan perumahan mampu milik untuk rakyat termasuk di bawah Program Bantuan Rumah.

Kerajaan memberikan penekanan terhadap pemeliharaan keselamatan negara dan menjaga keselamatan awam. Sektor keselamatan diperuntukkan sebanyak RM12.5 bilion dengan RM7.4 bilion disalurkan kepada subsektor pertahanan manakala RM5.1 bilion untuk subsektor keselamatan dalam negeri. Projek di bawah sektor ini termasuk perolehan aset baharu, menaik taraf peralatan ketenteraan dan keselamatan sedia ada serta membina dan membaik pulih balai polis, kem tentera dan kuarters bagi anggota keselamatan.

Sektor pentadbiran am diperuntukkan sebanyak RM3.9 bilion untuk terus menambah baik penyampaian perkhidmatan awam. Peruntukan di bawah sektor ini terutamanya bagi projek menaik taraf sistem rangkaian ICT serta membaik pulih dan menyenggara bangunan dan kemudahan Kerajaan seperti kuarters penjawat awam, kompleks mahkamah dan institusi latihan.

Pinjaman Boleh Dituntut Persekutuan

Jumlah Pinjaman Boleh Dituntut Persekutuan[1] di bawah Kumpulan Wang Pembangunan setakat 31 Disember 2022 adalah sebanyak RM41.5 bilion atau 2.3% daripada KDNK. Daripada jumlah ini, pinjaman kepada syarikat merupakan bahagian terbesar berjumlah RM27.4 bilion atau 66.1% diikuti oleh kerajaan negeri (RM9 bilion; 21.7%), Badan Berkanun Persekutuan (RM5 bilion; 12%) serta lain-lain pertubuhan dan koperasi (RM87 juta; 0.2%).

Pengeluaran pinjaman melalui DE dianggar berjumlah RM1.4 bilion pada 2023. Kerajaan negeri merupakan penerima terbesar iaitu sebanyak RM793 juta atau 57.2% daripada jumlah pengeluaran diikuti oleh syarikat (RM348 juta; 25.1%), Badan Berkanun Persekutuan (RM235 juta; 17%) dan organisasi lain (RM9.5 juta; 0.7%).

Kerajaan dijangka menerima bayaran balik pinjaman berjumlah RM700 juta pada 2023. Bayaran balik tertinggi bakal diterima daripada syarikat sebanyak RM400 juta atau 57.1% daripada jumlah keseluruhan dengan Sabah Electricity Sdn. Bhd. merupakan penyumbang terbesar. Sementara itu, bayaran balik pinjaman daripada kerajaan negeri dianggar sebanyak RM242 juta atau 34.6% dengan Sabah dan Sarawak menyumbang sebanyak RM154 juta.

---

[1] Pinjaman Boleh Dituntut Persekutuan merupakan sebahagian daripada Aset Kewangan Kerajaan Persekutuan yang terdiri daripada kemudahan pinjaman kepada kerajaan negeri, kerajaan tempatan, badan berkanun, syarikat, koperasi dan pelbagai organisasi.

Baki bayaran balik pinjaman dijangka diterima daripada Badan Berkanun Persekutuan berjumlah RM52 juta atau 7.4% dan organisasi lain sebanyak RM6 juta atau 0.9%.

Pada 2024, Kerajaan Persekutuan terus menyediakan pinjaman kepada kerajaan negeri, badan berkanun persekutuan, syarikat dan organisasi lain melalui DE bagi menjayakan agenda pembangunan sosioekonomi dan meningkatkan kualiti hidup rakyat. Jumlah pengeluaran pinjaman dianggar sebanyak RM1 bilion dengan kerajaan negeri terus menjadi penerima tertinggi iaitu sebanyak RM750 juta diikuti oleh Badan Berkanun Persekutuan (RM108 juta), syarikat (RM144 juta) dan organisasi lain (RM8 juta). Pinjaman akan digunakan terutamanya untuk program dan inisiatif infrastruktur berkaitan bekalan air dan elektrik serta rawatan pembetungan.

Bayaran balik pinjaman pada 2024 dianggar berjumlah RM800 juta. Daripada jumlah ini, sebanyak 62.4% atau sekitar RM500 juta dijangka diterima daripada syarikat. Bayaran balik pinjaman daripada kerajaan negeri dijangka berjumlah sekitar RM230 juta manakala bakinya akan diterima daripada Badan Berkanun Persekutuan (RM62 juta) dan organisasi lain (RM11 juta).

Kesimpulan

Strategi perbelanjaan awam Kerajaan dirangka untuk menyokong aktiviti ekonomi domestik dan meningkatkan penyampaian perkhidmatan awam di samping memastikan disiplin fiskal. Selaras dengan rangka kerja Ekonomi MADANI, pendirian fiskal akan terus memberi penekanan kepada kecekapan dan keberkesanan perbelanjaan awam serta menjana nilai faedah yang lebih baik di samping meminimumkan ketirisan dan pembaziran. Secara keseluruhan, Kerajaan kekal komited untuk mencapai kedudukan fiskal yang kukuh di samping menggalakkan pelaburan yang akan melonjakkan pertumbuhan ekonomi dalam jangka masa panjang.

RAJAH 3.1. *Jumlah Perbelanjaan mengikut Sektor*

2024[2]:
RM393.8
bilian

2023[1]:
RM397.1
bilian

- SOSIAL
- EKONOMI
- KESELAMATAN
- PENTADBIRAN AM
- LAIN-LAIN

RAJAH 3.2. *Jumlah Perbelanjaan mengikut Kementerian dan Agensi*

- OE2024[2]
- DE2024[2]
- DE2023[1]
- OE2023[1]

Kementerian Pengangkutan
Kementerian Kerja Raya
Kementerian Pembangunan Luar Bandar
Jabatan Perdana Menteri
Kementerian Pengajian Tinggi
Kementerian Pertahanan
Kementerian Dalam Negeri
Kementerian Kesihatan
Kementerian Pendidikan
Kementerian Kewangan

RM bilion

RAJAH 3.3. *Perbelanjaan Mengurus mengikut Komponen*

% OE

2020   2021   2022   2023[1]   2024[2]

- BAYARAN PERSARAAN
- BAYARAN KHIDMAT HUTANG
- PERKHIDMATAN DAN BEKALAN
- EMOLUMEN
- LAIN-LAIN
- PEMBERIAN DAN SERAHAN KEPADA KERAJAAN NEGERI
- PEMBERIAN KEPADA BADAN BERKANUN
- SUBSIDI DAN BANTUAN SOSIAL

RAJAH 3.4. *Perbelanjaan Mengurus mengikut Sektor*

2024[2]:
RM303.8
bilion

2023[1]:
RM300.1
bilion

- SOSIAL
- EKONOMI
- KESELAMATAN
- PENTADBIRAN AM
- LAIN-LAIN

RAJAH 3.5. *Perbelanjaan Pembangunan mengikut Sektor*

2024[2]:
RM90
bilion

2023[1]:
RM97
bilion

- SOSIAL
- EKONOMI
- KESELAMATAN
- PENTADBIRAN AM

RAJAH 3.6. *Pinjaman Boleh Dituntut Persekutuan mengikut Penghutang[3]*

RM bilion

KERAJAAN NEGERI 8.99
KERAJAAN TEMPATAN 0.00
BADAN BERKANUN 5.00
KOPERASI 0.01
SYARIKAT 27.39
ORGANISASI LAIN 0.08

[1] Anggaran disemak
[2] Anggaran belanjawan tidak termasuk langkah Belanjawan 2024
[3] Jumlah terkumpul sehingga akhir 2022
Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

Pengurusan Hutang

Pengurusan Hutang

Perspektif Keseluruhan

Kerajaan terus memberikan keutamaan dalam merangka strategi pengurusan hutang yang efektif di samping membangunkan pasaran domestik. Beban hutang bagi kebanyakan negara yang meningkat dalam tempoh sedekad lalu telah diburukkan lagi dengan kesan pandemik COVID-19 berikutan pembiayaan tambahan oleh kerajaan dalam menyediakan pakej rangsangan fiskal dan bantuan bagi memastikan ekonomi kekal berdaya tahan. Paras dan pendedahan hutang dijangka terus meningkat disebabkan oleh keperluan pinjaman yang besar dan kos pinjaman yang tinggi berikutan dasar monetari global yang diperketat. Cabaran bagi mengimbangi antara paras pembiayaan yang optimum dengan kesannya terhadap pertambahan hutang kerajaan terus kekal dalam situasi pendedahan hutang yang meningkat dan profil hutang yang lebih kompleks. Justeru, pengurusan hutang yang berkesan adalah penting bagi mengurangkan paras dan pendedahan hutang melalui polisi makroekonomi yang kukuh serta langkah fiskal yang berhemat untuk pembangunan negara.

Kerajaan Persekutuan telah membuat pinjaman melebihi RM280 bilion dalam tempoh 2020 hingga 2022 antaranya bagi membiayai langkah kawalan pandemik. Pinjaman luar jangka yang besar bagi membiayai defisit ini diperoleh sepenuhnya menerusi pasaran domestik pada kos munasabah menggambarkan pasaran modal yang utuh dan berdaya tahan yang menyokong strategi pengurusan hutang meskipun dalam persekitaran luar yang mencabar. Oleh itu, Kerajaan akan meneruskan strategi pengurusan hutang berhemat dengan mematuhi peraturan hutang. Melangkah ke hadapan, jumlah pinjaman Kerajaan yang besar

semasa tempoh krisis akan dikurangkan seiring dengan usaha konsolidasi fiskal dalam situasi pemulihan ekonomi pascapandemik.

Dalam hal ini, keutamaan akan diberi kepada terbitan kertas hutang dalam denominasi ringgit untuk terus menyokong pasaran modal tempatan dan meminimumkan risiko tukaran asing. Terbitan tersebut akan ditumpukan kepada sekuriti jangka sederhana dan panjang bagi mengurus profil kematangan hutang. Selain itu, Kerajaan akan terus mendukung ketelusan serta memastikan pasaran domestik yang kukuh dan berkecairan tinggi melalui terbitan secara lelongan awam yang akan menarik pelbagai pelabur seterusnya menggalakkan kos pembiayaan yang kompetitif.

Pembiayaan

Program pinjaman Kerajaan Persekutuan yang berkesan diperlukan untuk membiayai defisit fiskal dan membiayai semula hutang matang. Jumlah pinjaman kasar pada 2023 dianggarkan sebanyak RM228.5 bilion atau 12.4% daripada KDNK dengan RM93.2 bilion untuk membiayai defisit manakala RM135.3 bilion untuk membiayai semula hutang yang matang. Pembiayaan semula hutang yang matang merangkumi Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) sebanyak RM38.3 bilion, Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (MGII) sebanyak RM39 bilion, bil perbendaharaan berjumlah RM54 bilion, Sukuk Perumahan Kerajaan (SPK) sebanyak RM3.6 bilion dan pinjaman luar pesisir sebanyak RM0.3 bilion.

Kecairan yang mencukupi dalam pasaran domestik membolehkan Kerajaan mendapatkan keseluruhan pinjaman pada 2023 melalui instrumen dalam denominasi ringgit. Jumlah

terbitan MGS dijangka mencatat RM91 bilion atau 39.8% daripada jumlah pinjaman kasar dan MGII mencatat RM95 bilion atau 41.6% manakala baki sebanyak 18.6% atau RM42.5 bilion akan dibiayai melalui terbitan bil perbendaharaan. Sehingga akhir Ogos 2023, Kerajaan telah menerbitkan sebanyak RM166.5 bilion atau 72.8% daripada jumlah pinjaman kasar melalui 26 terbitan MGS dan MGII berjumlah RM129.5 bilion serta 16 terbitan bil perbendaharaan bernilai RM37 bilion. Sebanyak RM99.5 bilion daripada jumlah terbitan tersebut bagi pembiayaan semula hutang yang matang manakala baki sebanyak RM67 bilion untuk pembiayaan defisit serta hutang yang matang pada bulan akan datang.

JADUAL 4.1. *Pembiayaan Kerajaan Persekutuan, 2022 – 2023*

	RM JUTA		BAHAGIAN (%)	
	2022	**2023²**	**2022**	**2023²**
Pinjaman kasar	**230,949**	**228,500**	*100.0*	*100.0*
Dalam negeri	**230,949**	**228,500**	*100.0*	*100.0*
MGS	86,500	91,000	*37.5*	*39.8*
MGII	85,000	95,000	*36.8*	*41.6*
Bil perbendaharaan	59,449	42,500	*25.7*	*18.6*
Luar pesisir	**-**	**-**	**-**	**-**
Pinjaman pasaran	-	-	-	-
Pinjaman projek	-	-	-	-
Bayaran balik	**131,528**	**135,220**	*100.0*	*100.0*
Dalam negeri	131,262	134,920	*99.8*	*99.8*
Luar pesisir	266	300	*0.2*	*0.2*
Pinjaman bersih	**99,421**	**93,280**	**-**	**-**
Dalam negeri	99,687	93,580	-	-
Luar pesisir	-266	-300	-	-
Perubahan aset¹	**61**	**-40**	**-**	**-**
Jumlah pembiayaan defisit	**99,482**	**93,240**	**-**	**-**

¹ (+) menunjukkan pengurangan aset; (-) menunjukkan pertambahan aset
² Anggaran
Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

Berdasarkan permintaan yang menggalakkan terhadap terbitan MGII Lestari pada 2022, Kerajaan telah melaksanakan pembukaan

semula terbitan kertas hutang tersebut pada 28 Februari 2023 dengan jumlah RM5.5 bilion dalam usaha memperkukuh lagi komitmen terhadap Agenda Pembangunan Mampan 2030. Terbitan tersebut menerima permintaan yang menggalakkan daripada institusi kewangan tempatan, pelabur institusi serta syarikat insurans dan mencatatkan lebihan langganan sebanyak dua kali. Sehingga kini, terbitan ini telah mencapai sasaran sebanyak RM10 bilion seperti yang diumumkan dalam Bajet 2022.

Sebahagian besar program pinjaman Kerajaan bagi 2023 dilaksanakan melalui lelongan awam yang merangkumi 87% daripada jumlah pinjaman kasar berikutan keupayaan pasaran untuk menerima penawaran terbitan kertas hutang yang besar. Sementara itu, baki pinjaman diperoleh menerusi tawaran persendirian untuk menyokong terbitan berjangka panjang. Kerajaan juga dijangka melaksanakan pembukaan semula sebanyak 33 daripada 37 terbitan kertas jangka sederhana dan panjang sebagai usaha berterusan bagi mengkonsolidasikan bilangan kertas hutang terkumpul selaras dengan permintaan pelabur manakala bakinya melalui terbitan baharu. Semua operasi pinjaman dilaksanakan melalui *Fully Automated System for Issuing/Tendering* (FAST) untuk memastikan keadilan dan ketelusan pasaran.

Kerajaan menerbitkan pelbagai jenis instrumen dengan tempoh matang antara 3-bulan hingga 30-tahun untuk memastikan profil kematangan hutang yang terurus di samping memenuhi permintaan pelabur. Sebagai sebahagian daripada strategi pinjaman, Kerajaan mengurus risiko pembiayaan semula dengan mengurangkan terbitan kertas hutang jangka pendek serta meningkatkan terbitan instrumen jangka sederhana dan panjang memandangkan spread kadar pinjaman antara tempoh matang semakin mengecil. Oleh itu, komposisi kertas hutang jangka pendek (kurang dari setahun) dianggar mencatat 18.6% daripada jumlah pinjaman kasar dan kertas hutang jangka sederhana (3- hingga 7-tahun) mencatat 37.2%. Sementara itu, kertas hutang

jangka panjang (10-tahun dan ke atas) dijangka lebih tinggi iaitu 44.2%. Secara keseluruhan, purata wajaran tempoh matang bagi terbitan 2023 dijangka semakin baik sekitar 10.3 tahun (2022: 9.3 tahun) selaras dengan strategi pengurusan hutang untuk meminimumkan risiko pembiayaan semula dan memastikan profil kematangan yang terurus.

Rizab Persekutuan AS telah menaikkan *Federal Funds Rates* (FFR) secara agresif bagi tempoh Mac 2022 hingga akhir Ogos 2023 dengan jumlah kumulatif sebanyak 525 mata asas (bps) dan mencatatkan kadar antara 5.25% hingga 5.50% iaitu paras tertinggi dalam tempoh dua dekad. Sementara itu, Jawatankuasa Dasar Monetari BNM menaikkan OPR secara sederhana dengan jumlah kumulatif sebanyak 125 bps daripada 1.75% kepada 3.00% dalam tempoh yang sama selari dengan dasar monetari global yang diperketat serta prospek inflasi dan pertumbuhan ekonomi domestik. Peningkatan ini tidak menjejaskan permintaan daripada pelabur asing terhadap kertas hutang Kerajaan yang kekal kukuh disokong oleh pengurusan risiko dan sentimen pasaran yang bertambah baik. Oleh itu, jumlah aliran asing bagi instrumen Kerajaan Persekutuan dalam tempoh lapan bulan pertama mencatatkan aliran masuk bersih sebanyak RM27.9 bilion (akhir Ogos 2022: RM0.27 bilion). Di samping itu, pelabur asing lebih tertarik kepada instrumen Kerajaan berjangka panjang yang menawarkan pulangan kompetitif terutamanya terhadap jangkaan bahawa tiada lagi kenaikan FFR.

Sementara itu, kadar hasil MGS bagi tempoh lapan bulan pertama 2023 secara relatifnya stabil walaupun terdapat kenaikan yang tinggi pada kadar hasil Perbendaharaan AS dan bon pasaran global lain. Kadar hasil MGS berkurang dengan purata sebanyak 25 bps dengan kadar hasil penanda aras 3-tahun mencatat 3.450%, 5-tahun mencatat 3.590%, 7-tahun mencatat 3.740% dan 10-tahun mencatat 3.840%. Di samping itu, kadar hasil MGS bagi instrumen bertempoh matang melebihi 10 tahun semakin berkurang didorong oleh pengurusan

risiko pelabur dan kedudukan pasaran yang lebih baik. Walau bagaimanapun, kadar purata wajaran kos pinjaman Kerajaan telah meningkat daripada 3.765% pada 2022 kepada 4.047% pada akhir Ogos 2023 disebabkan oleh kadar kupon kertas hutang berjangka pendek yang lebih tinggi berikutan dasar kewangan global diperketat dan kekangan kecairan pasaran.

Lelongan terbitan MGS dan MGII menerima bidaan berjumlah RM228.3 bilion berbanding terbitan pasaran sebanyak RM106 bilion bagi tempoh lapan bulan pertama 2023. Kerajaan menerima bidaan yang menggalakkan dan mencatat nisbah bidaan kepada terbitan (BTC) sebanyak 2.15 kali. Nisbah ini mencerminkan permintaan pelabur yang tinggi disokong oleh pasaran domestik yang kukuh dan berkecairan tinggi. Dari perspektif tempoh kematangan, permintaan bagi instrumen jangka sederhana mencatat nisbah BTC sebanyak 2.12 kali dan jangka panjang sebanyak 2.20 kali. Secara keseluruhan, nisbah BTC yang stabil mencerminkan keyakinan pelabur terhadap prestasi dan prospek pertumbuhan ekonomi Malaysia.

Malaysia terus menerajui pasaran kewangan Islam dengan pegangan sebanyak 38.8% daripada jumlah sukuk global yang diterbitkan sehingga akhir Julai 2023. Kerajaan terus menyokong pembangunan pasaran kewangan Islam Malaysia melalui terbitan instrumen patuh Syariah dengan jumlah yang tinggi. Dalam hal ini, terbitan MGII dan Bil Perbendaharaan Islam Malaysia (MITB) pada 2023 dijangka mencecah 60% daripada jumlah pinjaman kasar. Dari perspektif kadar pembiayaan, spread antara kadar hasil MGS dengan MGII semakin mengecil. Sehingga akhir Ogos 2023, spread tersebut berkurang dengan purata sebanyak 3 bps terutamanya kadar hasil 3-tahun sebanyak 8 bps manakala 10-tahun sebanyak 2 bps. Di samping itu, permintaan terhadap terbitan MGII bagi lapan bulan pertama 2023 yang berjumlah RM65 bilion menerima lebihan langganan sebanyak 2.18 kali disumbangkan oleh penerimaan berterusan

instrumen Islam serta peruntukan portfolio pelaburan instrumen patuh Syariah yang lebih besar. Lebihan langganan ini mencerminkan permintaan kukuh terhadap instrumen tersebut disokong oleh persekitaran pasaran domestik yang menggalakkan.

Hutang Kerajaan Persekutuan

Pinjaman tambahan luar jangka dalam tempoh pandemik menyebabkan peningkatan paras hutang Kerajaan Persekutuan dan masih memberikan impak berterusan ke atas kewangan awam. Oleh itu, Kerajaan telah mengekalkan had statutori hutang pada paras 65% daripada KDNK melalui Perintah Pinjaman (Tempatan) (Had Statutori Pinjaman) dan Pendanaan Kerajaan (Had Statutori Wang yang Diterima) 2022 [*P.U. (A) 399/2022*] yang berkuat

kuasa pada 1 Januari 2023 berikutan nisbah hutang kepada KDNK yang tinggi dan keperluan pembiayaan di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025 (RMKe-12). Pada akhir Ogos 2023, hutang statutori Kerajaan Persekutuan yang terdiri daripada MGS, MGII dan MITB mencatat sebanyak 59.9% daripada KDNK iaitu di bawah had statutori hutang yang ditetapkan.

Sementara itu, had statutori hutang bagi pinjaman luar pesisir yang ditetapkan di bawah Akta Pinjaman Luar Negeri 1963 [*Akta 403*] kekal pada paras RM35 bilion dan had statutori Bil Perbendaharaan Malaysia (MTB) di bawah Akta Bil Perbendaharaan (Tempatan) 1946 [*Akta 188*] juga kekal pada paras RM10 bilion. Dalam hal ini, pinjaman luar pesisir sehingga akhir Ogos 2023 berjumlah RM30 bilion manakala MTB berjumlah RM3.5 bilion. Hutang terkumpul bagi setiap instrumen masih tidak melebihi nilai ambang yang ditetapkan.

JADUAL 4.2. *Perundangan Hutang*

AKTA	HAD STATUTORI	AKHIR OGOS 2023
Akta Pinjaman (Tempatan) 1959 [*Akta 637*]¹ **Akta Pendanaan Kerajaan 1983 [*Akta 275*]²**	MGS, MGII dan MITB terkumpul tidak melebihi paras 65% daripada KDNK	**59.9% daripada KDNK**
Akta Pinjaman Luar Negeri 1963 [*Akta 403*]	Pinjaman luar pesisir tidak melebihi RM35 bilion	**RM30 bilion**
Akta Bil Perbendaharaan (Tempatan) 1946 [*Akta 188*]	MTB tidak melebihi RM10 bilion	**RM3.5 bilion**

¹ Instrumen diterbitkan di bawah Akta 637 ialah MGS
² Instrumen diterbitkan di bawah Akta 275 ialah MGII dan MITB
Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

Pada akhir Ogos 2023, jumlah hutang Kerajaan Persekutuan berjumlah RM1,147.1 bilion atau 62% daripada KDNK. Sebahagian besar hutang tersebut dalam denominasi ringgit iaitu 97.4% manakala baki sebanyak 2.6% dalam mata wang asing. Instrumen patuh Syariah merangkumi RM569.2 bilion atau

49.6% daripada jumlah hutang menunjukkan sokongan berterusan Kerajaan terhadap pembangunan pasaran modal Islam. Sebahagian besar instrumen tersebut adalah dalam denominasi ringgit iaitu 96.5% manakala bakinya dalam dolar AS.

Hutang dalam negeri merangkumi pelbagai tempoh kematangan dan jenis instrumen. Hutang dalam negeri jangka pendek dengan tempoh matang kurang daripada 12-bulan adalah MTB sebanyak RM3.5 bilion dan MITB sebanyak RM31 bilion. Sementara itu, hutang dalam negeri jangka sederhana dan panjang yang bertempoh matang antara 3- hingga 30-tahun terdiri daripada MGS sebanyak RM564.3 bilion dan MGII sebanyak RM512.8 bilion. Komponen lain hutang dalam negeri ialah SPK yang berjumlah RM5.5 bilion dan akan ditebus sepenuhnya pada 2024.

Di samping itu, pendedahan Malaysia kepada risiko tukaran asing adalah minimum berikutan komposisi pinjaman luar pesisir yang kecil iaitu sebanyak RM30 bilion. Pinjaman luar pesisir terdiri daripada pinjaman pasaran sebanyak RM26.3 bilion dalam denominasi dolar AS (75.8%) dan yen (24.2%) manakala pinjaman projek berjumlah RM3.7 bilion yang hampir keseluruhannya dalam denominasi yen (97.6%) dan bakinya dalam mata wang lain.

JADUAL 4.3. *Hutang Kerajaan Persekutuan mengikut Instrumen, 2022 – 2023*

KOMPONEN	RM JUTA		BAHAGIAN (%)		BAHAGIAN DARIPADA KDNK (%)	
	2022	2023[1]	2022	2023[1]	2022	2023[1]
Hutang dalam negeri	**1,050,078**	**1,117,158**	*97.3*	*97.4*	*58.6*	*60.4*
MGS	538,178	564,358	*49.9*	*49.2*	*30.0*	*30.5*
MGII	471,300	512,800	*43.7*	*44.7*	*26.3*	*27.7*
SPK	9,100	5,500	*0.8*	*0.5*	*0.5*	*0.3*
Bil perbendaharaan	31,500	34,500	*2.9*	*3.0*	*1.8*	*1.9*
Pinjaman luar pesisir	**29,513**	**29,974**	*2.7*	*2.6*	*1.7*	*1.6*
Pinjaman pasaran	25,543	26,298	*2.3*	*2.3*	*1.5*	*1.4*
Pinjaman projek	3,970	3,676	*0.4*	*0.3*	*0.2*	*0.2*
Jumlah	**1,079,591**	**1,147,132**	*100.0*	*100.0*	*60.3*	*62.0*
Item memorandum: Pemegangan hutang dalam denominasi ringgit oleh bukan pemastautin	233,208	261,081	*22.2*	*23.4*	*13.0*	*14.1*

[1] Akhir Ogos 2023
Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

Pemegangan pemastautin hutang Kerajaan Persekutuan sehingga akhir Jun 2023 berjumlah RM863.4 bilion atau 75.4% daripada jumlah hutang. Pemegang pemastautin terdiri daripada pelbagai entiti dengan komposisi terbesar dipegang institusi perbankan sebanyak 30.5% diikuti oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja sebanyak 24.8%. Di samping itu, syarikat insurans memegang sebanyak 4.9%, BNM (4.4%), Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (3%), institusi kewangan pembangunan (2.2%) dan pemegangan pemastautin lain (5.6%).

Sementara itu, pemegangan bukan pemastautin mencatatkan RM281.6 bilion atau 24.6% daripada jumlah hutang. Institusi jangka panjang asing secara kolektif memegang 10.8% dengan bank pusat dan kerajaan (5.8%), dana persaraan (4.2%) dan syarikat insurans (0.8%). Baki pemegangan pula adalah pengurus dana (8.3%), institusi perbankan (5%) dan bukan pemastautin lain (0.5%).

JADUAL 4.4. *Hutang Kerajaan Persekutuan mengikut Pemegang,*
2022 – 2023

KOMPONEN	RM JUTA		BAHAGIAN (%)		BAHAGIAN DARIPADA KDNK (%)	
	2022	2023[3]	2022	2023[3]	2022	2023[3]
Pemastautin	**821,370**	**863,431**	*76.1*	*75.4*	*45.9*	*46.7*
Kumpulan Wang Simpanan Pekerja	265,685	284,129	*24.6*	*24.8*	*14.8*	*15.4*
Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan)	29,748	33,806	*2.8*	*3.0*	*1.7*	*1.8*
Syarikat insurans	52,547	56,522	*4.9*	*4.9*	*2.9*	*3.1*
Bank Negara Malaysia	68,525	50,841	*6.3*	*4.4*	*3.8*	*2.7*
Institusi perbankan	322,459	349,507	*29.9*	*30.5*	*18.0*	*18.9*
Institusi kewangan pembangunan	22,129	24,514	*2.0*	*2.2*	*1.3*	*1.3*
Lain-lain[1]	60,277	64,112	*5.6*	*5.6*	*3.4*	*3.5*
Bukan pemastautin	**258,221**	**281,587**	*23.9*	*24.6*	*14.4*	*15.2*
Pengurus dana	86,014	94,656	*8.0*	*8.3*	*4.8*	*5.1*
Bank pusat dan kerajaan	73,709	67,046	*6.8*	*5.8*	*4.1*	*3.6*
Institusi perbankan	36,773	57,161	*3.4*	*5.0*	*2.1*	*3.1*
Dana persaraan	47,887	47,877	*4.4*	*4.2*	*2.7*	*2.6*
Syarikat insurans	7,946	9,135	*0.7*	*0.8*	*0.4*	*0.5*
Lain-lain[2]	5,892	5,712	*0.6*	*0.5*	*0.3*	*0.3*
Jumlah	**1,079,591**	**1,145,018**	*100.0*	*100.0*	*60.3*	*61.9*

[1] Termasuk institusi kewangan bukan bank, badan berkanun, syarikat penamaaan dan amanah, syarikat kerjasama, sekuriti yang disimpan oleh pelabur institusi dalam bank pusat dan butiran yang tidak dapat diklasifikasikan
[2] Termasuk individu, syarikat bukan kewangan, institusi bilateral dan multilateral serta sektor yang tidak dapat dikenal pasti
[3] Akhir Jun 2023
Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

Pada 2023, Kerajaan Persekutuan memperuntukkan sebanyak RM46.1 bilion atau 15.2% daripada hasil (2022: RM41.3 bilion; 14%) untuk bayaran khidmat hutang (DSC). Nisbah DSC kepada hasil meningkat berbanding tahun sebelumnya disebabkan oleh jumlah hutang yang tinggi. Sebahagian besar perbelanjaan DSC adalah bagi terbitan domestik yang dianggar berjumlah RM45.3 bilion manakala baki sebanyak RM0.8 bilion bagi pinjaman luar pesisir. Sehubungan itu, kadar purata wajaran kos pinjaman bagi keseluruhan hutang dalam negeri pada akhir Ogos 2023 mencatat pada kadar 4.095% (2022: 4.031%).

Purata wajaran tempoh matang bagi semua sekuriti hutang dianggar meningkat kepada 9.5 tahun (2022: 9.0 tahun) berikutan perubahan ketara komposisi kertas hutang jangka sederhana dan panjang dengan baki tempoh matang enam tahun dan ke atas yang merangkumi 58.3% pada 2023, lebih tinggi berbanding 56.3% pada 2022. Sebaliknya, komposisi sekuriti dengan baki tempoh matang lima tahun dan ke bawah berkurang kepada 41.7% berbanding tahun sebelumnya iaitu 43.7%. Keadaan ini menunjukkan langkah strategik dalam mengurus risiko pembiayaan semula ke arah mencapai profil kematangan yang terurus.

RENCANA

Analisis Kemampanan Hutang Malaysia 2023

Pengenalan

Kerajaan Persekutuan Malaysia telah mengguna pakai rangka kerja Analisis Kemampanan Hutang (DSA) yang dibangunkan oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dan Bank Dunia sebagai instrumen penilaian risiko sejak 2019. Penilaian DSA adalah penting sebagai panduan kepada pengurusan fiskal serta strategi pinjaman dan hutang kerajaan bagi membolehkan negara menghadapi sebarang kejutan dalam jangka masa sederhana dan panjang serta mengelakkan kesulitan dalam pembayaran. Kemampanan hutang negara adalah berdasarkan kemampuan kerajaan untuk memenuhi obligasi pembayaran hutang sedia ada dan akan datang tanpa berdepan dengan keperluan bantuan kewangan luar biasa atau kegagalan membayar balik hutang. Selain itu, pelaporan DSA juga menyediakan gambaran lebih jelas kepada kreditor dan pelabur terhadap potensi kejutan berkaitan hutang seperti kemerosotan ekonomi, dasar monetari yang diperketat, kejatuhan pertukaran mata wang asing dan defisit yang tinggi. Laporan ini turut membantu dalam perancangan portfolio pelaburan dan penyesuaian ke atas terma pembiayaan. Pelaporan DSA hutang Kerajaan Persekutuan merangkumi perkara seperti dalam Rajah 1.

RAJAH 1. *Sorotan Utama DSA*

Analisis Kemampanan Hutang

A
Menganalisis senario dasar dan alternatif yang meliputi pembolehubah makroekonomi utama

B
Sensitiviti indikator beban hutang (hutang dan keperluan pembiayaan) kepada kejutan makro-fiskal dan liabiliti luar jangka (ujian tekanan)

C
Penilaian risiko ke atas pendedahan daripada struktur profil hutang

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan IMF

Dapatan DSA menunjukkan unjuran hutang dan keperluan pembiayaan kasar (GFN) sebagai peratusan kepada KDNK. Di samping itu, dapatan tersebut juga menerang dan merumuskan pendedahan kejutan terhadap paras hutang dan keperluan pinjaman. Di bawah rangka kerja DSA, nilai ambang keberhutangan sesebuah negara yang berkembang pesat diukur berdasarkan nisbah hutang kepada KDNK sebanyak 70% dan nisbah GFN kepada KDNK sebanyak 15%. Pada Jun 2022, IMF dan Bank Dunia telah memulakan penggunaan Rangka Kerja Risiko Berdaulat dan Kemampanan Hutang (SRDSF) secara berperingkat dan seterusnya akan menggantikan DSA. Oleh demikian, Malaysia merancang untuk mengguna pakai SRDSF sebagai penilaian dalaman sebaik sahaja rangka kerja ini siap sepenuhnya dan dilancarkan oleh IMF.

Analisis

A.   Analisis Senario

i.   Senario Dasar

Penilaian DSA ini merangkumi unjuran bagi tempoh 2023 hingga 2028. Andaian utama makro-fiskal yang digunakan dalam DSA adalah selaras dengan Rangka Kerja Fiskal Jangka Sederhana Kerajaan Persekutuan seperti dalam Jadual 1.

JADUAL 1. *Indikator Makro-Fiskal DSA 2023*

INDIKATOR MAKRO-FISKAL	PURATA 2023 – 2028 (% SETAHUN)
Pertumbuhan KDNK benar	4.5
Pertumbuhan hasil	4.3
Pertumbuhan perbelanjaan bukan faedah	1.0
Kadar faedah[1]	4.2

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

Bagi tempoh 2012 hingga 2022, defisit primer dan kadar faedah benar merupakan dua faktor utama yang menyumbang kepada peningkatan nisbah hutang kepada KDNK. Sebaliknya, pertumbuhan KDNK benar telah mengurangkan nisbah hutang kepada KDNK kecuali pada 2020, dan arah aliran ini dijangka berterusan untuk tempoh lima tahun akan datang seperti di Rajah 2. Walau bagaimanapun, nisbah hutang terus bertambah baik berikutan pengurangan defisit primer secara beransur-ansur hasil daripada usaha konsolidasi fiskal.

RAJAH 2. *Aliran Penjanaan Hutang*

% KDNK

Unjuran →

KADAR FAEDAH BENAR   DEFISIT PRIMER   PERTUMBUHAN KDNK BENAR
PENYUSUTAN KADAR TUKARAN   BAKI   PERUBAHAN HUTANG KASAR

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan IMF

Berdasarkan senario dasar, nisbah hutang kepada KDNK dianggar sebanyak 63% pada 2023 dan menyusut sedikit di bawah paras 60% pada 2028. Saiz pinjaman kasar tahunan juga menggambarkan trajektori konsolidasi fiskal dengan nisbah GFN kepada KDNK diunjur berkurang secara berperingkat kepada 5.6% pada 2028 berbanding 12.3% pada 2023.

---

[1] Kadar faedah merujuk kepada kadar kupon/keuntungan instrumen hutang Kerajaan Persekutuan.

ii.   Senario Alternatif

Senario alternatif mendedahkan potensi perubahan dalam prospek hutang negara jika dasar fiskal semasa tidak berubah. Senario tersebut menilai unjuran hutang dan pinjaman untuk jangka masa sederhana dengan menggunakan andaian baki primer malar dan data terdahulu, dianalisis secara berasingan.

(a)   Senario Baki Primer Malar

Dengan andaian baki primer malar sebanyak 2.5% daripada KDNK sepanjang tempoh unjuran lima tahun, paras hutang kepada KDNK diunjur hampir mencecah nilai ambang DSA sebanyak 70% pada 2028. Unjuran ini adalah membimbangkan kerana melebihi had statutori hutang Kerajaan Persekutuan sebanyak 65% mulai 2025. Selain itu, purata GFN bagi tempoh tersebut dijangka sekitar 10% daripada KDNK setiap tahun. Sehubungan itu, jumlah pinjaman yang lebih tinggi diperlukan jika tiada langkah konsolidasi fiskal dilaksanakan.

(b)   Senario Data Terdahulu

Berdasarkan analisis ke atas data purata sepuluh tahun (2013 – 2022) iaitu defisit primer kepada KDNK (2%), pertumbuhan ekonomi (4.2%) dan kadar faedah (4.0%), nisbah hutang kepada KDNK akan meningkat kepada 67.7% pada 2028. Nisbah ini berada sedikit di bawah nilai ambang DSA namun masih melepasi had statutori hutang Kerajaan Persekutuan mulai 2025. Sementara itu, jumlah GFN dianggarkan sebanyak 8.3% daripada KDNK pada 2028. Senario tersebut ditunjukkan seperti di Rajah 3.

RAJAH 3. *Senario Dasar dan Alternatif*

HUTANG NOMINAL KASAR

KEPERLUAN PEMBIAYAAN KASAR

- - - BAKI PRIMER MALAR
..... DATA TERDAHULU
——— DASAR

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan IMF

B.   Analisis Sensitiviti

Pelaksanaan analisis sensitiviti atau ujian tekanan membolehkan Kerajaan menilai potensi kesan pelbagai kejutan makro-fiskal ke atas tahap keberhutangan. Oleh itu, langkah dasar yang bersesuaian boleh dipadan dan dilaksanakan untuk mengurangkan kesan sekiranya keadaan tersebut berlaku.

i.   **Senario Kejutan terhadap Baki Primer**

Sekiranya krisis pandemik berlaku semula pada 2024 dan 2025 serta langkah fiskal yang sama dilaksanakan, defisit primer akan melonjak kepada 3.8% daripada KDNK. Lanjutan itu, nisbah hutang kepada KDNK diunjur memuncak kepada 68.5% pada 2025 dan berkurang sedikit kepada 67.3% pada 2028. Sementara itu, GFN dijangka meningkat kepada 12% daripada KDNK pada 2024 dan menyederhana kepada 7.4% pada 2028. Walaupun nisbah hutang kepada KDNK kekal dalam lingkungan nilai ambang DSA, namun nisbah ini melebihi had statutori hutang 65% sepanjang tempoh unjuran. Analisis menunjukkan bahawa pinjaman terkumpul yang tinggi semasa tahun krisis untuk membiayai langkah fiskal tambahan akan mengakibatkan kesan hutang yang berpanjangan.

ii.   **Senario Kejutan terhadap Pertumbuhan KDNK Benar**

Berdasarkan andaian KDNK benar menguncup sebanyak 5.5% pada 2024, meningkat semula kepada 3.3% pada 2025 dan seterusnya mencatat purata 4.8% pada baki tempoh unjuran, nisbah hutang kepada KDNK diunjur melonjak kepada 77.8% pada 2025 dan berkurang secara beransur-ansur kepada 73.5% pada 2028. Nisbah GFN kepada KDNK turut meningkat kepada 13.6% pada 2024 dan berkurang secara beransur-ansur kepada 6.9% pada 2028. Nisbah hutang kepada KDNK di bawah kejutan ini melebihi nilai ambang DSA dan had statutori hutang Kerajaan Persekutuan. Penguncupan KDNK benar akan meningkatkan nisbah hutang kepada KDNK disebabkan oleh kemerosotan kebanyakan indikator makroekonomi dan menjejaskan defisit primer dan kos pinjaman.

iii.   **Senario Kejutan terhadap Kadar Faedah Benar**

Sekiranya kadar faedah meningkat hampir 230 mata asas setiap tahun, trajektori nisbah hutang kepada KDNK dan GFN kepada KDNK bagi tempoh 2024 hingga 2028 adalah tidak ketara berbanding senario dasar. Jurang terbesar antara senario kejutan ini dan dasar adalah pada 2028 dengan nisbah hutang kepada KDNK dianggarkan pada 61.1% (senario dasar: 59.7%) manakala nisbah GFN kepada KDNK adalah pada 6.3% (senario dasar: 5.6%). Peningkatan kecil dalam unjuran nisbah hutang kepada KDNK adalah disebabkan oleh peningkatan kos pinjaman. Senario ini menunjukkan unjuran hutang dan pembiayaan tidak melebihi nilai ambang DSA dan had statutori hutang Kerajaan Persekutuan.

iv.   **Senario Kejutan terhadap Kadar Tukaran Mata Wang**

Berdasarkan andaian ringgit menyusut di luar jangkaan sekitar 30% setiap tahun berbanding senario dasar tanpa sebarang campur tangan polisi, senario ini menyebabkan harga menjadi lebih tinggi dan KDNK nominal meningkat. Oleh itu, nisbah hutang kepada KDNK diunjur bertambah baik dengan mencatat 55.8% sementara GFN kepada KDNK pula sebanyak 5.2% pada 2028. Nisbah yang lebih baik ini berikutan komposisi hutang berdenominasi dalam mata wang asing yang rendah iaitu kurang daripada 3% daripada jumlah hutang Kerajaan Persekutuan.

RAJAH 4. *Ujian Tekanan Makro-Fiskal*

HUTANG NOMINAL KASAR

KEPERLUAN PEMBIAYAAN KASAR

KEJUTAN PERTUMBUHAN KDNK BENAR
KEJUTAN BAKI PRIMER
KEJUTAN KADAR FAEDAH BENAR
DASAR
KEJUTAN KADAR TUKARAN BENAR

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan IMF

v. Senario Kombinasi Kejutan Makro-Fiskal

Trajektori hutang dan GFN menunjukkan peningkatan ketara sepanjang tempoh unjuran sekiranya kesemua kejutan makro-fiskal berlaku serentak. Nisbah hutang kepada KDNK akan melebihi nilai ambang DSA seawal 2024 pada 75.3% dan terus meningkat pada 2025. Nisbah ini dijangka meningkat sekitar 79% pada 2026 dan tahun seterusnya. Walau bagaimanapun, nisbah GFN kepada KDNK berkurang daripada 13.6% pada 2024 kepada 9.1% pada 2028. Berdasarkan senario ini, paras hutang melebihi nilai ambang DSA dan had statutori hutang sepanjang tempoh unjuran. Senario ini menunjukkan bahawa peningkatan ketara paras hutang adalah berikutan pertambahan beban kewangan dan makroekonomi ketika krisis. Trajektori yang tidak mampan ini merupakan risiko kepada negara sekiranya tiada langkah mitigasi khusus dilaksanakan.

vi. Senario Kejutan Liabiliti Luar Jangka

Berdasarkan andaian bahawa Kerajaan perlu memenuhi kesemua liabiliti luar jangka yang merangkumi sekitar 12% daripada KDNK pada 2024, nisbah hutang kepada KDNK dijangka melonjak kepada 82.8% pada 2024 dan berkurang secara beransur-ansur 80.9% pada 2028. Nisbah GFN kepada KDNK akan meningkat ketara kepada 29.1% pada 2024 dengan purata sekitar 10% bagi tempoh 2025 hingga 2028. Senario ini adalah yang terburuk berbanding kesemua kejutan berikutan legasi hutang disebabkan oleh pertambahan beban hutang Kerajaan Persekutuan bagi membiayai komitmen liabiliti. Keadaan ini menyebabkan peningkatan berterusan kepada trajektori hutang yang melebihi nilai ambang DSA dan had statutori hutang. Selain itu, senario ini sahaja yang menunjukkan nisbah GFN melebihi nilai ambang DSA. Trajektori hutang kepada KDNK dan GFN kepada KDNK bagi semua senario adalah seperti di Rajah 4 dan Rajah 5.

RAJAH 5. *Ujian Tekanan Tambahan*

HUTANG NOMINAL KASAR

% KDNK

KEPERLUAN PEMBIAYAAN KASAR

% KDNK

— KEJUTAN LIABILITI LUAR JANGKA
--- KOMBINASI KEJUTAN MAKRO-FISKAL
— DASAR

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan IMF

C.   Penilaian Risiko

i.   Risiko Profil Hutang

Selain ujian tekanan makro-fiskal dan liabiliti luar jangka, DSA juga menyediakan penilaian risiko menyeluruh terhadap profil hutang sedia ada sesebuah negara. Berdasarkan penilaian[2] ini, keperluan pembiayaan luar[3] dikategorikan sebagai berisiko tinggi kerana melepasi had tinggi amaran awal yang meningkatkan pendedahan Kerajaan kepada risiko tukaran mata wang asing. Sementara itu, instrumen hutang Kerajaan Persekutuan yang dipegang oleh bukan pemastautin menunjukkan risiko sederhana kerana melepasi had rendah amaran awal. Sekiranya berlaku aliran keluar modal secara luar biasa, situasi ini mengakibatkan lebihan penawaran kertas hutang Kerajaan dalam pasaran domestik. Walau bagaimanapun, dua risiko ini diimbangi melalui ketersediaan aset luar sektor swasta yang mencukupi serta kekukuhan dan kecairan dalam pasaran modal tempatan. Selain itu, Kerajaan terus memantau operasi pasaran kewangan supaya kekal teratur. Had tinggi dan had rendah amaran awal risiko untuk setiap parameter profil hutang adalah seperti di Rajah 6.

---

[2] Berdasarkan data 2022.
[3] Keperluan pembiayaan luar dalam penilaian ini termasuk hutang luar sektor swasta.

RAJAH 6. *Pendedahan Profil Hutang*

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan IMF

Dapatan - *Heat Map*

Heat map memberikan gambaran menyeluruh mengenai kedudukan tahap risiko terhadap paras hutang dan GFN negara daripada pelbagai senario kejutan serta profil hutang. Penilaian ini bertujuan untuk membuat perbandingan antara *heat map* DSA 2023 dengan DSA 2021[4] seperti di Rajah 7a dan ringkasan indikator risiko seperti di Rajah 7b.

RAJAH 7a. *Simulasi Heat Map DSA Malaysia (2021 berbanding 2023)*

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan IMF

---

[4] Laporan penuh DSA 2021 boleh dirujuk dalam Tinjauan Fiskal dan Anggaran Hasil Kerajaan Persekutuan 2022.

RAJAH 7b. *Indikator Tahap Risiko untuk Paras Hutang, GFN dan Profil Hutang*

Heat Map	Paras Hutang	Keperluan Pembiayaan Kasar	Profil Hutang
Risiko Rendah	Sekiranya paras hutang tidak melebihi nilai ambang 70% daripada KDNK di bawah senario dasar atau senario kejutan tertentu	Sekiranya GFN tidak melebihi nilai ambang 15% daripada KDNK di bawah senario dasar atau senario kejutan tertentu	Sekiranya nilai bagi sesebuah negara tidak melebihi parameter had rendah amaran awal
Risiko Sederhana	Sekiranya paras hutang melebihi nilai ambang 70% daripada KDNK di bawah senario kejutan tertentu tetapi tidak pada senario dasar	Sekiranya GFN melebihi nilai ambang 15% daripada KDNK di bawah senario kejutan tertentu tetapi tidak pada senario dasar	Sekiranya nilai bagi sesebuah negara berada di antara parameter had rendah dan had tinggi amaran awal
Risiko Tinggi	Sekiranya paras hutang melebihi nilai ambang 70% daripada KDNK di bawah senario dasar	Sekiranya GFN melebihi nilai ambang 15% daripada KDNK di bawah senario dasar	Sekiranya nilai bagi sesebuah negara melebihi parameter had tinggi amaran awal

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan IMF

Berdasarkan *heat map* DSA 2023, terdapat penambahbaikan pada paras dan profil hutang Malaysia berbanding 2021. Di bawah kategori paras hutang DSA 2023, kejutan kadar faedah benar menunjukkan risiko rendah kepada Kerajaan yang mencerminkan keperluan pinjaman lebih rendah hasil usaha konsolidasi fiskal. Dari aspek pendedahan profil hutang, komposisi hutang jangka pendek telah menunjukkan penambahbaikan yang ketara berbanding 2021 dan tidak lagi berisiko tinggi kepada negara. Penambahbaikan ini berikutan bayaran balik bil perbendaharaan yang tinggi dan seterusnya mengurangkan jumlah terkumpul instrumen pembiayaan jangka pendek.

Walaupun keperluan pembiayaan luar kekal berisiko tinggi, kemungkinan kegagalan pembayaran pinjaman luar pesisir adalah tipis berikutan ketersediaan aset yang besar dan kebolehpercayaan kredit yang baik dalam kalangan penerbit hutang luar. Selain itu, syarat keperluan kecairan dan pengurusan risiko pembiayaan yang berhemat oleh pengawal selia juga membantu mengurangkan pendedahan kepada risiko.

Walau bagaimanapun, kejutan pertumbuhan KDNK benar kekal pada paras risiko sederhana meskipun negara sedang beralih ke fasa endemik dari pandemik COVID-19. Pegangan hutang oleh bukan pemastautin juga kekal berisiko sederhana dengan jumlah pegangan kekal sekitar 24% daripada jumlah hutang sejak 2019. Kejutan liabiliti luar jangka merupakan cabaran utama Kerajaan dan memerlukan langkah mitigasi segera sekiranya berlaku bagi mengawal lonjakan mendadak kepada paras hutang dan mengurus keperluan pembiayaan sewajarnya.

Secara keseluruhannya, risiko yang telah dikenal pasti adalah terurus berikutan pelaksanaan langkah fiskal. Usaha berterusan perlu diambil bagi membina semula ruang fiskal yang lebih luas dalam memastikan kesemua senario kejutan berada dalam parameter risiko rendah.

Kesimpulan

Analisis DSA menunjukkan bahawa pertumbuhan ekonomi yang lebih kukuh dan lebihan fiskal merupakan dua faktor utama yang dapat mempercepat pengurangan nisbah hutang Kerajaan Persekutuan kepada KDNK. Dalam hal ini, pelaksanaan pelan pembaharuan fiskal yang telah dirancang dan penambahbaikan strategi pengurusan hutang penting untuk disegerakan. Pelaksanaan Akta Kewangan Awam dan Tanggungjawab Fiskal yang sedang digubal dijangka mampu menambah baik kemampanan hutang disokong oleh pelaksanaan Strategi Hasil Jangka Sederhana dan semakan semula perbelanjaan bagi melancarkan langkah konsolidasi fiskal. Inisiatif ini dapat menyumbang kepada penambahbaikan kedudukan fiskal, memastikan kemampanan hutang dan mengurangkan pendedahan risiko negara dalam tempoh jangka masa sederhana dan panjang.

Rujukan

Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) (2013). *Staff Guidance Note on the Sovereign Risk and Debt Sustainability Framework for Market-Access Countries.* Dicapai daripada https://www.imf.org/external/np/pp/eng/2013/05092013.pdf

Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) (2020). *Finance & Development September 2020. Back to Basics: What is Debt Sustainability?.* Dicapai daripada https://www.imf.org/en/Publications/fandd/issues/2020/09/what-is-debt-sustainability-basics

Kementerian Kewangan (2021). *Tinjaun Fiskal dan Anggaran Hasil Kerajaan Persekutuan 2022: Analisis Kemampanan Hutang Malaysia 2021 (ms:66 – 73).* Kuala Lumpur. Percetakan Nasional Malaysia Berhad.

Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) (2022). *Staff Guidance Note for Public Debt Sustainability Analysis in Market-Access Countries.* Dicapai daripada https://www.imf.org/en/Publications/Policy-Papers/Issues/2022/08/08/Staff-Guidance-Note-on-the-Sovereign-Risk-and-Debt-Sustainability-Framework-for-Market-521884

Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) (2022). *2022 Article IV Consultation—Press Release; Staff Report; and Statement by The Executive Director for Malaysia.* Dicapai daripada https://www.imf.org/en/Publications/CR/Issues/2022/04/28/Malaysia-2022-Article-IV-Consultation-Press-Release-Staff-Report-and-Statement-by-the-517398

Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) (2023). *Malaysia: 2023 Article IV Consultation—Press Release; and Staff Report.* Dicapai daripada https://www.imf.org/en/Publications/CR/Issues/2023/05/31/Malaysia-2023-Article-IV-Consultation-Press-Release-and-Staff-Report-533968

Hutang Luar Malaysia

Hutang luar[1] pada akhir Jun 2023 meningkat sebanyak 6% kepada RM1,213.1 bilion atau 65.6% daripada KDNK didorong oleh peningkatan kepada jumlah pinjaman luar pesisir, pemegangan sekuriti hutang dalam denominasi ringgit oleh bukan pemastautin dan deposit bukan pemastautin. Pinjaman luar pesisir meningkat kepada RM646.2 bilion dan kekal sebagai komponen terbesar iaitu 53.3% daripada jumlah hutang luar. Peningkatan dalam pinjaman luar pesisir terutamanya disumbangkan oleh pertambahan pinjaman mata wang asing bersih oleh sektor swasta dan kesan penilaian berikutan peningkatan nilai dolar AS. Pemegangan bukan pemastautin dalam sekuriti hutang berdenominasi ringgit meningkat kepada RM267.9 bilion dan

deposit bukan pemastautin pula meningkat kepada RM134.3 bilion. Pemegangan bukan pemastautin yang lebih besar dalam sekuriti hutang berdenominasi ringgit disokong oleh permintaan pelabur yang lebih baik terhadap sekuriti Kerajaan manakala peningkatan deposit bukan pemastautin didorong oleh peningkatan deposit dalam sistem perbankan domestik. Selain itu, lain-lain hutang luar turut meningkat kepada RM164.7 bilion berikutan kredit perdagangan yang lebih tinggi. Secara keseluruhan, hutang luar kekal terurus disokong oleh profil kematangan hutang yang baik dengan komposisi hutang jangka sederhana dan panjang yang tinggi berjumlah 58.2% berbanding hutang jangka pendek sebanyak 41.8%. Selain itu, baki rizab antarabangsa yang mencukupi pada 1.0 kali hutang luar jangka pendek mengurangkan risiko pembiayaan semula.

JADUAL 4.5. *Hutang Luar, 2022 – 2023*

KOMPONEN	RM JUTA		BAHAGIAN (%)		BAHAGIAN DARIPADA KDNK (%)	
	2022	2023[3]	2022	2023[3]	2022	2023[3]
Pinjaman luar pesisir	**625,712**	**646,213**	*54.7*	*53.3*	*34.9*	*34.9*
Hutang jangka sederhana dan panjang	382,895	401,540	*33.5*	*33.1*	*21.3*	*21.7*
Sektor awam	145,823	144,614	*12.8*	*11.9*	*8.1*	*7.8*
Kerajaan Persekutuan	25,013	25,557	*2.2*	*2.1*	*1.4*	*1.4*
Syarikat awam	120,810	119,057	*10.6*	*9.8*	*6.7*	*6.4*
Sektor swasta	237,072	256,926	*20.7*	*21.2*	*13.2*	*13.9*
Hutang jangka pendek	242,817	244,672	*21.2*	*20.2*	*13.6*	*13.2*
Pemegangan sekuriti hutang dalam denominasi ringgit oleh bukan pemastautin	**246,565**	**267,899**	*21.5*	*22.1*	*13.8*	*14.5*
Hutang jangka sederhana dan panjang	238,158	258,937	*20.8*	*21.4*	*13.3*	*14.0*
Kerajaan Persekutuan	226,078	248,589	*19.7*	*20.5*	*12.6*	*13.4*
Lain-lain[1]	12,080	10,348	*1.1*	*0.9*	*0.7*	*0.6*
Hutang jangka pendek	8,408	8,961	*0.7*	*0.7*	*0.5*	*0.5*
Deposit bukan pemastautin	**111,572**	**134,310**	*9.8*	*11.0*	*6.2*	*7.3*
Lain-lain[2]	**160,814**	**164,681**	*14.0*	*13.6*	*9.0*	*8.9*
Jumlah	**1,144,663**	**1,213,102**	*100.0*	*100.0*	*63.9*	*65.6*

[1] Termasuk sektor swasta dan syarikat awam
[2] Termasuk kredit perdagangan, peruntukan Hak Pengeluaran Khas IMF dan lain-lain
[3] Akhir Jun 2023
Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan pembundaran
Sumber: Bank Negara Malaysia

[1] Hutang luar terdiri daripada pinjaman luar pesisir sektor awam dan swasta, pemegangan sekuriti hutang dalam denominasi ringgit oleh bukan pemastautin, deposit bukan pemastautin serta lain-lain hutang luar

Hutang Sektor Awam

Hutang sektor awam pada akhir Jun 2023 meningkat sebanyak 4.2% kepada RM1,541.9 bilion atau 83.3% daripada KDNK disebabkan oleh peningkatan hutang Kerajaan Persekutuan yang merangkumi 74.3% daripada jumlah hutang sektor awam. Hutang badan berkanun yang dijamin Kerajaan pula menyusut kepada RM94.6 bilion berikutan bayaran balik hutang yang matang oleh Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA) dan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN). Hutang syarikat awam bukan kewangan (SABK) juga berkurang kepada RM302.2 bilion atau 19.6% terutamanya berikutan bayaran balik hutang yang matang oleh beberapa SABK.

JADUAL 4.6. *Hutang Sektor Awam, 2022 – 2023*

KOMPONEN	RM JUTA		BAHAGIAN (%)		BAHAGIAN DARIPADA KDNK (%)	
	2022	2023[1]	2022	2023[1]	2022	2023[1]
Kerajaan Persekutuan	**1,079,591**	**1,145,018**	*73.0*	*74.3*	*60.3*	*61.9*
Dalam negeri	1,050,078	1,114,658	*71.0*	*72.3*	*58.6*	*60.3*
Luar pesisir	29,513	30,360	*2.0*	*2.0*	*1.7*	*1.6*
Badan berkanun	**95,418**	**94,648**	*6.4*	*6.1*	*5.3*	*5.1*
Dalam negeri	95,418	94,648	*6.4*	*6.1*	*5.3*	*5.1*
antaranya: Dijamin	95,418	94,648	*6.4*	*6.1*	*5.3*	*5.1*
Luar pesisir	-	-	-	-	-	-
Syarikat awam bukan kewangan	**304,499**	**302,189**	*20.6*	*19.6*	*17.0*	*16.3*
Dalam negeri	188,310	187,129	*12.7*	*12.1*	*10.5*	*10.1*
antaranya: Dijamin	188,310	187,129	*12.7*	*12.1*	*10.5*	*10.1*
Luar pesisir	116,189	115,060	*7.9*	*7.5*	*6.5*	*6.2*
antaranya: Dijamin	29,089	31,756	*2.0*	*2.1*	*1.6*	*1.7*
Jumlah	**1,479,508**	**1,541,855**	*100.0*	*100.0*	*82.6*	*83.3*

[1] Akhir Jun 2023
Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

Tinjauan 2024

Kerajaan bertekad menstruktur semula ekonomi serta membina semula daya tahan dan kapasiti fiskal negara selaras dengan kerangka Ekonomi MADANI. Kerajaan juga komited melaksanakan pengurusan hutang berhemat bagi mengurangkan pendedahan hutang dan lialibiti serta melaksanakan strategi pembiayaan yang mantap.

Dalam hal ini, pinjaman kasar Kerajaan Persekutuan diunjur lebih rendah sekitar 10% daripada KDNK. Pembiayaan akan diperoleh sepenuhnya daripada sumber dalam negeri dengan mengambil kira kecairan yang mencukupi dan daya tahan pasaran modal tempatan. Selain itu, usaha akan ditumpukan bagi memastikan profil kematangan hutang yang terurus dengan mengurangkan terbitan dan jumlah terkumpul instrumen jangka pendek dalam mengurus risiko pembiayaan semula.

Hutang Kerajaan Persekutuan diunjur sekitar 64% daripada KDNK pada akhir 2024 terutamanya untuk membiayai projek pembangunan strategik di bawah RMKe-12. Projek tersebut termasuk program tebatan banjir, lebuhraya Lingkaran Tengah Utama (CSR), lebuhraya Pan Borneo di Sabah dan Sarawak, Rapid Transit System Link (RTS Link) antara Johor Bahru dengan Singapura serta Pelan Gentian Optik dan Kesalinghubungan Negara atau kini dikenali sebagai Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA). Dalam mendepani cabaran masa hadapan, Kerajaan komited untuk mencapai konsolidasi fiskal melalui inisiatif pembaharuan fiskal yang jitu. Justeru, nisbah hutang kepada KDNK dijangka berkurang secara beransur-ansur dalam tempoh jangka masa sederhana.

Kesimpulan

Kerajaan akan terus memastikan kemampanan fiskal di samping melindungi kesejahteraan rakyat. Oleh yang demikian, Kerajaan kekal komited untuk mengurangkan nisbah hutang kepada KDNK dengan berpegang kepada strategi Rangka Kerja Fiskal Jangka Sederhana serta Akta Kewangan Awam dan Tanggungjawab Fiskal yang sedang digubal meskipun terus berhadapan cabaran dan ketidaktentuan ekonomi global. Selain itu, pengurusan hutang terus berpandukan kepada beberapa prinsip antaranya pematuhan kepada peraturan hutang serta mengutamakan pembiayaan melalui sumber domestik dengan matlamat utama untuk mengurangkan paras keberhutangan Kerajaan dan meluaskan ruang fiskal.

RAJAH 4.1. *Terbitan mengikut Tempoh Matang*

RM bilion

Legend:
- BIL PERBENDAHARAAN
- 3- HINGGA 7-TAHUN
- 10-TAHUN
- 15- HINGGA 20-TAHUN
- 30-TAHUN

RAJAH 4.2. *Nisbah BTC Terbitan MGS dan MGII*

RM bilion — Nisbah

Legend:
- JUMLAH TERBITAN BULANAN
- BTC BULANAN (SKALA KANAN)
- BTC TAHUNAN (SKALA KANAN)

RAJAH 4.3. *Keluk Kadar Hasil Penanda Aras MGS*

%

Legend:
- 2021
- 2022
- 2023¹

RAJAH 4.4. *Kadar Hasil Indikatif MGS*

%

4.152%
3.840%
3.587%
3.458%
3.00%

Legend:
- 3-TAHUN
- 5-TAHUN
- 10-TAHUN
- 20-TAHUN
- OPR

RAJAH 4.5. *Komposisi Hutang Kerajaan Persekutuan*

RM bilion — % KDNK

Legend:
- PINJAMAN LUAR PESISIR
- LAIN-LAIN HUTANG DALAM NEGERI
- MGII
- MGS
- HUTANG STATUTORI DARIPADA KDNK (SKALA KANAN)
- HAD STATUTORI HUTANG (SKALA KANAN)

¹ Akhir Ogos 2023
Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia, Bank Negara Malaysia dan Bloomberg

RAJAH 4.6. *Hutang Kerajaan Persekutuan mengikut Pemegang*

RM bilion

33.6%
23.8%
20.3%
17.0%
3.3%
2.0%

24.8%
24.6%
5.6%
2.2%
3.0%
4.4%
4.9%
30.5%

RM1,145 BILION[1]

Penguruś dana
Bank pusat dan kerajaan
Institusi perbankan
Dana persaraan
Syarikat insurans
Lain-lain

- INSTITUSI PERBANKAN
- SYARIKAT INSURANS
- KWAP
- LAIN-LAIN
- KWSP
- BANK NEGARA MALAYSIA
- INSTITUSI KEWANGAN PEMBANGUNAN
- BUKAN PEMASTAUTIN

RAJAH 4.7. *Pemegangan Hutang dalam Denominasi Ringgit oleh Bukan Pemastautin*

%

35.8%
23.4%

2019   2020   2021   2022   2023[2]

— MGS
— HUTANG DALAM NEGERI

RAJAH 4.8. *Hutang Kerajaan Persekutuan mengikut Baki Tempoh Matang*

RM bilion

62.5%
56.6%
56.6%
56.3%
58.3%

2019   2020   2021   2022   2023

- ≤ 5 TAHUN
- 6 - 10 TAHUN
- 11-15 TAHUN
- ≥16 TAHUN

RAJAH 4.9. *Bayaran Khidmat Hutang*

RM bilion   % hasil

2019   2020   2021   2022   2023

- PINJAMAN LUAR PESISIR
- HUTANG DALAM NEGERI
- % HASIL (SKALA KANAN)

RAJAH 4.10. *Profil Kematangan Hutang*

RM bilion

2023 2024 2025 2026 2027 2028 2029 2030 2031 2032 2033 2034 2035 2036 2037 2038 2039 2040 2041 2042 2043 2044 2045 2046 2047 2048 2049 2050 2051 2052 2053

- MGS
- MGII
- LAIN-LAIN HUTANG DALAM NEGERI
- PINJAMAN LUAR PESISIR

[1] Akhir Jun 2023
[2] Akhir Ogos 2023
Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

Risiko Fiskal dan Liabiliti

Perspektif Keseluruhan

Pandemik COVID-19 telah meninggalkan kesan yang besar ke atas rakyat serta ekonomi dan kewangan awam. Walaupun risiko berkaitan pandemik telah berkurangan, namun kemunculan risiko makroekonomi kesan ketidaktentuan pertumbuhan semakin meningkat berikutan ekonomi global yang perlahan, ketegangan geopolitik dan kenaikan inflasi. Tambahan pula, risiko alam sekitar yang berpunca daripada perubahan iklim memerlukan kerajaan di seluruh dunia mengukuhkan usaha mitigasi dan adaptasi bencana. Langkah tersebut termasuk memperkukuh kapasiti pencegahan; kesiapsiagaan dan tindak balas; menaik taraf infrastruktur; serta meningkatkan pelaburan dalam dana bencana alam. Ketika Malaysia bergelut dengan impak pascapandemik dan menangani pelbagai kelemahan termasuk risiko fiskal, Kerajaan juga giat berusaha dalam memulihkan kewangan awam bagi memastikan ruang fiskal yang mencukupi untuk menghadapi kejutan pada masa hadapan.

Malaysia akan melaksanakan inisiatif pengurusan risiko fiskal yang komprehensif bagi memperkemas penilaian risiko dengan mengurangkan pendedahan terhadap risiko sedia ada dan akan datang. Strategi pemulihan pascapandemik Kerajaan telah meningkatkan hutang Kerajaan Persekutuan manakala liabiliti menyederhana sejak dua tahun lepas. Walau bagaimanapun, Kerajaan akan meneruskan pelaksanaan pelbagai projek infrastruktur memandangkan usaha ini penting bagi merancakkan momentum pertumbuhan ekonomi yang turut mengambil kira kedudukan fiskal dan kemampuan kewangan dalam jangka masa sederhana dan panjang.

Pendedahan Hutang dan Liabiliti

Malaysia telah mula menzahirkan pelaporan hutang dan liabiliti secara komprehensif sejak 2019 selaras dengan standard dan kaedah statistik di bawah Piawaian Perakaunan Sektor Awam Antarabangsa (IPSAS) dan Public Sector Debt Statistics oleh IMF. Pendedahan hutang dan liabiliti terdiri daripada hutang Kerajaan Persekutuan, komitmen jaminan serta liabiliti lain iaitu komitmen daripada projek kerjasama awam swasta (PPP) dan projek inisiatif pembiayaan swasta (PFI). Sehingga akhir Jun 2023, pendedahan hutang dan liabiliti adalah berjumlah RM1,508.6 bilion atau 81.6% daripada KDNK.

JADUAL 5.1. *Pendedahan Hutang dan Liabiliti Kerajaan Persekutuan,*
2022 – 2023

KOMPONEN	RM BILION		BAHAGIAN DARIPADA KDNK (%)	
	2022	**2023**[1]	**2022**	**2023**[1]
Hutang Kerajaan Persekutuan	1,079.6	1,145.0	*60.3*	*61.9*
Komitmen jaminan	224.1	221.4	*12.5*	*12.0*
Liabiliti lain	142.2	142.2	*7.9*	*7.7*
Jumlah	**1,445.9**	**1,508.6**	***80.7***	***81.6***

[1] Akhir Jun 2023
Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

Jaminan Kerajaan

Jaminan Kerajaan (GG) merupakan instrumen kuasi-fiskal yang ditadbir di bawah Akta Jaminan Kerajaan (Pertubuhan Perbadanan) 1965 [*Akta 96*]. Kerajaan menyediakan jaminan dalam bentuk sokongan pembiayaan bagi melaksanakan projek infrastruktur awam atau usahasama strategik yang menyumbang kepada pembangunan negara dan kesejahteraan rakyat. Secara umumnya, walaupun program atau projek yang dibiayai melalui kaedah GG mempunyai keupayaan kewangan, namun kurang berdaya maju sekiranya dilaksanakan secara komersial kerana mempunyai kos yang tinggi, tempoh pembinaan yang panjang serta tertakluk kepada kawalan tertentu oleh Kerajaan.

Pada akhir Jun 2023, jumlah GG terkumpul kekal sebanyak RM317.9 bilion atau 17.2% daripada KDNK. Dalam separuh pertama 2023, terdapat beberapa penambahan GG bagi

meneruskan pelaksanaan projek infrastruktur pengangkutan awam di bawah DanaInfra Nasional Berhad, Prasarana Malaysia Berhad dan Malaysia Rail Link Sdn. Bhd. Walau bagaimanapun, penambahan ini diimbangi dengan bayaran balik oleh penerima GG lain seperti Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam, Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional, Suria Strategic Energy Resources Sdn. Bhd. dan Pengurusan Air SPV Berhad.

Segmen infrastruktur kekal sebagai penerima utama GG pada 57.5% terutamanya bagi projek pengangkutan awam seperti Transit Aliran Massa (MRT), Laluan Rel Pantai Timur (ECRL), Transit Aliran Ringan 3 (LRT 3) dan lebuh raya. Segmen perkhidmatan mewakili penerima kedua terbesar GG dengan 28.8% terutamanya bagi pendidikan, perumahan dan kewangan. Baki segmen lain pula termasuk pegangan pelaburan (6.2%), utiliti (5%) dan perladangan (2.5%). Sepuluh penerima utama GG mewakili

JADUAL 5.2. *Penerima Utama Jaminan Kerajaan, 2022 – 2023*

ENTITI	RM JUTA		BAHAGIAN (%)		BAHAGIAN DARIPADA KDNK (%)	
	2022	2023[1]	2022	2023[1]	2022	2023[1]
DanaInfra Nasional Berhad	82,680	82,860	*26.0*	*26.1*	*4.6*	*4.5*
Prasarana Malaysia Berhad	42,369	42,869	*13.3*	*13.5*	*2.4*	*2.3*
Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam	42,250	41,950	*13.3*	*13.2*	*2.4*	*2.3*
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional	41,500	41,030	*13.1*	*12.9*	*2.3*	*2.2*
Malaysia Rail Link Sdn. Bhd.	30,851	34,886	*9.7*	*10.9*	*1.7*	*1.9*
Projek Lebuhraya Usahasama Berhad	11,000	11,000	*3.5*	*3.5*	*0.6*	*0.6*
Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)	7,918	7,918	*2.5*	*2.5*	*0.4*	*0.4*
Khazanah Nasional Berhad	6,500	6,500	*2.1*	*2.0*	*0.4*	*0.4*
Suria Strategic Energy Resources Sdn. Bhd.	6,485	6,393	*2.0*	*2.0*	*0.4*	*0.3*
Pengurusan Air SPV Berhad	6,775	6,070	*2.1*	*1.9*	*0.4*	*0.3*
Jumlah penerima utama	**278,328**	**281,476**	***87.6***	***88.5***	***15.6***	***15.2***
Penerima lain	39,289	36,507	*12.4*	*11.5*	*2.2*	*2.0*
Jumlah jaminan kerajaan	**317,617**	**317,983**	***100.0***	***100.0***	***17.8***	***17.2***

[1] Akhir Jun 2023
Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

lebih 85% daripada jumlah jaminan terkumpul. Selain itu, lebih 90% daripada GG terkumpul adalah dalam denominasi ringgit yang seterusnya mengurangkan pendedahan risiko tukaran asing kepada Kerajaan. Purata tempoh matang berwajaran bagi pembiayaan GG kekal 11.4 tahun dengan 52% daripada tempoh matang GG melebihi sepuluh tahun.

Komitmen Jaminan

Komitmen jaminan didefinisikan sebagai bantuan kewangan yang diberikan oleh Kerajaan kepada entiti penerima GG untuk pelbagai tujuan termasuk suntikan aliran tunai sementara, bantuan modal kerja, bayaran faedah dan bantuan operasi lain bagi

menyokong projek yang sedang berjalan. Pada ketika ini, komitmen jaminan mewakili 65% daripada jumlah terbitan GG di bawah Akta 96 dan Seksyen 14, Akta Tatacara Kewangan 1957 [*Akta 61*]. Sehingga akhir Jun 2023, komitmen jaminan telah berkurang kepada RM221.4 bilion berbanding RM224.1 bilion pada 2022. Walaupun terdapat terbitan baharu oleh penerima GG bagi projek infrastruktur, peningkatan ini telah diimbangi dengan pembayaran yang besar bagi pinjaman 1MDB berjumlah RM13.2 bilion pada Mac 2023. Pada masa ini, pembiayaan secara GG yang diberikan kepada FELDA telah dikategorikan sebagai komitmen jaminan disebabkan oleh bantuan kewangan yang diberikan oleh Kerajaan bagi pelan pemulihan FELDA.

JADUAL 5.3. *Komitmen Jaminan, 2022 – 2023*

ENTITI	RM JUTA		BAHAGIAN (%)	
	2022	2023[3]	2022	2023[3]
DanaInfra Nasional Berhad	82,680	82,860	36.9	37.4
Prasarana Malaysia Berhad	42,369	42,869	18.9	19.4
Malaysia Rail Link Sdn. Bhd.[1]	30,851	34,886	13.8	15.8
Urusharta Jamaah Sdn. Bhd.[2]	22,403	22,649	10.0	10.2
Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)	-	7,918	-	3.6
Suria Strategic Energy Resources Sdn. Bhd.[1]	6,485	6,393	2.9	2.9
Jambatan Kedua Sdn. Bhd.[1]	5,421	5,421	2.4	2.4
1Malaysia Development Berhad [1]	18,200	5,000	8.1	2.3
GovCo Holdings Berhad	4,625	4,325	2.1	2.0
Turus Pesawat Sdn. Bhd.	4,810	4,185	2.1	1.9
MKD Kencana Sdn. Bhd.	4,500	3,200	2.0	1.4
TRX City Sdn. Bhd.	1,150	1,150	0.5	0.5
Sentuhan Budiman Sdn. Bhd.	600	550	0.3	0.2
Assets Global Network Sdn. Bhd.	51	-	0.0	-
Jumlah	**224,145**	**221,406**	**100.0**	**100.0**

[1] Tertakluk kepada nilai kadar tukaran
[2] Jaminan yang diluluskan di bawah Seksyen 14, Akta 61
[3] Akhir Jun 2023
Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

Liabiliti Lain

Selain daripada komitmen jaminan, Kerajaan juga terus menyediakan pembiayaan melalui instrumen kuasi-fiskal yang lain. Instrumen tersebut merupakan obligasi yang dikategorikan sebagai liabiliti lain iaitu komitmen kewangan bagi pelaksanaan projek PPP dan obligasi kewangan projek PFI.

Kerjasama Awam Swasta

Pendekatan PPP merupakan suatu bentuk kerjasama antara kerajaan dengan sektor swasta. Dalam kerjasama ini, satu entiti perniagaan tersendiri diwujudkan, dibiayai dan diuruskan oleh sektor swasta bagi membangunkan infrastruktur dan aset serta menyediakan perkhidmatan kepada kerajaan dan awam. Kerjasama tersebut bercirikan jumlah peratusan pelaburan, perkongsian risiko, tanggungjawab pihak berkontrak dan elemen pulangan bersama. Inisiatif PPP memainkan peranan penting dalam agenda pembangunan negara terutamanya melalui penyediaan perkhidmatan awam dan infrastruktur fizikal. Ketika ini, Kerajaan melaksanakan dua kaedah PPP yang berbeza iaitu bayaran oleh pengguna yang dibiayai sepenuhnya oleh sektor swasta dan pembiayaan bersama antara Kerajaan dengan sektor swasta. Sehingga akhir Jun 2023, jumlah terkumpul komitmen kewangan bagi 105 projek PPP meningkat sedikit kepada RM93.8 bilion (2022: RM92.1 bilion).

Inisiatif Pembiayaan Swasta

Kaedah PFI telah diperkenalkan pada 2008 bagi melengkapkan usaha Kerajaan memacu agenda pembangunan disebabkan keadaan ekonomi yang perlahan. Pembiayaan telah disediakan untuk projek berkaitan utiliti dan kemudahan awam, pendidikan, rumah mampu milik, pembangunan kemahiran serta penyelenggaraan bangunan Kerajaan. Sumber pembiayaan bagi PFI diperoleh daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan). Dalam hubungan ini, Kerajaan perlu menyediakan komitmen kewangan bagi pembayaran obligasi kewangan tersebut. Pada akhir Jun 2023, obligasi kewangan bagi PFI adalah berjumlah RM45.9 bilion (2022: RM47.1 bilion).

Sementara itu, PBLT Sdn. Bhd. (PBLT) telah diperbadankan pada 2005 bagi memperbaiki kuarters perumahan, membina pusat latihan serta menaik taraf balai polis seperti yang telah disarankan oleh Suruhanjaya Penambahbaikan Perjalanan dan Pengurusan Polis Diraja Malaysia. Sehingga akhir Jun 2023, obligasi terkumpul PBLT adalah berjumlah RM2.5 bilion (2022: RM3 bilion).

Mitigasi Risiko ke atas Pendedahan Liabiliti

Kerajaan akan terus menyokong pelaksanaan projek infrastruktur berteraskan rakyat menggunakan instrumen kuasi-fiskal di samping mengurangkan pendedahan risiko berikutan ruang fiskal yang semakin mengecil. Pada masa yang sama, terbitan GG sentiasa dinilai semula dan langkah berhemat terus diambil ke atas terbitan GG baharu untuk mengurus risiko dan pendedahan. Kerajaan akan menambah baik pelaporan risiko kewangan dengan mengambil kira pemberian jaminan di bawah Akta 61 dan Akta 96 selari

dengan keperluan Akta Kewangan Awam dan Tanggungjawab Fiskal (FRA) yang sedang digubal. Tambahan pula, had ke atas jaminan kewangan kerajaan akan diperkenalkan selaras dengan amalan terbaik antarabangsa dalam pengurusan fiskal dan risiko yang berhemat.

Dalam jangka masa sederhana, liabiliti lain diunjur menyederhana berikutan langkah tertentu termasuk penilaian semula pendekatan pelaksanaan PPP melalui rangka kerja PPP 3.0, memperkemas rangka kerja dasar dan garis panduan sedia ada serta memastikan peruntukan yang mencukupi disediakan bagi pembayaran obligasi dan komitmen. Tambahan pula, FRA yang akan digubal memerlukan penilaian ke atas pendedahan risiko kerajaan dan seterusnya menyediakan pelan mitigasi bersesuaian.

Kesimpulan

Selaras dengan hasrat Malaysia menjadi ekonomi maju, penyediaan rangkaian infrastruktur yang meluas penting bagi pembangunan negara dan kemajuan ekonomi lantas memerlukan sokongan fiskal yang besar daripada Kerajaan. Namun begitu, Kerajaan akan sentiasa berhemat dalam menggunakan instrumen kuasi-fiskal untuk membiayai projek strategik atau dicadangkan oleh vendor di luar perancangan Kerajaan bagi mengurangkan pendedahan risiko serta bebanan fiskal. Selain itu, Kerajaan telah menggariskan pembaharuan kemampanan fiskal dalam memperbaiki tadbir urus dan memperkemas kewangan awam sebagai pemangkin utama ke arah mencapai pertumbuhan mampan dan inklusif selari dengan kerangka Ekonomi MADANI.

RENCANA

Penarafan Kredit Berdaulat: Merungkai Kepentingan dan Cabaran ke arah Negara Berdaya Tahan

Pengenalan

Penarafan kredit berdaulat (penarafan) merupakan pandangan bebas pihak ketiga terhadap kebolehpercayaan kredit sesebuah negara oleh agensi penarafan kredit (CRA) yang diiktiraf. Penarafan adalah penilaian ke hadapan yang mengukur keupayaan dan kesanggupan kerajaan untuk membuat bayaran penuh komitmen hutang tepat pada masanya menggunakan indikator kuantitatif dan kualitatif. Secara ringkas, penarafan mencerminkan kekuatan kredit negara dan memberikan gambaran asas makroekonomi yang merangkumi semua sektor.

Kepentingan Penarafan Kredit Berdaulat

Penarafan merupakan antara faktor penting dalam menentukan harga bon atau sukuk selain dari tempoh, kadar polisi serta penawaran dan permintaan terbitan. Secara amnya, pelabur menggunakan penarafan untuk menilai kebolehpercayaan kredit penerbit yang turut menggambarkan risiko kedaulatan. Penarafan juga dirujuk oleh pelabur untuk mempertimbangkan pelaburan langsung asing (FDI) di sesebuah negara dan turut dijadikan sebagai ukuran risiko relatif rakan niaga dalam pelbagai transaksi kewangan antarabangsa. Pengawal selia sering merujuk kepada penarafan apabila mempertimbangkan risiko aset yang berbeza. Kerajaan juga menggunakan penarafan sebagai pandangan pihak ketiga dalam menanda aras kemajuan ekonomi dan fiskal negara. Tambahan pula, penarafan kredit berdaulat menetapkan tanda aras bagi penerbit

lain seperti syarikat milik kerajaan, syarikat swasta dan bank seterusnya meningkatkan peluang kepada sumber pembiayaan antarabangsa. Penarafan adalah sumber maklumat penting bagi pelabur apabila mempertimbangkan saiz relatif atau harga terbitan baharu.

Manakala daripada segi penetapan harga pula, terdapat hubungan berlawanan antara kadar kupon atau keuntungan dan tahap penarafan. Penarafan yang diberikan adalah berdasarkan skala standard dan mencerminkan kebolehpercayaan kredit yang diklasifikasikan sebagai gred pelaburan atau spekulatif. Secara amnya, gred pelaburan merujuk kepada bon atau sekuriti yang dianggap sebagai pelaburan yang sesuai atau berisiko rendah, manakala gred spekulatif menunjukkan ketidaktentuan kedudukan penerbit atau berisiko tinggi. Skala penarafan kredit berdaulat oleh CRA antarabangsa terkemuka adalah seperti di Rajah 1.

RAJAH 1. *Skala Penarafan Kredit Berdaulat*

SKALA PENARAFAN KREDIT

PENARAFAN	FITCH	S&P	MOODY'S	RENDAH
	AAA	AAA	Aaa	
	AA+	AA+	Aa1	
	AA	AA	Aa2	
	AA-	AA-	Aa3	
GRED PELABURAN	A+	A+	A1	
	A	A	A2	
	A-	A-	A3	
	BBB+	BBB+	Baa1	
	BBB	BBB	Baa2	RISIKO KREDIT
	BBB-	BBB-	Baa3	
	BB+	BB+	Ba1	
	BB	BB	Ba2	
	BB-	BB-	Ba3	
	B+	B+	B1	
GRED SPEKULATIF	B	B	B2	
	B-	B-	B3	
	CCC+	CCC+	Caa1	
	CCC	CCC	Caa2	
	CCC-	CCC-	Caa3	
	CC	CC	Ca	
	C	C	C	
	RD/D	D		TINGGI

Sumber: Fitch Ratings, S&P Global Ratings dan Moody's Investors Service

Metodologi Penarafan Kredit Berdaulat

Penarafan diterbitkan oleh pelbagai CRA bebas dengan tiga agensi global utama iaitu Fitch Ratings (Fitch), Moody's Investors Service (Moody's) dan S&P Global Ratings (S&P). Pihak CRA menggunakan metodologi yang telus untuk menilai risiko kredit negara. Faktor asas yang mendorong penarafan dalam kalangan CRA adalah hampir sama dan meliputi pelbagai bidang seperti makroekonomi, fiskal, monetari, faktor luaran serta institusi dan tata kelola. Pihak CRA menggunakan data yang diterbitkan dan maklumat yang diperoleh melalui sesi libat urus formal dengan pihak kerajaan, pihak berkuasa dan pelbagai pihak berkepentingan untuk tujuan penilaian.

Setiap CRA mempunyai model pemarkahan yang kompleks terdiri daripada indikator kuantitatif dan kualitatif dengan pemberat yang berbeza. Lazimnya penilaian kuantitatif adalah termasuk keberhutangan luaran dan fiskal; kemampuan keberhutangan; pertumbuhan ekonomi; rizab asing; kecairan luaran; dan kedudukan pelaburan antarabangsa. Sementara itu, ukuran kualitatif termasuk asas makroekonomi; kestabilan politik; ketetapan dasar kerajaan; ketelusan dan tata kelola yang baik; serta keberkesanan dasar monetari. Sungguhpun pemarkahan merupakan output mekanikal, namun penilaian akhir dipengaruhi oleh pertimbangan kualitatif. Pertimbangan ini termasuk kedudukan sesebuah negara berbanding negara lain yang mempunyai profil geografi dan ekonomi yang hampir sama dengan negara berpenarafan setara utama. Faktor utama metodologi penarafan oleh CRA adalah seperti di Rajah 2.

RAJAH 2. *Faktor Utama Penilaian Kredit Berdaulat*

Faktor Ekonomi
- Kredibiliti & fleksibiliti dasar makroekonomi
- Tinjauan pertumbuhan KDNK
- Volatiliti pertumbuhan KDNK benar
- KDNK nominal
- KDNK per kapita
- Kestabilan makroekonomi

Faktor Fiskal
- Hutang kerajaan am/KDNK
- Baki fiskal/KDNK
- Faedah kerajaan am/Hasil kerajaan am
- Akses kepada pembiayaan fiskal
- Risiko liabiliti luar jangka
- Nisbah hutang dalam denominasi mata wang asing

Faktor Tata Kelola & Institusi
- Keberkesanan dasar makroekonomi & monetari
- Kekukuhan institusi
- Ketetapan dasar
- Worldwide Governance Indicator - Bank Dunia

Faktor Luaran
- Fleksibiliti pembiayaan luaran
- Kemampanan hutang luar negeri
- Kekukuhan imbangan pembayaran
- Pendedahan terhadap kejutan

Faktor Risiko Lain
- Risiko politik
- Risiko kecairan kerajaan
- Risiko pendedahan luaran
- Risiko sektor kewangan

Sumber: *Fitch Ratings, S&P Global Ratings* dan *Moody's Investors Service*

Latar Belakang Penarafan Kredit Berdaulat Malaysia

Penarafan Malaysia telah dimulakan oleh Moody's pada 1986 dengan Baa1 seterusnya dinaik taraf kepada A3 pada 1990 dan melonjak kepada A1 pada 1995. Sementara itu, S&P mula menilai Malaysia pada 1989 dengan penarafan A- dan diikuti oleh Fitch yang mengeluarkan penarafan pertama BBB- pada 1998. Krisis Kewangan Asia pada 1997/98 telah memberikan tekanan yang signifikan ke atas penarafan Malaysia serta kebanyakan negara di rantau ini yang mengakibatkan penurunan penarafan yang ketara. Semenjak itu, penarafan Malaysia telah bertambah baik menggambarkan asas ekonomi berdaya tahan yang mampu mengatasi kekangan kredit. Trajektori penarafan Malaysia oleh tiga CRA adalah seperti di Rajah 3.

RAJAH 3. *Penarafan Kredit Berdaulat Malaysia, 1986 – 2023*

Sumber: *Fitch Ratings, S&P Global Ratings* dan *Moody's Investors Service*

Pada masa ini, Malaysia dinilai pada A3 (Moody's), A- (S&P) dan BBB+ (Fitch) dengan tinjauan 'Stabil'. Menurut CRA, walaupun terdapat pelbagai pemacu untuk penarafan semasa, namun prestasi fiskal dikenal pasti sebagai faktor utama yang menyumbang kepada kelemahan kredit bagi Malaysia. Keadaan ini disebabkan oleh konsolidasi fiskal yang tersasar daripada trajektori asal akibat pelaksanaan pakej rangsangan dan pemulihan COVID-19 ditambah pula dengan asas hasil yang rendah. Oleh itu, prestasi fiskal dipantau dengan teliti kerana CRA menjangka Malaysia akan kembali ke landasan konsolidasi asal. Kekuatan utama penarafan Malaysia yang dikenal pasti oleh CRA termasuk kepelbagaian ekonomi; pertumbuhan berdaya tahan; institusi yang stabil dan boleh dijangka; sistem perbankan yang mantap dan kukuh; serta pendedahan yang rendah terhadap hutang kerajaan dalam denominasi mata wang asing.

Penarafan kredit berdaulat mencerminkan kebolehpercayaan kredit Malaysia dan turut menetapkan tahap untuk penerbit domestik yang ingin meneroka pasaran antarabangsa. Oleh itu, peserta pasaran dan Kerajaan sentiasa memantau kestabilan dan momentum penarafan kerana sebarang perubahan mungkin menjejaskan ekonomi. Penurunan penarafan kredit berdaulat boleh memberikan kesan buruk kepada pasaran bon di samping mencetuskan sentimen negatif dalam tukaran asing dan pasaran saham serta mempengaruhi keputusan FDI. Malaysia kekal berwaspada untuk melindungi seterusnya meningkatkan penarafan relatif dengan CRA serta mengukuhkan kedudukan dalam kalangan negara berpenarafan setara seperti di Rajah 4.

RAJAH 4. *Perbandingan Hutang Kasar Kerajaan Am daripada KDNK dalam kalangan Negara Berpenarafan Setara*

% KDNK

Legend:
- 2022
- 2023F
- A-MEDIAN
- BBB-MEDIAN

50%
41.2%

F - Unjuran
Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan S&P Global Ratings

Menangani Isu dan Cabaran

Pandemik COVID-19 dan kesan ekonomi seterusnya telah mengakibatkan lonjakan pinjaman berdaulat seluruh dunia yang menyebabkan hutang kerajaan mencecah paras tertinggi. Selaras dengan perkembangan ini, paras hutang Kerajaan Persekutuan berbanding KDNK turut melonjak daripada 52.4% sebelum pandemik kepada 60.3% pada 2022 untuk membiayai pakej rangsangan dan pemulihan COVID-19. Sementara itu, hasil cukai Kerajaan Persekutuan masih menyederhana pada purata 12.8% daripada KDNK dalam tempoh 10 tahun yang lalu. Justeru, penarafan akan terjejas sekiranya terdapat peningkatan hutang awam dan liabiliti luar jangka yang berterusan, hasil yang lebih rendah, konsolidasi fiskal yang perlahan dan ketidaktentuan politik. Oleh itu, prestasi fiskal merupakan pemacu utama yang boleh membawa Malaysia kembali ke landasan konsolidasi fiskal asal.

Walaupun KDNK merekodkan prestasi yang kukuh sebanyak 8.7% pada 2022, namun pertumbuhan dijangka menyederhana pada 2023 disebabkan oleh permintaan luar yang lemah, ketidaktentuan harga komoditi, inflasi global yang tinggi, dasar monetari yang semakin ketat dan ketegangan geopolitik. Oleh itu, keadaan tersebut akan memberikan cabaran ke atas kemampanan prospek pertumbuhan. Namun begitu, penambahbaikan rangka kerja institusi akan meningkatkan tata kelola dengan pengukuhan kredibiliti dan keberkesanan dasar terutamanya dalam pengurusan kewangan awam yang akan meningkatkan potensi pertumbuhan.

Kerajaan sentiasa berwaspada terhadap risiko utama yang terus menggugat pasaran global dan domestik serta boleh menjejaskan sentimen pelabur. Oleh yang demikian, kestabilan penarafan dan sebarang kemungkinan perubahan sentiasa dipantau dengan teliti. Sementara itu, langkah yang bersesuaian telah diambil untuk mengurangkan pendedahan terhadap risiko dengan menangani kelemahan dan meningkatkan kapasiti fiskal bagi menguruskan kejutan. Isu utama mengenai penarafan Malaysia adalah seperti di Rajah 5.

RAJAH 5. *Isu Penarafan Kredit Berdaulat Malaysia*

MOODY'S INVESTORS SERVICE

S&P Global Ratings

FitchRatings

| A3 / Tinjauan Stabil | A- / Tinjauan Stabil | BBB+ / Tinjauan Stabil |

Pencetus Peningkatan Penarafan

- **Prospek konsolidasi fiskal bertambah baik dengan ketara** – meluaskan asas hasil, mengekalkan penurunan beban hutang & meningkatkan kemampuan keberhutangan

- **Penambahbaikan dalam rangka kerja institusi** – meningkatkan standard tata kelola & kredibiliti / keberkesanan dasar

- **Hasil fiskal mengatasi unjuran** – kestabilan politik yang berterusan & penurunan defisit secara mampan

- **Penurunan hutang bersih < 60% daripada KDNK**

- **Pengurangan pembayaran faedah < 10% hasil**

- **Arah aliran penurunan hutang kerajaan am/KDNK** – lebih hampir kepada median negara berpenarafan setara

- **Penambahbaikan dalam standard tata kelola berbanding negara berpenarafan setara** – peningkatan ketelusan & pengekangan rasuah

Pencetus Penurunan Penarafan

- **Metrik hutang & kemampuan keberhutangan yang semakin lemah**

- **Kenaikan mendadak liabiliti luar jangka**

- **Perubahan dalam komitmen fiskal jangka masa sederhana**

- **Penurunan hasil jangka masa panjang**

- **Politik yang tidak menentu** – menjejaskan kredibiliti & keberkesanan institusi

- **Prospek pertumbuhan jangka masa sederhana yang lemah**

- **Pertumbuhan ekonomi mengalami kemerosotan yang berpanjangan** – penurunan pertumbuhan arah aliran KDNK benar per kapita berbanding negara berpenarafan setara

- **Kestabilan politik semakin merosot** – penggubalan dasar yang sukar dijangka

- **Peningkatan nisbah hutang kerajaan dalam jangka masa sederhana** – konsolidasi fiskal yang tidak mencukupi & kristalisasi liabiliti luar jangka

- **Kemerosotan dalam prospek pertumbuhan jangka masa sederhana** – pelaburan yang lemah dalam sektor pembuatan

Sumber: Laporan Penarafan Kredit Berdaulat Malaysia 2023 oleh *Fitch Ratings, S&P Global Ratings* dan *Moody's Investors Service*

Pendekatan ke arah Meningkatkan Daya Tahan Negara

Kerajaan akan memastikan momentum pertumbuhan disokong secara berterusan oleh pembaharuan strategik dengan menumpukan kepada kesejahteraan rakyat, meningkatkan daya saing perniagaan dan mengekalkan trajektori pertumbuhan ke arah memperkukuh daya tahan negara. Oleh itu, Kerajaan akan terus melaksanakan inisiatif pembaharuan fiskal bagi memperkasakan rangka kerja kewangan awam ke arah kemampanan fiskal jangka masa panjang. Pembaharuan fiskal yang dicadang termasuk:

i. pengenalan Akta Kewangan Awam dan Tanggungjawab Fiskal untuk meningkatkan tata kelola, akauntabiliti dan ketelusan dalam pengurusan fiskal;

ii. penggubalan Akta Perolehan Kerajaan untuk memantapkan ketelusan dalam perolehan awam;

iii. inisiatif untuk meluaskan asas hasil dan menambah baik pengurusan perbelanjaan melalui pembangunan Strategi Hasil Jangka Sederhana, Rangka Kerja Perbelanjaan Jangka Sederhana, Semakan Semula Perbelanjaan Awam serta pembaharuan pencen dan subsidi; dan

iv. pembaharuan institusi untuk meningkatkan tata kelola dan pelaporan melalui pengenalan beberapa penerbitan baharu seperti penyata risiko fiskal, penyata perbelanjaan cukai dan laporan prestasi perbelanjaan pertengahan tahun.

Pembaharuan tersebut disesuaikan dengan rangka kerja dasar Ekonomi MADANI dalam memacu momentum ekonomi dan mengukuhkan kedudukan fiskal. Rangka kerja ini akan menyediakan tujahan yang diperlukan untuk melonjak Malaysia ke arah pertumbuhan ekonomi dan kemakmuran yang mampan serta menginstitusikan kewangan awam yang kukuh sekali gus mencatatkan penarafan yang lebih baik. Penambahbaikan dalam penarafan akan memanfaatkan negara melalui pertambahan pelaburan asing, pengurangan kos pinjaman dan peningkatan prospek ekonomi.

Kesimpulan

Malaysia telah mengecapi kemajuan yang pesat sejak sekian lama. Kemajuan ini telah mengukuhkan rangka kerja makroekonomi dan pengurusan fiskal. Daya tahan dalam menghadapi kesukaran telah menunjukkan bahawa asas pertumbuhan negara adalah teguh. Walau bagaimanapun, pengukuhan berterusan diperlukan untuk membolehkan peralihan negara kepada ekonomi maju. Justeru, komitmen Kerajaan di bawah rangka kerja Ekonomi MADANI akan menyediakan pelan komprehensif jangka masa panjang untuk meningkat dan mentransformasikan pertumbuhan ekonomi; menggalakkan pelaburan dan peluang baharu; serta mengukuhkan daya saing perniagaan tempatan. Inisiatif strategik tersebut akan menyumbang kepada penarafan kredit berdaulat yang lebih baik untuk negara serta menjadi pemangkin ke arah pertumbuhan ekonomi yang mampan, kewangan awam yang teguh dan kemakmuran untuk semua.

Rujukan

Afonso, A., Gomes, P., & Rother, P. (2007). *What 'hides' behind sovereign debt ratings?* Working paper series, No 711. European Central Bank.

Bhatia, A. V. (2002). *Sovereign credit ratings methodology. An evaluation*. Washington D.C. International Monetary Fund.

Chen, J. (2023). *Sovereign Bond Yield: What It Is, How It Works*. Investopedia. Dicapai daripada https://www.investopedia.com/terms/s/sovereign-bond-yield.asp

Elkhoury, M. (2008). *Credit rating agencies and their potential impact on developing countries*. Geneva, Switzerland; United Nations Conference on Trade and Development Compendium on Debt Sustainability.

Fitch Ratings. (2023). *Rating action commentary - Fitch Affirms Malaysia at 'BBB+'; Outlook Stable.* Dicapai daripada https://www.fitchratings.com/research/sovereigns/fitch-affirms-malaysia-at-bbb-outlook-stable-15-02-2023

Fitch Ratings. *Ratings definitions*. (2023, August 17). Dicapai daripada https://your.fitch.group/rating-definitions.html

Fitch Ratings: *Sovereign rating criteria*. (2023, April 6). Dicapai daripada https://www.fitchratings.com/research/sovereigns/sovereign-rating-criteria-06-04-2023

Holmes, F. (2023). *The implications of Fitch Ratings' U.S. credit downgrade*. USGI. Dicapai daripada https://www.usfunds.com/resource/the-implications-of-fitch-ratings-u-s-credit-downgrade

Moody's Investors Service. (2023). *Issuer in-depth - Government of Malaysia - A3: Stable. Update following rating affirmation, outlook unchanged.* Dicapai daripada https://www.moodys.com/research/Government-of-Malaysia-A3-stable-Update-following-rating-affirmation-outlook-Credit-Opinion--PBC_1357224

Moody's Investors Service. *Rating methodology: Sovereigns*. (2022, November 22). Dicapai daripada https://ratings.moodys.com/api/rmc-documents/395819

Moody's Investors Service. *Understanding ratings*. (2023, August 17). Dicapai daripada https://ratings.moodys.io/ratings

Stawasz-Grabowska, E. (2020). *Sovereign credit rating determinants of the EU countries: The role of the euro area crisis and its legacy.* Entrepreneurial Business and Economics Review, 8(2), 47-69.

S&P Global Ratings. *How we rate sovereigns*. (2019, February 15). Dicapai daripada https://www.spglobal.com/ratings/_division-assets/pdfs/021519_howweratesovereigns.pdf

S&P Global Ratings. *Intro to credit ratings*. (2023, August 17). Dicapai daripada https://www.spglobal.com/ratings/en/about/intro-to-credit-ratings

S&P Global Ratings (2023). *Research update: Malaysia 'A-/A-2' Foreign Currency And 'A/A-1' Local Currency Ratings Affirmed; Outlook Stable*.

Wahhab, A. M. A., Gatea, A. K., & Mohammed Abd Ali, M. A. (2020). *Sovereign credit rating and its impact on foreign investment and government debt: A case study of Iraq as a model.* PalArch's Journal of Archaeology of Egypt/Egyptology, 17(3), 2170-2184.

RAJAH 5.1. *Jaminan Kerajaan Terkumpul*

RM bilion   % KDNK

RAJAH 5.2. *Profil Kematangan Jaminan Kerajaan[1]*

RM bilion

RAJAH 5.3. *Jaminan Kerajaan mengikut Segmen[1]*

RM318 bilion

- INFRASTRUKTUR — 57.5%
- PERKHIDMATAN — 28.8%
- PEGANGAN PELABURAN — 6.2%
- UTILITI — 5.0%
- PERLADANGAN — 2.5%

RAJAH 5.4. *Obligasi PPP Terkumpul mengikut Sektor[1]*

RM93.8 bilion

- SOSIAL — 56%
- PENTADBIRAN AM — 39.1%
- KESELAMATAN — 3.5%
- EKONOMI — 1.4%

[1] Akhir Jun 2023

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), Jabatan Perdana Menteri

Sektor Awam Disatukan

Sektor Awam Disatukan

Sektor Awam Disatukan

Sektor awam disatukan (CPS) di Malaysia terdiri daripada unit dalam kerajaan am termasuk Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri, kerajaan tempatan dan Badan Berkanun Persekutuan; serta syarikat awam bukan kewangan (SABK). Kedudukan kewangan CPS menyediakan penilaian menyeluruh terhadap prestasi kewangan yang menggambarkan saiz keseluruhan sektor awam, penilaian impak operasi ke atas prestasi ekonomi dan mengenal pasti faktor risiko fiskal. Data CPS boleh digunakan di peringkat antarabangsa bagi membantu analisis perbandingan dan penanda aras global seperti penarafan kredit dan penilaian oleh pertubuhan antarabangsa. Bagi menggambarkan keseluruhan kedudukan kewangan sebagai sebuah entiti disatukan, semua transaksi antara setiap unit sektor awam diasingkan selaras dengan rangka kerja CPS.

Kedudukan kewangan CPS dijangka mencatat lebihan semasa yang lebih rendah sebanyak RM51.3 bilion pada 2023 iaitu penurunan sebanyak 14.4% berbanding RM60 bilion pada tahun sebelumnya. Penurunan ini dipengaruhi oleh lebihan semasa SABK yang lebih kecil berikutan peningkatan perbelanjaan mengurus (OE) terutamanya bagi menggalakkan aktiviti pelaburan selain terus menyokong kemajuan teknologi dan digitalisasi. Perbelanjaan pembangunan (DE) disatukan pula dijangka meningkat sebanyak 36.7% kepada RM203.1 bilion berikutan pelaburan lebih tinggi terutamanya oleh Kerajaan Persekutuan dan SABK. Oleh itu, defisit keseluruhan CPS dijangka meningkat kepada RM151.7 bilion atau 8.2% daripada KDNK pada 2023 selepas mengasingkan semua pindahan, pinjaman bersih dan dividen antara unit.

JADUAL 6.1. *Kedudukan Kewangan Sektor Awam Disatukan, 2022 – 2024*

	RM JUTA			PERUBAHAN (%)		
	2022	**2023[2]**	**2024[3]**	**2022**	**2023[2]**	**2024[3]**
Hasil	267,592	293,126	305,668	*12.8*	*9.5*	*4.3*
Perbelanjaan mengurus	335,373	340,542	340,725	*23.1*	*1.5*	*0.1*
Baki semasa	-67,781	-47,416	-35,057	*92.7*	*-30.0*	*-26.1*
Baki semasa SABK	127,746	98,734	106,529	*82.9*	*-22.7*	*7.9*
Baki semasa sektor awam	**59,965**	**51,318**	**71,472**			
Perbelanjaan pembangunan	148,563	203,065	193,771	*18.2*	*36.7*	*-4.6*
Kerajaan am	74,861	98,323	94,067	*12.7*	*31.3*	*-4.3*
SABK	73,702	104,742	99,704	*24.5*	*42.1*	*-4.8*
Kumpulan Wang COVID-19[1]	30,979	-	-	*-17.9*	*-*	*-*
Baki keseluruhan	**-119,577**	**-151,747**	**-122,299**			
% daripada KDNK	***-6.7***	***-8.2***	***-6.2***			

[1] Kumpulan wang amanah khusus yang ditubuhkan di bawah Akta Langkah-Langkah Sementara Bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) 2020 untuk membiayai pakej rangsangan dan pemulihan ekonomi
[2] Anggaran disemak
[3] Anggaran belanjawan tidak termasuk langkah Belanjawan 2024
Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

Kerajaan Am

Kerajaan am melaksanakan fungsi ekonomi utama kerajaan meliputi penyediaan barangan dan perkhidmatan awam, agihan semula pendapatan dan kekayaan serta pembiayaan aktiviti melalui cukai atau pindahan. Oleh itu, penilaian kedudukan kewangan kerajaan am penting bagi mengukur impak operasi kerajaan sebagai satu entiti dalam memastikan kemampanan ekonomi.

Hasil disatukan kerajaan am pada 2023 dijangka meningkat secara marginal sebanyak 0.5% kepada RM357.7 bilion berikutan peningkatan kutipan cukai. Selain itu, OE disatukan juga dianggar meningkat sebanyak 1.6% kepada RM341 bilion terutamanya disebabkan oleh kenaikan bayaran khidmat hutang. Justeru, baki semasa kerajaan am dijangka mencatat lebihan sebanyak RM16.6 bilion. Di samping itu, DE disatukan dijangka meningkat sebanyak 32.2% kepada RM99.6 bilion terutamanya disebabkan oleh peruntukan DE Kerajaan Persekutuan yang

lebih tinggi. Walau bagaimanapun, jumlah perbelanjaan dianggar berkurang secara marginal sebanyak 0.3% kepada RM440.7 bilion pada 2023 selaras dengan penamatan Kumpulan Wang COVID-19 pada akhir 2022. Oleh itu, defisit kerajaan am dijangka mengecil kepada RM83 bilion atau 4.5% daripada KDNK pada 2023 selepas semua pindahan dan pinjaman bersih diasingkan.

Sumber utama pembiayaan defisit kerajaan am adalah pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan dan rizab terkumpul. Artikel 111 dan 112 di bawah Perlembagaan Persekutuan menetapkan bahawa semua kerajaan negeri kecuali Sabah dan Sarawak hanya dibenarkan meminjam daripada atau dengan kelulusan Kerajaan Persekutuan. Walau bagaimanapun, kerajaan tempatan dibenarkan meminjam tertakluk kepada persetujuan kerajaan negeri berkaitan. Badan Berkanun Persekutuan[1] juga layak memperoleh pembiayaan dengan kelulusan Kerajaan Persekutuan. Oleh itu, pendedahan terhadap risiko kredit kerajaan am adalah terkawal pada peringkat Kerajaan Persekutuan.

JADUAL 6.2. *Kedudukan Kewangan Kerajaan Am Disatukan, 2022 – 2024*

	RM JUTA			PERUBAHAN (%)		
	2022	**2023[2]**	**2024[3]**	**2022**	**2023[2]**	**2024[3]**
Hasil	355,890	357,678	364,173	24.8	0.5	1.8
Perbelanjaan mengurus	335,807	341,045	341,241	23.0	1.6	0.1
Baki semasa	**20,083**	**16,633**	**22,932**			
Perbelanjaan pembangunan	75,356	99,606	94,839	10.8	32.2	-4.8
Kumpulan Wang COVID-19[1]	30,979	-	-	-17.9	-	-
Baki keseluruhan	**-86,252**	**-82,973**	**-71,907**			
% daripada KDNK	***-4.8***	***-4.5***	***-3.6***			

[1] Kumpulan wang amanah khusus yang ditubuhkan di bawah Akta Langkah-Langkah Sementara Bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) 2020 untuk membiayai pakej rangsangan dan pemulihan ekonomi
[2] Anggaran disemak
[3] Anggaran belanjawan tidak termasuk langkah Belanjawan 2024
Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

---

[1] Seksyen 5 Akta Badan Berkanun (Kuasa Meminjam) 1999.

Kerajaan Negeri

Kutipan hasil disatukan kerajaan negeri dianggar menguncup sebanyak 8.1% kepada RM32.4 bilion pada 2023 dengan 82.7% atau RM26.8 bilion merupakan hasil janaan negeri manakala bakinya adalah pindahan dan geran oleh Kerajaan Persekutuan. Sebahagian besar hasil janaan negeri terdiri daripada cukai jualan, royalti petroleum, premium tanah dan pendapatan pelaburan. Sarawak, Sabah, Selangor, Terengganu dan Johor menyumbang sebanyak RM22.3 bilion kepada hasil janaan negeri. Sarawak dan Sabah terus menjadi penyumbang tertinggi iaitu 62.3% daripada keseluruhan hasil janaan negeri.

Kutipan cukai langsung dan tidak langsung dijangka berjumlah RM10.6 bilion atau 32.7% daripada hasil disatukan. Cukai langsung dianggar mencatat sebanyak 36.8% daripada jumlah cukai atau RM3.9 bilion terutamanya disumbangkan oleh cukai tanah. Cukai tidak langsung yang sebahagian besar terdiri daripada cukai jualan[2], duti hiburan dan dius pelabuhan diunjur sebanyak RM6.7 bilion atau 63.2% daripada hasil cukai. Hanya Sabah dan Sarawak diberikan kuasa untuk mengutip cukai jualan yang diunjur sebanyak RM2.3 bilion dan RM4.2 bilion.

Hasil bukan cukai kerajaan negeri dijangka mencatat sebanyak RM13 bilion atau 40.1% daripada hasil disatukan. Komponen utama hasil bukan cukai adalah royalti petroleum, pendapatan pelaburan dan premium tanah. Geran daripada Kerajaan Persekutuan termasuk pemberian ikut kepala, pemberian bagi OE dan bayaran perkhidmatan dianggar menjadi penyumbang terbesar kepada terimaan bukan hasil iaitu sebanyak RM8.8 bilion. Pemberian ikut kepala ditentukan berdasarkan unjuran

kependudukan tahunan manakala pemberian bagi OE adalah termaktub dalam Senarai Bersama Perlembagaan Persekutuan. Di samping itu, bayaran perkhidmatan adalah bagi penglibatan penjawat awam negeri dalam projek pembangunan Persekutuan.

Perbelanjaan disatukan kerajaan negeri yang terdiri daripada OE dan DE dijangka berjumlah RM31.8 bilion. Peruntukan OE diunjur meningkat sebanyak 5% kepada RM18.2 bilion terutamanya disebabkan oleh emolumen, perkhidmatan dan bekalan serta pindahan dan kenaan bayaran tetap. Peruntukan DE pula dijangka meningkat sebanyak 15.5% kepada RM13.6 bilion bagi membiayai pembinaan dan penyelenggaraan jalan raya di Sabah, Sarawak dan Selangor; pembangunan kawasan luar bandar di Sabah dan Sarawak; serta projek bekalan air di Kedah dan Pahang.

JADUAL 6.3. *Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri Disatukan,*
2022 – 2023

	RM JUTA		PERUBAHAN (%)	
	2022	**2023[1]**	**2022**	**2023[1]**
Hasil	35,218	32,370	*25.5*	*-8.1*
Perbelanjaan mengurus	17,296	18,160	*-0.8*	*5.0*
Baki semasa	**17,922**	**14,210**		
Perbelanjaan pembangunan kasar	11,797	13,624	*21.9*	*15.5*
Tolak: Terimaan balik pinjaman	396	504	*3.8*	*27.4*
Perbelanjaan pembangunan bersih	11,401	13,120	*22.7*	*15.1*
Baki keseluruhan	**6,521**	**1,090**		
% daripada KDNK	***0.4***	***0.1***		

[1] Anggaran
Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

---

[2] Seperti yang termaktub dalam Jadual Kesepuluh Perlembagaan Persekutuan, Bahagian V, Sumber Tambahan Hasil yang Diserahhakkan kepada Negeri Sabah dan Sarawak.

Kerajaan Persekutuan terus menyediakan sokongan kepada kerajaan negeri meskipun berhadapan cabaran fiskal. Justeru, kedudukan kewangan kerajaan negeri disatukan diunjur mencatat lebihan semasa sebanyak RM14.2 bilion. Baki keseluruhan kerajaan negeri pula dijangka mencatat lebihan sebanyak RM1.1 bilion atau 0.1% daripada KDNK.

Syarikat Awam Bukan Kewangan

Meskipun menghadapi cabaran persekitaran global luar jangka sepanjang tahun, SABK terus berdaya tahan bagi menyokong pertumbuhan. Prestasi SABK terus dipacu oleh beberapa segmen ekonomi seperti tenaga, pengangkutan dan logistik serta perkhidmatan teknologi maklumat dan komunikasi. Oleh yang demikian, hasil SABK diunjur sebanyak RM521.8 bilion atau 28.2% daripada KDNK pada 2023. Hasil daripada subsektor minyak dan gas dijangka berkurang sedikit disebabkan oleh turun naik harga komoditi global dan kadar pertukaran mata wang.

Jumlah perbelanjaan SABK dijangka meningkat dengan ketara kepada RM590.6 bilion pada 2023 atau 31.9% daripada KDNK dengan perbelanjaan semasa mencatat RM485.8 bilion manakala perbelanjaan modal sebanyak RM104.7 bilion. Peningkatan perbelanjaan ini sejajar dengan pemulihan aktiviti ekonomi dan perbelanjaan modal yang besar selaras dengan penyusunan semula strategi perniagaan SABK melalui digitalisasi. Oleh itu, pelaburan modal SABK tertumpu terutamanya kepada usaha sama penerokaan berkaitan bukan hidrokarbon dan loji pemprosesan gas asli cecair; peralihan tenaga dan infrastruktur grid kuasa; infrastruktur rel; serta infrastruktur teknologi dan perkhidmatan telekomunikasi. Di samping itu, usaha Kerajaan untuk mempromosikan Malaysia sebagai destinasi pelaburan yang menarik selari dengan dasar sedia ada seperti Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara,

Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 dan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua Belas yang berpanduan kerangka Ekonomi MADANI dijangka dapat mengukuhkan semula aktiviti pelaburan SABK dalam jangka masa sederhana dan panjang.

Selaras dengan peralihan kepada ekonomi rendah karbon oleh kebanyakan negara, terdapat permintaan lebih tinggi untuk sumber tenaga alternatif seperti tenaga boleh baharu yang boleh dimanfaatkan bagi memacu potensi perniagaan SABK. Sehubungan itu, SABK perlu memperkukuh usaha bagi memastikan pelaburan modal sejajar dengan komitmen ke arah ekonomi rendah karbon melalui pengurangan pelepasan gas rumah hijau dan meningkatkan pelaburan dalam perniagaan berkaitan sektor hijau seterusnya mempercepat kemajuan ke arah mencapai pelepasan karbon sifar bersih. Komitmen tersebut termasuk pembangunan penangkapan karbon, penggunaan dan penyimpanan untuk penyimpanan karbon yang selamat bagi menampung pelepasan domestik dan serantau; projek hibrid hidro-solar dan penambahbaikan loji jana kuasa arang batu untuk mengekang dan meminimumkan impak ke atas alam sekitar; serta pelaksanaan persekitaran kerja yang lebih fleksibel, hibrid dan kondusif.

JADUAL 6.4. *Kedudukan Kewangan Syarikat Awam Bukan Kewangan Disatukan, 2022 – 2023*

	RM JUTA		PERUBAHAN (%)	
	2022	**2023[1,2]**	**2022**	**2023[1,2]**
Hasil	533,492	521,794	41.2	-2.2
Perbelanjaan semasa	493,078	485,826	39.3	-1.5
Baki semasa	**40,414**	**35,968**		
Perbelanjaan modal	73,702	104,742	24.5	42.1
Baki keseluruhan	**-33,288**	**-68,774**		
% daripada KDNK	*-1.9*	*-3.7*		

[1] Merujuk kepada 31 SABK utama
[2] Anggaran
Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

Usaha tersebut menggambarkan peralihan daripada perniagaan yang hanya bermotifkan keuntungan kepada matlamat yang lebih komprehensif dengan mengambil kira elemen alam sekitar, sosial dan tadbir urus serta Agenda Pembangunan Mampan 2030. Di samping memastikan kesinambungan projek fizikal, sebahagian besar daripada pelaburan modal juga diperuntukkan untuk memperkukuh langkah keselamatan siber dan memudah cara inisiatif transformasi digital.

Kedudukan kewangan disatukan SABK dijangka mencatat lebihan semasa sebanyak RM36 bilion pada 2023. Walau bagaimanapun, defisit keseluruhan dijangka meningkat kepada RM68.8 bilion atau 3.7% daripada KDNK susulan perbelanjaan modal yang besar untuk pengembangan perniagaan dan pelaburan. Namun, SABK yang mempunyai nilai aset bersih berjumlah RM779.7 bilion mampu membiayai defisit melalui pendapatan terkumpul dan pinjaman yang disokong oleh aset berkualiti tinggi dan prospek pendapatan yang kukuh.

Kesimpulan

Secara keseluruhan, CPS menunjukkan peningkatan DE yang ketara pada 2023 berbanding pertumbuhan hasil. Peningkatan hasil mencerminkan trend ekonomi yang positif manakala jumlah DE yang tinggi dapat meningkatkan pelaburan awam bagi mengekalkan trajektori pertumbuhan ekonomi. Selain itu, gabungan dasar yang tepat dan kejayaan pembaharuan struktural penting bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan setiap program dan projek demi mengangkat Malaysia menjadi negara yang progresif dan gemilang berdasarkan kerangka Ekonomi MADANI.

RAJAH 6.1. *Aset dan Liabiliti SABK[1]*

¹ Akhir 2022
Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

2024 Fiscal Outlook and Federal Government Revenue Estimates

PREFACE

MINISTER OF FINANCE MALAYSIA

The Malaysian economic growth has demonstrated remarkable steadfastness and resilience, registering an 8.7% increase in 2022. This momentum has continued in 2023 albeit at a slower pace, recording a moderate growth of 4.2% in the first half due to sluggish global economic and trade growth. Domestic spending continues to drive the momentum, underpinned by strong economic fundamentals.

The Government will uphold a sound fiscal policy to support sustainable growth momentum and improve the well-being of the rakyat in line with the Ekonomi MADANI framework. The framework, among others, focuses on achieving fiscal resilience and sustainability with a fiscal deficit target of 3% in the coming years. It also aims to transform the Malaysian economy, catapulting Malaysia to the top 30 largest economies within 10 years. Collectively, the National Energy Transition Roadmap, the New Industrial Master Plan 2030 and the Mid-Term Review of the Twelfth Malaysia Plan will consolidate the whole-of-government effort to shape Malaysia into a formidable economy and a leading player in Asia.

In 2024, the fiscal outlook will prioritise countercyclical measures to address external headwinds and support initiatives towards a new economic horizon. As the Government navigates these challenges and opportunities, we remain committed to achieve a lower fiscal deficit of 4.3% through fiscal consolidation. We are determined to uphold responsible and pragmatic public finance practices in rebuilding fiscal buffers as well as reducing exposure to debt and liabilities, while pursuing growth and socio-economic developments. The Government will undertake bold fiscal reform measures to further strengthen revenue management and mobilisation, along with efforts to reduce wastages and leakages, as well as optimise spending. In this regard, the impending enactment of the Public Finance and Fiscal Responsibility Act will solidify our efforts to enhance governance, accountability and transparency in public finance management.

In an unpredictable global economy, the need for a robust financial strategy and prudent fiscal management cannot be understated. This Report underscores the Government's commitment to maintain a high standard of fiscal transparency and governance. With a strong sense of accountability, I present a comprehensive overview of the nation's public finance management as outlined in the Fiscal Outlook and Federal Government Revenue Estimates 2024 report. As we reflect on the accomplishments and challenges of past fiscal years, we are inspired by the opportunities that lie ahead.

This Report is the result of the dedication and contributions from various stakeholders, the Ministry's staff in particular, and the rakyat at large. I extend my heartfelt appreciation to everyone involved in the preparation of this Report. Ultimately, I reaffirm our commitment to enhance fiscal sustainability. Together, we will overcome challenges, seize rising opportunities and pave the way to an era of sustainable growth that benefits all Malaysians, in line with the vision of Malaysia MADANI.

ANWAR IBRAHIM
13 October 2023

THE FEDERAL GOVERNMENT BUDGET 2024

WHERE IT COMES FROM

Borrowings and Use
of Government's
Assets
21.9%

Income Tax
44.4%

**RM393,800[1]
MILLION**

Non-Tax
Revenue
16.2%

Indirect Tax
14.9%

Other Direct Tax
2.6%

WHERE IT GOES

General
Administration
1.0%

Security
3.2%

**DEVELOPMENT
EXPENDITURE**

Social
7.2%

Emoluments
24.3%

Economic
11.5%

**RM393,800[2]
MILLION**

Others
6.7%

Debt Service
Charges
12.6%

Subsidies and
Social Assistance
13.4%

**OPERATING
EXPENDITURE**

Supplies and Services
9.7%

Grants and Transfers
to State Governments
2.2%

Retirement
Charges
8.2%

[1] Consists of revenue and borrowings
[2] Excludes contingency reserves
Source: Ministry of Finance, Malaysia

CONTENT

ACRONYMS AND ABBREVIATIONS

1MDB	1Malaysia Development Berhad		KWAP	Retirement Fund (Incorporated)
BNM	Bank Negara Malaysia		LPPSA	Public Sector Home Financing Board
bps	basis points		MGII	Malaysian Government Investment Issues
BTC	bid-to-cover			
CITA	companies income tax		MGS	Malaysian Government Securities
COVID-19	Coronavirus Disease 2019		MITB	Malaysian Islamic Treasury Bills
CPS	consolidated public sector			
CRA	credit rating agencies		MOF Inc.	Minister of Finance Incorporated
DE	development expenditure		Moody's	Moody's Investors Service
DSA	Debt Sustainability Analysis		MTB	Malaysian Treasury Bills
DSC	debt service charges		MTFF	Medium-Term Fiscal Framework
FDI	foreign direct investment		MTRS	Medium-Term Revenue Strategy
FELDA	Federal Land Development Authority			
FFR	Federal Funds Rates		NETR	National Energy Transition Roadmap
Fitch	Fitch Ratings		NFPCs	Non-Financial Public Corporations
FRA	Public Finance and Fiscal Responsibility Act		NIMP 2030	New Industrial Master Plan 2030
GDP	Gross Domestic Product			
GFN	gross financing needs		OE	operating expenditure
GG	Government guarantees		OECD	Organisation for Economic Co-operation and Development
GMT	global minimum effective tax rate			
			OPR	Overnight Policy Rate
GPA	Government Procurement Act		PBLT	PBLT Sdn. Bhd.
GST	Goods and Service Tax		PETRONAS	Petroliam Nasional Berhad
ICT	information and communications technology		PFI	private finance initiatives
IMF	International Monetary Fund		PITA	petroleum income tax
IPSAS	International Public Sector Accounting Standards		PPP	public-private partnership
KPI	key performance indicator		PTPTN	Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional

S&P	S&P Global Ratings	SST	Sales Tax and Service Tax
SPK	Government Housing Sukuk	Twelfth Plan	Twelfth Malaysia Plan, 2021–2025
SRDSF	Sovereign Risk and Debt Sustainability Framework	VAT	value-added tax

Fiscal Policy Overview

Fiscal Policy Overview

Overview

